

MUHAMMAD BIN IBRAHIM AL-NU'AIM

MISTERI PANJANG UMUR

Menuai Pahala Berganda Dengan Amalan Mudah dan Ringkas

Penterjemah:
Muhammad Zuhri

Penyunting/Editor:
Ust. Muhammad Sabri Sahrir



AL-HIDAYAH PUBLICATION
2010





Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Kami adalah **penerbit** dan **pengedar buku-buku Islam** kontemporari dinihari. Bergerak bersama mendokong **kebenaran Al-Quran** dan As-sunnah sebagai teras pengabdian. **Menyebarkan ilmu** di mana dan ke mana saja demi **merealisasikan** cita-cita dan harapan **Membina generasi** di **masa depan.** Pastinya usaha kami **bukan meraih** keuntungan yang sedikit **di dunia** ini tetapi mahu melihat **generasi** dan **negara** ini mencapai mercu kecemerlangan di dunia dan di akhirat. Untuk itu kami sedia **memberi perkhidmatan** yang terbaik untuk keperluan masa **depan anda.**



AL-HIDAYAH PUBLICATION



MISTERI PANJANG UMUR

Judul Asal : Kayfa Tutilu 'Umraka al-Intaji?
Penulis : Muhammad bin Ibrahim al-Nu'aim
Penerbit Asal : Dar al-Dzakha'ir li al-Nasyr wa al-Tawzi'
Dammam, Edisi III, 1422H/2001M
Penterjemah : Muhammad Zuhri
Penyunting : Ust. Muhammad Sabri Sahrir
Tata Letak : Tim al-Hidayah

Cetakan Pertama ……. 2010

Diterbitkan Oleh: **AL-HIDAYAH PUBLICATION**
No. 27, Jalan DBP Dolomite Business Park 68100
Batu Caves, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-6185 3002, 61857006, 6185 4009 Fax: 03-6185 9008

Diedarkan Oleh: **AR-RISALAH PRODUCT SDN. BHD**
No. 27, Jalan DBP Dolomite Business Park 68100
Batu Caves, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-6185 3002, 61857006, 6185 4009
Fax: 03-6185 9008

Dicetak Oleh: **PERCETAKAN ZAFAR SDN. BHD**
Lot 18, Jalan 4/10B, Spring Crest Industrial Park
Batu Caves, 68100 Kuala Lumpur





KATA PENGANTAR PENERBIT

SEGALA puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam disampaikan kepada junjungan Nabi Muhammad SAW, keluarga serta sahabat-sahabat baginda.

Dalam usaha untuk menambahkan buku-buku bacaan di kalangan masyarakat masa kini, dengan syukur dipanjatkan kepada Allah SWT kerana kami dapat menerbitkan sebuah lagi buku yang bertajuk **MISTERI PANJANG UMUR.**

Sebagai penerbit, besar harapan kami agar buku ini dapat bermanfaat kepada pembaca. Segala amalan yang baik ini semoga mendapat keredaan Allah SWT.

Segala kesilapan dan kekurangan adalah kelemahan daripada kami, oleh itu teguran membina amatlah dialu-alukan.


Sekian, Wabillahi Taufiq, Wassalamu'alaikum.

Penerbit,
Al-Hidayah Publication



ISI KANDUNGAN


























"*Allah menciptakan kamu, kemudian mewafatkan kamu; dan di antara kamu ada yang dikembalikan kepada umur yang paling lemah (lanjut usia), supaya dia tidak mengetahui sesuatu pun yang pernah diketahuinya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Kuasa.*" (Surah al-Nahl: 70)

Degup jantung orang itu segera berbisik;
Hidup ini hanya dalam hitungan detik.

Usahakan diri anda sentiasa dikenang meski sudah mati

Kenangan abadi manusia itu ibarat dia hidup kembali.

Jika seseorang itu telah berusia 60 tahun
Separuh umur telah digunakan tidur malam

Separuhnya entah digunakan kemana
Hanya diisi duka cita dan kesibukan.



KATA PENGANTAR (I)
Dr. Soleh bin Ghanim al-Sadlan
Universiti Islam al-Imam Muhammad bin Su'ud, Riyadh
Hari Jumaat 11415/1/H

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat serta salam semoga sentiasa dicurahkan ke atas Nabi kita Muhammad (s.a.w), keluarga dan para sahabatnya.

Penulis buku ini telah menyerahkan seluruh isi naskhah ini kepada saya untuk disemak. Ada beberapa catatan yang perlu saya sampaikan di sini.

Pertama, buku ini terdiri daripada tiga bab. Setiap bab diakhiri dengan kesimpulan dan mengandungi buah fikiran.

Kedua, buku ini sangat bermanfaat dan tepat untuk tema seperti ini.

Ketiga, penulis memiliki gaya tersendiri untuk menghuraikan makna teks-teks hadis yang membincangkan amalan-amalan yang berlipat kali ganda pahalanya. Ia terlebih dahulu mengajak para pembaca untuk membandingkan umur hakiki dengan umur yang produktif menghasilkan banyak pahala dengan mengerjakan ajaran hadis-hadis tersebut. Menurut penulis sebagaimana dikatakan dalam kesimpulannya,

dengan mengerjakan amalan-amalan yang berlipat kali ganda, seseorang secara tidak langsung telah memanjangkan umurnya: sama ada dalam pengertian hakiki mahupun dalam pengertian maknawi, iaitu panjangnya umur dilihat dari segi produktifitinya mengerjakan amal soleh dan amal kebajikan. Gaya ini mencerminkan kedalaman kefahaman penulis terhadap masalah yang dibahaskan olehnya. Oleh itu, pembaca hendaklah mengkaji buku ini dengan saksama dan cermat.

Keempat, perbahasan buku ini sangat penting dan diperlukan oleh semua golongan; ulama, pelajar, remaja, orang tua, sama ada lelaki mahupun perempuan.

Kelima, mengerjakan amal-amal soleh yang dihuraikan dalam buku ini, menurut penulis sangatlah mudah dan ringan. Namun ada dua perkara yang sering membuatkan kebanyakan manusia enggan mengerjakannya, iaitu; pertama, tidak ada niat yang ikhlas; kedua, tidak mengetahui betapa besarnya pahala yang akan diperoleh jika melakukan amalan-amalan itu. Penting untuk diingat, meskipun dalam waktu yang singkat, seseorang dapat memperoleh ganjaran pahala yang melimpah ruah apabila mengerjakan amalan-amalan tersebut.

Saya berdoa kepada Allah (s.w.t) agar buku ini bermanfaat bagi penulis, pembaca dan semua pihak yang membantu penerbitan buku ini supaya dapat dimanfaatkan oleh pembaca. Selawat dan salam semoga sentiasa dicurahkan ke atas Nabi kita Muhammad (s.a.w), keluarga dan semua sahabatnya.

KATA PENGANTAR (II)
Syeikh Abdurrahim al-Hasyim
Fakulti Syariah dan Pengajian Islam, al-Ihsa'
151415/1/H

Segala pujian bagi Allah (s.w.t), Tuhan yang telah melimpahkan kurnia yang banyak kepada para makhluk-Nya. Selawat dan salam semoga sentiasa dilimpahkan ke atas makhluk yang mulia dan junjungan besar kita: Nabi Muhammad (s.a.w) beserta keluarga dan para sahabatnya. Semoga kesejahteraan turut dilimpahkan ke atas orang-orang yang mencintai mereka dengan tulus dan taat mengikuti petunjuk Allah (s.w.t) sehingga hari kiamat.

Allah telah menganugerahkan umat ini dengan suatu kurnia yang tidak diberikan kepada umat-umat lain yang terdahulu iaitu mereka dibebaskan dari pelbagai kesusahan yang pernah dibebankan ke atas umat terdahulu, sama ada dalam perkara ibadah mahupun muamalah. Kurnia ini diberikan kerana umat ini tidak dianugerahkan umur yang panjang dan tubuh yang kuat sebagaimana umat-umat yang terdahulu. Walau bagaimanapun, kedua-dua perkara itu; umur yang panjang dan tubuh yang kuat merupakan jalan yang utama bagi manusia untuk memperbanyakkan

pahala. Oleh kerana kedua-duanya tidak diberikan kepada umat ini, Allah (s.w.t) menggantikannya dengan kemudahan-kemudahan dalam memperoleh pahala. Dengan kurniaan ini, insya Allah umat ini kelak menjadi separuh daripada penduduk syurga. Amin.

Dalam buku ini, Muhammad bin Ibrahim an-Nu'aim memaparkan beberapa kurniaan tersebut, iaitu amalan-amalan ringan dan mudah, tetapi mendatangkan pahala yang besar. Atas permintaannya, saya telah menyemak buku ini dan membuat beberapa kesimpulan.

Pertama, buku ini menghuraikan bentuk-bentuk kurniaan Allah tersebut. Secara umum, kurniaan itu berupa pahala besar yang dapat diperoleh dengan mengerjakan amalan-amalan yang ringan dan mudah.

Kedua, penulis memperkuatkan penjelasannya dengan ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis yang disertai dengan penjelasan para ulama salaf.

Ketiga, dalam menghuraikan teks-teks hadis, penulis sengaja menggunakan pendekatan yang bersifat matematik. Hal ini tidak lain untuk menyesuaikan dengan keadaan masyarakat moden masa kini.

Apa pun, saya banyak mengambil manfaat dari buku ini. Maka, pembaca patut bersyukur kerana ternyata Allah (s.w.t) telah menganugerahkan pelbagai kemudahan kepada kita untuk meraih pahala-Nya dengan ringan dan mudah. Selebihnya, kita harus yakin bahawa Allah (s.w.t) Maha Kaya dan Maha Pemurah, memiliki kurnia yang besar, dan tiada yang dapat menandingi-Nya di langit mahupun di bumi. Allah Maha Kuasa untuk memberi kurnia lebih banyak

dari apa yang disebutkan dalam buku ini. Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَٱللَّهُ يُضَٰعِفُ لِمَن يَشَآءُۚ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

"… Allah melipat gandakan pahala bagi siapa yang Dia kehendaki, dan Allah Maha Luas kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui." (Surah al-Baqarah: 261)

Umat ini hendaklah rajin beribadah, bermuamalah dengan orang lain sesuai dengan petunjuk Allah (s.w.t) dan ajaran Rasulullah (s.a.w), serta ikhlas menjalankan amalan-amalan kebajikan. Dengan begitu, dia menjadi orang yang berjaya ketika menghadap Allah (s.w.t) di hari kiamat kelak. Allah (s.w.t) berfirman:

..... فَمَن كَانَ يَرۡجُواْ لِقَآءَ رَبِّهِۦ فَلۡيَعۡمَلۡ عَمَلٗا صَٰلِحٗا وَلَا

يُشۡرِكۡ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدَۢا ﴿١١٠﴾

"… barangsiapa yang mengharapkan untuk bertemu Tuhannya maka hendaklah melakukan amal soleh dan tidak berbuat syirik dalam beribadah kepada-Nya." (Surah al-Kahfi: 110)

Umat ini juga harus berhati-hati daripada sifat 'ujub, riya' dan merendah-rendahkan orang lain. Mereka hendaklah mengelakkan diri daripada melakukan pelbagai amalan bid'ah, kerana perbuatan ini dapat menghapuskan pahala sesuatu amalan. Lebih daripada itu, umat ini juga perlu mengamalkan sunnah, meskipun hanya sekali dalam seumur hidup. Mereka hendaklah melakukan ibadah yang pahalanya berlipat kali ganda

sebagaimana dicontohkan oleh Nabi (s.a.w). Baginda pernah berkata kepada Juwairiah, Ummul Mukminin: "Aku telah mengucapkan empat kalimat yang sama nilainya dengan yang engkau baca sejak pagi, iaitu kalimat:

سُبْحَانَ اللهِ وَبِحَمْدِهِ عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

"Maha Suci Allah, aku memuji-Nya sebanyak mahkluk-Nya, sejauh keredhaan-Nya, seberat timbangan 'arsy-Nya, dan sebanyak tinta dakwat kalimat-Nya)."

Jika seseorang sentiasa melakukan ini bererti dia telah memanfaatkan waktunya dengan baik untuk dunia dan akhirat.

Semoga Allah (s.w.t) melimpahkan hidayah dan taufik-Nya kepada kita semua. Selawat dan salam semoga sentiasa tercurah ke atas Nabi Muhammad (s.a.w) dan keluarganya.



PENDAHULUAN

Segala puji bagi Allah, Tuhan yang memulakan dan mengakhiri segala sesuatu. Maha Suci Allah, Tuhan yang melipatgandakan kurnia-Nya bagi mereka yang bersyukur. Segala puji bagi Allah di atas nikmat-Nya yang berkesinambungan. Sesungguhnya Dia Maha Terpuji lagi Maha Mulia.

Saya bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah, dan tiada sekutu bagi-Nya. Dan, saya bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba-Nya sekali gus pesuruh-Nya. Muhammad diutus sebagai rahmat bagi umat-Nya. Selawat dan salam semoga sentiasa dicurahkan ke atasnya, keluarga, sahabat dan pengikutnya serta salam sejahtera untuk mereka buat selamanya.

Idea penulisan buku ini bermula ketika saya menemukan kembali catatan tentang beberapa fikiran yang pernah saya tulis ketika membaca kitab Sahih al-Jami' al-Saghir dan al-Fath al-Kabir karya Muhammad Nashiruddin al-Albani beberapa tahun silam. Sejak itu, saya mula membuka semula kitab itu dan terfikir untuk mengulas lebih mendalam beberapa asas fikirannya itu.

Apapun, saya memulakan idea ini dengan mengumpulkan hadis-hadis Nabi (s.a.w) yang sahih

berkaitan dengan amalan-amalan yang pahalanya berlipat kali ganda dan dapat menambahkan produktiviti umur seseorang muslim.

Saya juga sempat membincangkan idea ini dengan beberapa tokoh. Hasilnya, inti persoalan yang perlu dibahas pun semakin berkembang dan bertambah banyak sebagaimana yang ada pada buku ini.

Tema ini sangat penting. Bahkan, menurut saya perlu diketahui oleh para pemuda, terutama mereka yang baru memulai mengkaji ilmu agama. Selain itu, setiap kali saya membicarakan tema ini di hadapan khalayak ramai, banyak yang tertarik dengannya. Oleh itu, niat saya untuk segera menulisnya dalam sebuah buku semakin kuat. Harapan saya, semoga buku ini dapat dimanfaatkan secara lebih meluas. Mudah-mudahan usaha ini menjadi catatan amal jariah saya di sisi Allah (s.w.t), dan terus bermanfaat sampai ketika saya meninggal dunia nanti. Amin.

Saya sangat senang hati apabila ada kawan-kawan yang bersedia menterjemahkannya ke dalam bahasa Inggeris, India, Indonesia atau bahasa-bahasa lain. Saya berdoa, semoga usaha tersebut dapat dilaksanakan dengan baik.

Buku ini mengulas secara ringkas beberapa amal soleh yang pahalanya dapat menambahkan umur atau menjadikan umur yang lebih produktif menghasilkan pahala menjadi lebih banyak dari umur yang sebenar. Buku ini ibarat mikroskop untuk memperlihatkan kepada kita makna penting hadis-hadis yang sering kita baca, namun hanya berlalu begitu saja tanpa kita

menghayatinya.

Buku ini saya bahagikan menjadi tiga bab:

Bab pertama, menghuraikan makna dan betapa pentingnya memanjangkan umur.

Bab kedua, menghuraikan amalan-amalan yang dapat memanjangkan umur. Bab ini terdiri daripada empat bahasan: Pertama, memanjangkan umur dengan cara berakhlak mulia. Kedua, memanjangkan umur dengan cara melakukan amalan-amalan yang pahalanya berlipat kali ganda. Ketiga, memanjangkan umur dengan cara melakukan amalan-amalan jariah. Keempat, memanjangkan umur dengan cara memanfaatkan waktu sebaik-baiknya.

Bab ketiga, menghuraikan cara-cara memelihara pahala dan umur yang produktif.

Untuk memperkuatkan perbahasan buku ini, saya memuatkan rujukan yang muktamad. Hadis-hadis Nabi (s.a.w) yang saya nukilkan di sini hanya yang sahih atau hasan sahaja. Dan, untuk memudahkan lagi kefahaman terhadap makna hadis-hadis tersebut, saya menyebutkan sumber penukilan dan penjelasannya berlandaskan kitab-kitab syarah hadis yang masyhur. Hadis-hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari misalnya, saya merujuknya kepada kitab Fath al-Bari karya Ibn Hajar. Hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, saya merujuk kepada syarah Shahih Muslim karya al-Nawawi. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud saya merujuk kepada Aun al-Ma'bud, hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidzi saya merujuk kepada 'Aridhah al-Ahwadzi, hadis Musnad Ahmad

kepada al-Fath al-Rabbani, hadis yang diriwayatkan oleh al-Nasa'i kepada Syarah Sunan al-Nasa'i karya Imam al-Suyuthi dan Hasyiah al-Sindi, dan hadis Ibn Majah merujuk kepada Syarah Sunan Ibn Majah al-Qazwaini karya Abu al-Hasan al-Hanafi yang dikenali dengan al-Sindi.

Saya berharap pembaca tidak hanya membaca buku ini sepintas lalu atau untuk sekadar mencari tajuk utamanya saja. Setidaknya, pembaca mesti membaca bab pertama dengan saksama, agar memahami betapa penting tema ini. Setelah itu, baru terus membaca bab yang menerangkan kaedah-kaedah yang dapat memanjangkan umur.

Nabi (s.a.w) bersabda:

مَنْ لاَ يَشْكُرِ النَّاسَ لاَ يَشْكُرِ اللهَ.

"*Barangsiapa tidak bersyukur kepada sesama manusia, maka dia tidak bersyukur kepada Allah*."[1] Dalam kaitan ini saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada saudara Abdurrahim bin al-Sayyid Ibrahim al-Hasyim, pensyarah Fakulti Syariah dan Pengajian Islam di Ahsa' kerana bersedia menyemak buku ini dari sudut syariah. Ucapan terima kasih pula diucapkan untuk saudara

---

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Abu Sa'id al-Khudri, *al-Fath al-Rabbani* (19/95; Abu Dawud: (13/165); al-Tirmidzi daripada Abu Hurairah (8/135) dan berkata: "Hadis ini hasan sahih." Ia dinilai sahih oleh al-Suyuthi dalam *al-Jami' al-Shaghir*: (9029); al-Mannawi dalam *Faidh al-Qadir* (6/224); al-Albani dalam *Shahih al-Jami'*: (6541).

Khalid al-Halabi, pensyarah fakulti yang sama yang telah menyemak buku ini dari sudut bahasa.

Akhirnya, segala puji bagi Allah (s.w.t) yang telah memberi kemudahan bagi saya untuk menerbitkan hasil pena pertama ini. Semoga Allah (s.w.t) mengampuni kesalahan dan kesilapan saya dalam menulis buku ini. Dan saya memohon kepada-Nya agar buku ini bermanfaat.

Kepada segenap pembaca, saya mengharapkan saranan dan kritikan agar buku ini nantinya dapat menjadi lebih sempurna.

Abu 'Umar Muhammad bin Ibrahim al-Nu'aim



BAB PERTAMA
MANFAAT PANJANG UMUR

A. Mengapa Kita Ingin Hidup?

Sebagai muslim, kita hidup bukan hanya untuk makan dan minum semata-mata. Kalau hanya untuk itu sahaja, hidup kita tidak ada bezanya dengan haiwan dan orang kafir, kerana Allah (s.w.t) menegaskan bahawa mereka hidup hanya untuk makan, minum dan bersenang-senang semata. Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ يَتَمَتَّعُونَ وَيَأْكُلُونَ كَمَا تَأْكُلُ ٱلْأَنْعَـٰمُ وَٱلنَّارُ مَثْوًى لَّهُمْ ﴿١٢﴾

"orang-orang kafir bersenang-senang dan makan seperti haiwan, dan neraka tempat kembali mereka." (Surah Muhammad: 12)

Kewujudan kita dan semua yang ditundukkan dan dipermudahkan bagi kita di muka bumi ini adalah untuk beribadah kepada Allah (s.w.t) dan melawan hawa nafsu. Ringkasnya, hidup di dunia ini hanya untuk mengumpulkan pahala sebanyak mana yang mungkin sebelum ajal kita tiba. Oleh itu, setiap manusia mesti

berusaha memanfaatkan waktu yang terhad ini sebaik yang mungkin dengan melakukan amal soleh yang dapat menaikkan lagi darjatnya di dalam syurga kelak.

Setiap waktu yang berlalu dengan sia-sia tanpa sebarang manfaat pada hari kiamat kelak akan menjadi sesalan. Pada hari itu, orang-orang malas akan berkata: "Aduhai…seandainya aku mempersiapkan hidupku untuk hari ini, nescaya Allah akan melimpahkan kurnia-Nya. Sesungguhnya Dialah yang Maha Pemurah."

Kita adalah berbeza dengan orang Yahudi. Mereka selalu berharap hidupnya tanpa penghujung, supaya dapat menikmati kehidupan di dunia ini sepuas-puasnya. Dalam erti kata lain, mereka ingin hidup seribu tahun lamanya sebagaimana disebutkan dalam firman-Nya:

وَلَتَجِدَنَّهُمْ أَحْرَصَ ٱلنَّاسِ عَلَىٰ حَيَوٰةٍ وَمِنَ ٱلَّذِينَ
أَشْرَكُوا۟ ۚ يَوَدُّ أَحَدُهُمْ لَوْ يُعَمَّرُ أَلْفَ سَنَةٍ وَمَا هُوَ بِمُزَحْزِحِهِۦ
مِنَ ٱلْعَذَابِ أَن يُعَمَّرَ ۗ وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ بِمَا يَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

"Dan sesungguhnya kamu akan mendapati mereka, manusia yang paling loba dengan kehidupan dunia, bahkan lebih loba lagi dari orang-orang musyrik. Masing-masing mereka ingin agar diberi umur seribu tahun, padahal umur panjang itu sekali-kali tidak akan menjauhkannya dari seksa. Allah Maha Mengetahui apa yang mereka kerjakan." (Surah Al-Baqarah: 96)

Seorang muslim akan menjadikan hidupnya bukan hanya sekadar bertahan hidup, sebaliknya untuk

mengumpulkan pahala sebanyak yang mungkin. Oleh itu, setiap kali melihat hidupnya menambahkan pahala dan semakin mendekatkan diri kepada Allah (s.w.t), dia akan memohon kepada Allah agar diberi umur yang panjang dan diperbaiki amalannya. Abu Bakrah (r.a) menceritakan bahawa:

أَنَّ رَجُلاً قَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، أَيُّ النَّاسِ خَيْرٌ؟ قَالَ: مَنْ طَالَ عُمُرُهُ وَحَسُنَ عَمَلُهُ، قَالَ: فَأَيُّ النَّاسِ شَرٌّ؟ قَالَ: مَنْ طَالَ عُمُرُهُ وَسَاءَ عَمَلُهُ.

"Seseorang bertanya kepada Rasulullah (s.a.w): "Siapakah orang yang paling baik?" Baginda menjawab: "Orang yang panjang umurnya dan baik amalannya." Dia bertanya lagi: "Lalu, siapakah orang yang paling buruk?" Baginda menjawab: "Orang yang panjang umurnya, tetapi buruk amalannya."[1]

Ketika seorang muslim merasa hidupnya semakin menjerumuskan dirinya ke dalam jurang fitnah dan menambahkan keburukannya, dia berdoa kepada Allah (s.w.t) agar dipanggil kehadrat-Nya dalam keadaan tidak memfitnah atau difitnah. Muadz bin Jabal (r.a) meriwayatkan bahawa antara doa yang kerap dibaca

---

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, *al-Fath al-Rabbani* (7/50); al-Tirmidzi (9/202) dan berkata: "Hadis ini hasan sahih." Ia turut diriwayatkan oleh al-Thabarani dan al-Hakim. Al-Suyuthi dalam *al-Jami' al-Shaghir*: (4039) menilainya sahih; al-Mannawi dalam *Faidh al-Qadir* (3/480); al-Albani dalam *Shahih al-Jami'*: (3297).

Rasulullah (s.a.w) adalah:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ وَتَرْكَ الْمُنْكَرَاتِ وَحُبَّ الْمَسَاكِينِ وَأَنْ تَغْفِرَ لِي وَتَرْحَمَنِي وَإِذَا أَرَدْتَ فِتْنَةً فِي قَوْمٍ فَتَوَفَّنِي غَيْرَ مَفْتُونٍ، وَأَسْأَلُكَ حُبَّكَ وَحُبَّ مَنْ يُحِبُّكَ وَحُبَّ عَمَلٍ يُقَرِّبُنِي إِلَى حُبِّكَ.

"Ya Allah, sesungguhnya aku memohon pertolongan-Mu untuk menjalankan kebaikan, meninggalkan kemungkaran, dan mencintai orang-orang miskin. Ampunilah dosa-dosaku, dan kasihanilah diriku. Jika Engkau menginginkan keburukan (fitnah) pada suatu kaum, maka matikanlah diriku dalam keadaan tidak terkena fitnah. Aku juga memohon pertolongan-Mu untuk mencintai-Mu, orang-orang yang mencintai-Mu."

Rasulullah (s.a.w) lalu bersabda: "*Doa ini haq, maka pelajarilah (hafallah) dan ajarkanlah*!"[1]

Hadis ini tidakkah bercanggah dengan hadis riwayat Sa'ad bin Ubadah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

لاَ يَتَمَنَّى أَحَدُكُمْ الْمَوْتَ إِمَّا مُحْسِنًا فَلَعَلَّهُ يَزْدَادُ وَإِمَّا مُسِيئًا فَلَعَلَّهُ يَسْتَعْتِبُ.

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, *al-Fath al-Rabbani* (30/19); al-Tirmidzi: (12/116) dan berkata: "Hadis hasan sahih." Al-Albani menilainya sahih dalam *Shahih al-Jami'*: (59).

"Janganlah sekali-kali seseorang di antara kamu menginginkan kematian! Kerana jika dia baik, barangkali dia akan bertambah baik, dan jika dia buruk amalnya, barangkali dia akan bertaubat."[1]

Demikianlah, tidak ada percanggahan antara kedua-dua hadis tersebut, kerana Rasulullah (s.a.w) tidak melarang umatnya mengharapkan kematian ketika terjadi suatu bahaya yang akan menjadi fitnah bagi agamanya.

Daripada Anas bin Malik (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

لاَ يَتَمَنَّي أَحَدُكُمْ الْمَوْتَ لِضُرٍّ نَزَلَ بِهِ، فَإِنْ كَانَ لاَ بُدَّ مُتَمَنِّيًا لِلْمَوْتِ، فَلْيَقُلْ: اللَّهُمَّ أَحْيِنِي مَا كَانَتْ الْحَيَاةُ خَيْرًا لِي، وَتَوَفَّنِي إِذَا كَانَتْ الْوَفَاةُ خَيْرًا لِي.

"*Jangan sekali-kali kamu menginginkan mati kerana suatu musibah yang menimpa. Kalau memang terpaksa mengharapkannya, maka hendaklah dia berkata: 'Ya Allah, hidupkan diriku selagi hidup lebih baik bagiku, dan matikanlah diriku selagi kematian lebih baik bagiku*'."[2]

Jadi tujuan hidup kita bukan seperti tujuan hidup orang kafir. Tujuan kita jauh lebih mulia daripada

---

[1] Diriwayatkan oleh oleh al-Bukhari: (13/233).

[2] Diriwayatkan oleh al-Bukhari: (10/132) dan (11/154); Muslim: (17/7); al-Timidzi: (4/195); Abu Dawud: (8/373); al-Nasa'i: 3/4 (1820).

tujuan hidup mereka, iaitu beribadah kepada Allah (s.w.t) dan mengumpulkan pahala kebaikan sebanyak yang mungkin sebelum mati.

B. Dilema Besar Manusia

Persoalan paling besar yang dihadapi seorang muslim dan semua manusia di bumi ini adalah waktu hidupnya sangat terhad. Tidak seorang pun sanggup menambahkan tahun, hari, atau bahkan detik sekalipun dalam hidupnya. Meskipun seseorang mengerahkan semua waktunya untuk memperoleh pahala, umurnya akan tetap singkat apabila dibandingkan dengan umur umat-umat yang terdahulu. Kenyataan ini sesuai dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

أَعْمَارُ أُمَّتِي مَا بَيْنَ السِّتِّينَ إِلَى السَّبْعِينَ وَأَقَلُّهُمْ مَنْ يَجُوزُ ذَلِكَ.

"Umur umatku antara enam puluh sampai tujuh puluh tahun, dan sedikit sekali yang lebih daripada itu."[1]

---

[1] Diriwayatkan oleh al-Tirmidzi (13/65) dan berkata: "Hadis ini hasan gharib daripada Muhammad bin 'Amar daripada Abu Salamah daripada Abu Hurairah daripada Nabi (s.a.w) dan kami tidak tahu mengenainya selain daripada jalur ini." Ia dinilai hasan oleh al-Suyuthi dalam a*l-Jami' al-Shaghir*: (1199); al-Mannawi dalam *Faidh al-Qadir* (2/11) dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Jami*': (1073).

Namun ironinya, umur produktif kebanyakan manusia zaman ini justeru tidak lebih daripada dua puluh tahun. Katakanlah, umur seseorang enam puluh tahun, maka sepertiganya pasti hanya digunakan untuk tidur dengan anggapan bahawa dia tidur selama lapan jam dalam sehari, lima belas tahun masa kanak-kanak dan masa sebelum baligh dan bakinya sekitar dua puluh lima tahun. Baki ini pun sekitar dua tahunnya paling tidak diperlukan untuk makan, melepaskan hajat dan lain-lain sebagainya iaitu apabila setiap pekerjaan itu memakan waktu dua jam dalam sehari. Ini bererti baki umur yang benar-benar efektif adalah hanya sekitar sepertiga umurnya, iaitu dua puluh tiga tahun. Maka sisa inilah yang seharusnya dimanfaatkan sebaik-baiknya untuk menghasilkan pahala sebanyak yang mungkin.

Adalah ironi, apabila baki umur ini juga masih akan menjadi penyesalan di akhirat kelak, kerana sisa umur itu hanya sedikit saja yang produktif menghasilkan pahala. Inilah dilema dan cabaran paling besar bagi manusia. Dari sini jelaslah bahawa mencari kaedah untuk memanjangkan umur dan jalan pintas menuai pahala sangatlah penting.

C. Pengertian Memanjangkan Umur

Istilah memanjangkan umur pernah disebut dalam hadis riwayat Anas bin Malik (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ وَيُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ فَلْيَصِلْ رَحِمَهُ.

"Barangsiapa ingin dimudahkan rezekinya dan ditangguhkan ajalnya (dipanjangkan umurnya) maka hendaklah menyambung tali persaudaraan."[1]

Para ulama berbeza pendapat mengenai makna al-Atsar pada hadis di atas.

Imam al-Nawawi berkata: "Kata al-Atsar (makna asalnya adalah jejak langkah) dalam hadis di atas bermakna ajal, kerana sebagaimana jejak biasanya selepas sesuatu langkah, maka ajal selalu berada di belakang kehidupan. Sementara 'dimudahkan rezekinya' bermakna diluaskan dan diperbanyakkan jumlahnya. Ada pula yang memberikan pengertian 'diberkati'. Tentang penangguhan ajal, ada satu soalan yang sering dikemukakan; bukankah ajal dan rezeki telah ditentukan, dan tidak bertambah serta berkurang? Bukankah Allah (s.w.t) berfirman:

..... فَإِذَا جَاءَ أَجَلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً ۖ وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٣٤﴾

"Apabila datang ajal mereka, maka tidak dapat ditangguhkan dan tidak dapat dipercepatkan walau sesaat pun'." (Surah Al-A'raf: 34)?

[1] Diriwayatkan oleh al-Bukhari (10/429); Muslim (16/114)

Ada beberapa jawapan ulama tentang masalah ini.

Pertama, wujud tambahan tersebut adalah dalam bentuk umur yang berkat, gemar melakukan amal ibadah, waktunya diisi dengan amalan-amalan yang bermanfaat sebagai bekal di akhirat, waktu (umur) dipelihara daripada disia-siakan.

Kedua, tambahan umur itu dalam pengetahuan para malaikat dan yang tertulis di lauhul mahfudz, terlihat umur si "polan" (misalnya ditetapkan enam puluh tahun), tetapi apabila dia menyambung ikatan silaturrahim, akan ditambah sebanyak empat puluh tahun. Dan Allah Maha Mengetahui dengan apa yang akan terjadi di atas ketetapan itu. Di sinilah maksud firman Allah (s.w.t):

يَمْحُوا۟ ٱللَّهُ مَا يَشَآءُ وَيُثْبِتُ ..... ﴿٣٩﴾

"Allah menghapuskan yang Dia kehendaki dan menetapkan (yang Dia kehendaki)." (Surah al-Ra'd: 39)

Maksudnya, mengikut pengetahuan Allah (s.w.t) dan takdir-Nya, penambahan umur itu tidak pernah terjadi. Namun, di mata para makhluk-Nya, tambahan umur itu akan terlihat sebagaimana yang dimaksudkan oleh hadis Rasulullah (s.a.w) tadi.

Ketiga, tambahan tersebut bererti nama baik si fulan sentiasa dikenang meskipun setelah dia meninggal dunia, sehingga dia seolah-olah tetap hidup atau tidak pernah mati. Pandangan ini diriwayatkan oleh al-Qadhi. Apapun, pandangan ini lemah. Wallahu a'alam.

Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَمَا يُعَمَّرُ مِن مُّعَمَّرٍ وَلَا يُنقَصُ مِنْ عُمُرِهِۦٓ ..... ﴿١١﴾

"Dan tidaklah seseorang dipanjangkan umurnya dan tidak dikurangi umurnya…" (Surah Al-Fathir: 11)

Berkaitan ayat di atas, Ibn Taimiyah berkata: "Konteks ayat di atas bermaksud jenis. Maksudnya, umur seseorang tidak akan ditambah dan tidak pula dikurangi dengan umur manusia yang lain. Dari sini, umur manusia dipanjangkan dan dikurangi memiliki dua tafsiran: *Pertama*, si fulan panjang umur dan si fulan pendek umurnya. Jadi maksud pengurangan umur di sini adalah pendeknya umur seseorang apabila dibandingkan dengan umur orang lain. *Kedua*, demikian halnya dengan pemanjangan umur: panjangnya umur seseorang dibanding umur orang lain yang lebih pendek."

Ada yang pula mentafsirkan bahawa pengurangan umur ini dengan berkurangnya umur seseorang daripada umur yang telah ditetapkan di *lauhul mahfudz*. Demikian halnya dengan maksud penambahan iaitu bertambahnya umur dari apa yang telah ditentukan. Hal itu kerana

dalam Shahih al-Bukhari dan Shahih Muslim disebutkan bahawa Rasulullah (s.w.t) bersabda:

مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ وَيُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ فَلْيَصِلْ رَحِمَهُ.

"Barangsiapa ingin dimudahkan rezekinya dan dipanjangkan umurnya maka hendaklah dia menyambungkan tali persaudaraan."

Menurut sebahagian ulama, maksud kalimat "dipanjangkan umurnya" dalam hadis itu adalah umur memperoleh keberkatan. Adapun wujud keberkatan

dapat dilihat bahawa seseorang itu dimudahkan untuk memperoleh limpahan pahala. Kadang kala untuk mendapatkan pahala yang banyak diperlukan amalan yang harus dikerjakan dalam waktu yang lama, namun dia dapat melakukannya dalam waktu yang singkat. Alasan mereka ini kerana rezeki dan ajal telah ditentukan.

Pandangan ini disanggah oleh pendapat yang mengatakan bahawa keberkatan sebagaimana mereka jelaskan juga telah ditentukan dan mencakup segala hal. Ada jalan tengah untuk menyelesaikan percanggahan kedua-dua pendapat ini, iaitu dengan memahami bahawa ketika Allah (s.w.t) menyuruh malaikat menulis umur seseorang, Dia berkata: "*Umur si Fulan sekian. Akan tetapi, apabila dia menyambung tali silaturahmi, maka tambahkan umurnya sekian*."

Dengan begitu, apabila dia melakukan amalan-amalan yang menyebabkan pengurangan, maka umurnya dikurangi.

Pandangan ini berlandaskan hadis al-Tirmidzi yang diriwayatkan daripada Nabi Muhammad (s.a.w) bahawa ketika Adam (a.s) memohon kepada Allah untuk diperlihatkan gambar para nabi setelahnya, Allah (s.w.t) memperlihatkannya. Adam melihat di antara mereka ada yang wajahnya bersinar. Maka Adam bertanya: "Siapa itu?"

Allah (s.w.t) menjawab: "Anakmu Dawud."

"Berapakah umurnya?" tanya Adam lagi.

"Empat puluh tahun," jawab Allah (s.w.t).

"Lalu berapakah umurku?" Tanya Adam.

"Seribu tahun," jawab Allah (s.w.t).

Adam berkata: "Aku berikan umurku enam puluh tahun kepadanya."

Kejadian itu ditulis dan disaksikan para malaikat. Kemudian ketika ajalnya tiba, Adam bertanya: "Bukankah umurku masih berbaki enam puluh tahun?"

Para malaikat menjawab: "Engkau telah memberikannya kepada anakmu, Dawud."

Adam pun membantah, sehingga para malaikat memperlihatkan catatannya. Nabi Muhammad (s.a.w) bersabda: "*Adam lupa, maka keturunannya pun menjadi pelupa. Adam membantah, sehingga keturunannya gemar membantah*."[1]

Diriwayatkan bahawa konon Adam (a.s) disempurnakan umurnya dan demikian pula dengan Dawud (a.s). Nabi Dawud (a.s), meskipun umurnya ditulis empat puluh tahun, namun akhirnya ditambah menjadi enam puluh tahun.[2]

Inilah makna doa Rasulullah: "*Ya Allah, apabila Engkau menetapkan bagiku celaka, hapuslah dan tulislah bagiku bahagia. Sesungguhnya Engkaulah yang menghapuskan apa yang Engkau kehendaki dan*

---

[1] Diriwayatkan oleh al-Tirmidzi (11/196) daripada Abu Hurairah dan berkata: "Hadis ini hasan sahih"; al-Hakim (2/325). Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Jami'*: (5209).

[2] Barang kali yang benar adalah seratus tahun kerana Adam (a.s) ketika menghibahkan umurnya selama enam puluh tahun, maka jadilah usia Dawud (a.s) adalah seratus bukannya enam puluh tahun.

menetapkan apa yang Engkau kehendaki."

Allah (s.w.t) mengetahui segala sesuatu yang sedang, telah, dan bakal terjadi, serta bagaimana kejadiannya. Dia mengetahui apa yang telah Dia tetapkan dan akan Dia tambahkan setelah itu. Sedangkan malaikat tidak mengetahui selain apa yang diberitahukan Allah. Allah (s.w.t) mengetahui segala sesuatu, sebelum dan sesudah terjadinya sesuatu itu. Oleh itu, para ulama mengatakan bahawa penetapan dan penghapusan umur hanya terjadi pada lembaran catatan malaikat sahaja. Oleh kerana pengetahuan Allah (s.w.t) tidak pernah salah dan tidak ada sesuatu yang tidak diketahui-Nya, maka perubahan dan penetapan umur itu tidak berlaku bagi pengetahuan Allah (s.w.t).[1]

Ibn Taimiyah berkata: "Ajal ada dua: ajal mutlak dan ajal *mu'allaq* (bergantung). Maka jelaslah makna sabda Nabi (s.a.w): 'Barangsiapa yang ingin dimudahkan rezekinya dan dipanjangkan umurnya maka hendaklah dia menyambung silaturrahim,' iaitu setelah Allah (s.w.t) menyuruh malaikat untuk menulis ajal orang tersebut. Dia pun menjawabnya dengan perkataan: 'Apaila dia melakukan silaturrahim, maka tambahlah sekian dan sekian'."

Maksudnya malaikat tetap tidak mengetahui sama ada umur orang tersebut akan bertambah ataupun tidak, sedangkan Allah (s.w.t) mengetahuinya secara pasti. Sehingga, apabila telah datang waktunya, ajal tidak akan

[1] *Majmu' al-Fatawa* oleh Ibn Taimiyyah (14/490).

maju ataupun mundur.[1]

Mengutip kenyataan Ibn al-Tin, Ibn Hajar berpendapat bahawa hadis tersebut secara sekilas bertentangan dengan firman Allah swt: '*Apabila tiba ajal mereka, maka mereka tidak dapat menunda dan memajukan sesaatpun*' (Surah Al-A'araf: 34), akan tetapi, sebenarnya di antara kedua-duanya terdapat satu titik persamaan dalam dua aspek ini:

Pertama, tambahan tersebut hanya sebagai kiasan terhadap umur yang berkat. Manakala maksud yang sebenar adalah keberkatan yang tersimpan di dalamnya berupa keghairahan menjalankan amal ibadah dan mengisi waktu dengan amalan-amalan yang bermanfaat untuk kepentingan di akhirat. Hal ini bersesuaian dengan riwayat yang menyebutkan umur umat Nabi Muhammad (s.a.w) lebih singkat daripada umur umat-umat terdahulu, sehingga Allah (s.w.t) memberikannya *lailatul qadar*.

Begitulah, silaturrahim menjadi kunci dipermudahkan kepada seseorang untuk berbuat amal ibadah dan memelihara diri daripada perbuatan maksiat, sehingga dia tetap dikenang baik dan seolah-olah tidak pernah mati. Di antara kemudahan yang diberikan Allah (s.w.t) itu adalah ilmu yang bermanfaat, atau sedekah jariah dan keturunan yang soleh.

Kedua, dalam penglihatan malaikat selaku yang bertugas mencatat umur, tambahan umur tersebut nyata

[1] Ibid. (8/517).

adanya. Sementara, di sisi pengetahuan Allah (s.w.t), tambahan itu sebenarnya tidak pernah terjadi. Misalnya, dikatakan pada malaikat: '*Umur si fulan seratus tahun apabila dia menyambungkan silaturrahim. Tetapi, jika dia memutuskannya, catatlah enam puluh tahun*.'

Dalam hal ini, Allah (s.w.t) sudah mengetahui sama ada dia akan menyambungkan atau memutuskan tali silaturrahim. Dan segala sesuatu yang telah diketahui Allah (s.w.t) itu tidak akan maju atau mundur kejadiannya.

Hal ini merupakan maksud firman Allah (s.w.t):

يَمْحُوا اللَّهُ مَا يَشَاءُ وَيُثْبِتُ ۖ وَعِندَهُ أُمُّ الْكِتَابِ ﴿٣٩﴾

"*Allah menghapuskan yang Dia kehendaki dan menetapkan (yang Dia kehendaki), dan di sisi-Nyalah terdapat Ummul Kitab*." (Surah al-Ra'd: 39)

Jadi penghapusan dan penetapan umur itu hanya terjadi dalam pengetahuan malaikat sahaja. Dan sesuatu yang telah tercatat di *lauhul mahfudz* itulah yang berlaku dalam pengetahuan Allah (s.w.t) dan tidak mungkin mengalami penghapusan. Dan itulah yang disebut dengan *qadha' mubram* (takdir mutlak). Sedangkan yang pertama tadi atau ketetapan yang diketahui malaikat dinamakan *qadha' mu'allaq*."

Dari kedua-dua pandangan di atas, pandangan yang pertama agaknya lebih hampir dengan makna lafaz hadis Nabi tadi, iaitu erti kata "atsar" (ajal) adalah sesuatu yang mengikuti sesuatu. Demikianlah menurut al-Tibi,

pandangan yang pertama ini lebih jelas.[1]

Di antara ulama moden yang pernah menulis masalah ini adalah Syaikh Nasiruddin al-Albani dan Syaikh Muhammad Uthaimin. Berikut saya huraikan beberapa pendapat mereka.

Menurut Nasiruddin al-Albani, hadis Rasulullah (s.a.w) yang berbunyi: "*Barangsiapa ingin dimudahkan rezekinya*…", merujuk pada makna zahir atau makna hakiki. Dengan erti kata lain, dengan kebijaksanaan-Nya, Allah (s.w.t) telah menjadikan silaturrahim sebagai salah satu penyebab panjangnya umur sebagaimana akhlak yang mulia dan mengamalkan prinsip hidup berjiran dengan baik.

Pemahaman ini tidaklah bercanggah dengan kenyataan yang menyebutkan bahawa umur setiap manusia sudah ditentukan. Kes ini sama dengan kebahagiaan dan kesengsaraan seseorang yang juga telah ditentukan, di mana ketentuan ini tidak lepas daripada adanya sebab-sebab tertentu. Hal ini dijelaskan oleh Nabi (s.a.w) dalam sabdanya: "*Berbuatlah, kerana semuanya telah dimudahkan (disediakan) untuk menjadi apa yang telah diciptakan untuknya. Barangsiapa termasuk golongan orang yang bahagia, dimudahkan baginya mengerjakan amalan orang-orang yang bahagia. Dan barangsiapa termasuk golongan orang yang sengsara, dimudahkan baginya melakukan amalan orang-orang yang sengsara*."

Kemudian Rasulullah (s.a.w) membaca firman Allah (s.w.t):

---

[1] *Fath al-Bari* oleh Ibn Hajar (10/429).

فَأَمَّا مَنْ أَعْطَىٰ وَٱتَّقَىٰ ﴿٥﴾ وَصَدَّقَ بِٱلْحُسْنَىٰ ﴿٦﴾ فَسَنُيَسِّرُهُۥ لِلْيُسْرَىٰ ﴿٧﴾ وَأَمَّا مَنۢ بَخِلَ وَٱسْتَغْنَىٰ ﴿٨﴾ وَكَذَّبَ بِٱلْحُسْنَىٰ ﴿٩﴾ فَسَنُيَسِّرُهُۥ لِلْعُسْرَىٰ ﴿١٠﴾

"*Adapun orang yang memberikan (hartanya di jalan Allah) dan bertakwa, dan membenarkan adanya pahala yang terbaik (syurga), maka Kami kelak akan menyiapkan baginya jalan yang mudah. Dan adapun orang-orang yang bakhil dan merasa dirinya cukup, serta mendustakan pahala yang terbaik, maka kelak Kami akan menyiapkan baginya (jalan) yang sukar*." (Surah al-Lail: 5-10)

Sama halnya dengan iman; ia boleh bertambah dan berkurang. Ia bertambah disebabkan melakukan amal ibadah dan berkurang apabila berbuat maksiat. Ini tidak bertentangan dengan ketetapan yang ada di *lauhul mahfudz*. Begitu pula dengan umur. Ia dapat bertambah dan berkurang lantaran beberapa sebab, dan ini tidak bertentangan dengan ketetapan yang telah tertulis di *lauhul mahfudz*.

Perhatikanlah ini dengan baik! Penjelasan ini dapat membantu memecahkan banyak persoalan. Oleh kerana betapa penting umur panjang ini, banyak riwayat sama ada yang marfu' mahupun mauquf tentang doa memohon panjang umur.[1]

---

[1] *Shahi al-Adab al-Mufradli* al-Imam al-Bukhari oleh al-Albani, hal. 50.

Sama dengan pandangan di atas adalah pandangan Syaikh Muhammad Uthaimin. Menurutnya, makna hadis di atas bukanlah setiap orang memiliki dua umur: (1) umur apabila menyambung tali silaturrahim dan (2) umur apabila tidak menyambungnya. Umur seseorang tetap satu seperti mana yang telah ditentukan. Dengan erti kata lain, orang yang ditakdirkan Allah (s.w.t) akan selalu menyambung tali silaturrahim, maka ia akan melakukannya. Sedangkan orang yang ditakdirkan memutuskan tali persaudaraannya, dia pun akan memutuskannya. Meskipun demikian, oleh kerana Rasulullah (s.a.w) inginkan agar umatnya mengerjakan amalan-amalan yang boleh mendatangkan pahala, maka keluarlah sabda itu daripada lisan baginda.

Sabda Rasulullah (s.a.w) ini adalah sama dengan perkataan kita: "Apabila ingin mempunyai anak, seseorang mestilah berkahwin." Padahal, jodoh dan anak setiap orang itu sendiri sebenarnya sudah ditakdirkan. Dalam erti kata lain, apabila Allah (s.w.t) menghendaki seseorang mempunyai anak, nescaya Allah (s.w.t) menghendakinya berkahwin.

Demikianlah, jodoh dan anak telah ditetapkan. Begitu pula dengan rezeki dan bahawa kita akan menyambung tali silaturrahim; kedua-duanya juga sudah ditetapkan. Namun, kerana kita tidak mengetahui tentang hal ini, maka Nabi (s.a.w) menganjurkan silaturrahim dan menjelaskan bahawa dengan bersilaturrahim, Allah (s.w.t) akan memudahkan rezeki dan memanjangkan umur kita.

Ringkasnya, pada hakikatnya semua perkara sudah ditulis (ditakdirkan). Namun, oleh kerana silaturrahim merupakan perkara yang semestinya dilakukan oleh setiap manusia, maka Nabi (s.a.w) menganjurkannya.

Bertambahnya umur dan mudahnya rezeki adalah sesuatu yang nisbi. Oleh itu, ada orang yang menyambung tali persaudaraan dan rezkinya dimudahkan, tetapi umurnya singkat. Menurut saya, ini dapat difahami bahawa pendeknya umur seseorang yang senang bersilaturrahim itu akan lebih singkat lagi apabila dia tidak pernah menyambung silaturrahim. Akan tetapi, ada pula kemungkinan Allah (s.w.t) telah mentakdirkan orang tersebut akan menyambung silaturrahim dan umurnya akan berakhir pada waktu itu.[1]

Dari beberapa pendapat ini, makna "dipanjangkan umur" dapat kita golongkan menjadi tiga macam: Pertama, diberkati. Kedua, benar-benar dipanjangkan. Ketiga, dikenang baik setelah seseorang itu meninggal dunia.

Untuk makna yang ketiga ini, saya tidak melihat seorang pun menghuraikannya secara khusus kecuali Imam al-Nawawi, iaitu ketika menukil perkataan al-Qadhi 'Iyadh. Meskipun demikian, Imam al-Nawawi sendiri menganggapnya lemah. Sementara Imam Ibn Hajar dan Imam al-Thibi menyokong pendapat ini. Namun, tidak ada salahnya juga apabila difahami bahawa memanjangkan umur mencakupi tiga kategori di atas.

---

[1] *Al-Majmu' al-Tsamin min al-Fatawa*' oleh Ibn 'Utsaimin (2/201).

Sebab, kurnia Allah (s.w.t) diberikan kepada sesiapa saja yang Dia kehendaki dan Allah (s.w.t) memiliki kurnia yang melimpah ruah.

Adapun makna yang pertama dan kedua nampaknya sudah dapat diterima oleh pelbagai kalangan. Bahkan, kedua-dua makna itulah yang mungkin dimaksudkan oleh hadis tadi, meskipun hadis-hadis tentang amal-amal yang dilipat gandakan pahalanya yang telah disebut dalam perbahasan kedua dan ketiga bab kedua ini nampaknya lebih cenderung kepada makna yang pertama.

Perhatikanlah, makna yang pertama itu akan banyak dibincangkan dalam buku ini. Pasalnya, selama ini makna tersebut justeru sering dilupakan. Manakala makna yang kedua pula telah disepakati oleh majoriti ulama.

Hasil yang ingin kita capai dari perbahasan tentang perbezaan makna "dipanjangkan umur", sama ada secara maknawi mahupun hakiki, adalah dalam memanjangkan umur ini, kita sentiasa memiliki keinginan untuk memanfaatkan waktu sebaik-baiknya dengan tujuan mengumpulkan pahala sebanyak yang mungkin. Sebab, orang yang panjang umurnya dan buruk amalannya, sebagaimana dikatakan dalam hadis Nabi (s.a.w) adalah seburuk-buruk manusia.

Dr. Yusuf al-Qaradhawi berkata: "Sebenarnya, umur hakiki manusia bukanlah tahun-tahun yang dia lewati sejak dia dilahirkan sehingga meninggal dunia. Tetapi, umur hakiki manusia adalah waktu-waktu yang tercatat di sisi Allah (s.w.t) yang telah dia gunakan

untuk mengerjakan amal soleh dan kebaikan. Oleh itu, tidak menghairankan apabila ada orang yang umurnya melebihi seratus tahun, tetapi tabungan pahalanya di sisi Allah (s.w.t) kosong atau bahkan di bawah sifar. Sebaliknya, ada pula orang yang meninggal dalam usia muda dan baru saja menjalani masa mukallaf, tetapi tabungan pahalanya sangat banyak. Seorang ahli hikmah berkata: 'Betapa banyak umur yang panjang, tetapi sedikit hasilnya. Dan betapa banyak umur yang pendek, tetapi banyak hasilnya. Maka barangsiapa diberkati umurnya, nescaya dalam waktu yang singkat dia mampu memperoleh limpahan kurnia Allah (s.w.t) yang tidak terhingga jumlahnya dan sukar dihitung dengan angka'."[1]

D. Bolehkah Berdoa Memohon Umur Panjang?

Soalan ini termasuk sukar dijawab oleh para ulama. Pendapat mereka pun berbeza-beza dalam masalah ini. Namun secara umumnya, jawapan-jawapan mereka dapat dikumpulkan menjadi dua kategori: (1) mereka yang membolehkan dan (2) mereka yang tidak membolehkan.

Mereka yang tidak membolehkan melandaskan jawapannya pada hadis riwayat Ummu Habibah (r.a), isteri Nabi (s.a.w) bahawa ketika beliau berkata:

[1] *Al-Waqt fi Hayatil Muslim* oleh Yusuf al-Qaradhawi, hal.55 dan *al-Jawab al-Kafi li man Sa'ala 'an al-Dawa' al-Sya* oleh Ibn al-Qayyim.

"Ya Allah! Kurniakanlah aku untuk selalu bersama suamiku, Rasulullah dan Abu Sufyan, serta saudaraku Muawiyah, "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Engkau telah memohon kepada Allah ajal yang ditentukan, hari-hari yang telah terhitung dan rezeki yang telah dibahagikan. Sesungguhnya Allah tidak akan mempercepatkan ajal sedikitpun sebelum tiba waktunya, atau menangguhkan sejenakpun daripada waktunya. Seandainya engkau meminta kepada Allah agar diselamatkan daripada azab neraka atau azab kubur itu lebih baik dan lebih utama.*"[1]

Berdasarkan hadis tersebut, menurut Imam al-Nawawi, berdoa memohon panjang umur tidak disukai Rasulullah (s.a.w). Dalam komentarnya, Imam al-Nawawi berkata: "Apabila ditanya: Apa hikmah di sebalik larangan berdoa memohon panjang umur dan anjuran untuk berdoa memohon perlindungan daripada azab neraka di mana kedua-duanya sama-sama telah ditentukan itu? Jawapannya adalah memang semua itu telah ditentukan, akan tetapi berdoa memohon selamat daripada azab neraka dan azab kubur merupakan ibadah. Sedang syariat telah menyuruh kita untuk beribadah."

Kemudian, apabila ditanya: "Mengapa kita tidak pasrah saja dengan ketentuan dan takdir?" Imam al-Nawawi menjawab: "Berbuatlah, kerana semuanya telah disediakan (dipermudahkan) untuk menjadi apa yang telah diciptakan untuknya! Adapun doa memohon panjang umur itu bukanlah ibadah. Dan sebagaimana

---

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, *al-Fath al-Rabbani* (8/122); Muslim (16/212); Ibn Abu Ashim dalam *al-Sunnah* (1/116).

meninggalkan solat, puasa dan zikir kerana pasrah pada takdir adalah tidak boleh, maka demikian pula halnya meninggalkan doa memohon diselamatkan daripada neraka dan semacamnya."[1]

Sufyan al-Thauri meriwayatkan bahawa seseorang berkata kepada Umar bin Abdul Aziz" "Semoga Allah mengekalkanmu." Umar pun menjawab: "Hal itu telah selesai persoalannya. Maka mintakanlah kebaikan sahaja untukku!" [2]

Menukilkan perkataan al-Sifaraini tentang hukum mengucapkan: "Semoga Allah mengekalkanmu", Bakar Abu Zaid berkata: "Dia berkata: 'Sopan santun yang dibenci saat mengucapkan salam adalah perkataan: [Semoga Allah mengekalkanmu]'."

Abdullah bin Ahmad bin Hanbal berkata kepada kami: "Aku melihat apabila ayahku didoakan panjang umur, beliau tidak menyukainya dan beliau berkata: 'Itu telah selesai urusannya'."

Sedangkan menurut Ibn Taimiyah, hukum perkataan itu makruh. Imam Ahmad bin Handal dan imam-imam yang lain telah menegaskan itu. Mereka menjadikan hadis Ummu Habibah sebagai landasannya.[3]

Dalam al-Adzkar al-Nawawiyah, Imam al-Nawawi menegaskan bahawa ucapan "Semoga Allah

---

[1] *Shahih Muslim syarah al-Nawawi* (16/213)

[2] *Hilyah al-Awliya' wa Thahaqat al-Ashfiya* oleh Abu Nu'aim (6/392).

[3] *Mu'jam al-Manahi al-Lafzhiyah* oleh Bakar Abu Zaid, hal 20 dan *al-Adab al-Syar'iyyah* oleh Ibn Muflih al-Miqdasi (1/409)



memanjangkan umurmu", menurut pendapat yang masyhur adalah makruh. Sementara, Abu Ja'far al-Nuhas dalam bukunya Sina'ah al-Kitab berkata: "Sebahagian ulama menganggap makruh perkataan itu dan sebahagian lagi meringankan hukumnya."

Isma'il al-Ishaq berkata: "Orang pertama yang mempopularkan perkataan itu adalah para zindiq, iaitu para pendusta agama dan musuh Allah (s.w.t). Diriwayatkan daripada Hammad bin Salamah (r.a) bahawa bentuk pembukaan surat-surat di kalangan kaum muslimin adalah sebagai berikut: 'Daripada fulan bin fulan. Amma ba'du. Salam sejahtera untuk Anda. Sesungguhnya kami memuji Allah, Tuhan yang tidak ada Tuhan selain Dia. Kami memohon kepada-Nya agar mencurahkan kesejahteraan kepada Muhammad beserta keluarganya….' Namun, kemudian para zindiq memperbaharui bentuk surat ini dengan menambahkan kalimat: 'Semoga Allah memanjangkan umurmu' di dalamnya." [1]

Dalam ulasannya ke atas pendapat Imam al-Nawawi itu, Ibn 'Allan berkata: "Al-Adzra'i membantah kemutlakan hukum makruh tersebut. Beliau memilih hukum yang mengatakan berdoa memohon panjang umur itu ibadah bagi orang yang teguh beragama, berilmu dan para pemimpin yang adil. Adapun bagi orang-orang selain mereka ini, hukumnya bukan hanya makruh, bahkan haram…" [2]

---

[1] *Al-Adzkar al-Nawawiyah*, hal. 570

[2] *Al-Futuhat al-Rabbaniyah al-Adzkar al-Nawawiyah* (7/122).

Antara ulama yang membolehkannya adalah Ibn Hajar. Menurutnya, berdoa memohon panjang umur adalah dibolehkan. Landasannya adalah hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam al-Shahih daripada Anas bin Malik (r.a) bahawa:

قَالَتْ أُمِّي: يَا رَسُولَ اللهِ، خَادِمُكَ أَنَسٌ ادْعُ اللهَ لَهُ، قَالَ: اللَّهُمَّ أَكْثِرْ مَالَهُ وَوَلَدَهُ، وَبَارِكْ لَهُ فِيمَا أَعْطَيْتَهُ.

"*Ibuku pernah berkata: "Wahai Rasulullah, doakanlah pembantumu, Anas." Maka baginda berkata: "Ya Allah! Banyakkanlah harta dan anaknya, dan berkatilah baginya apa yang Engkau berikan kepadanya*." [1]

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim dan al-Tirmidzi dengan lafaz yang tidak menyebut kata panjang umur. Meskipun demikian, al-Bukhari tetap memberi judul hadis ini dengan "Doa Nabi untuk pembantunya agar panjang umur dan banyak harta."

Memang, tidak ada hadis yang secara jelas menyebutkan adanya tuntunan supaya berdoa memohon panjang umur, selain yang ada pada *al-Adab al-Mufrad*. Atas dasar itu, maka Ibn Hajar tetap mengulas pemberian judul itu sebagai berikut: "Beberapa ulama yang telah menjelaskan hadis itu mengatakan ada kesesuaian antara hadis itu dengan judulnya. Ini kerana berdoa memohon banyak anak itu secara tidak langsung

[1] Diriwayatkan oleh al-Bukhari (11/49) dan (11/186); Muslim (16/39); al-Tirmidzi (13/223).

akan memanjangkan umur pula." Namun Ibn Hajar menegaskan bahawa kesesuaian antara kedua hadis dengan judulnya itu merupakan bahagian daripada majaz sahaja. Dengan erti kata lain, banyaknya anak biasanya menyebabkan nama baik bapanya sentiasa tetap dikenang atau selagi anak-anaknya masih wujud maka dia seakan-akan masih hidup.

Dalam al-Adab al-Mufrad, Ibn Hajar menyebutkan hadis yang sama, tapi bersumber daripada Anas. Riwayat ini menyebutkan bahawa Ummu Sulaim yakni ibunya Anas berkata: "Tidakkah engkau mendoakan pembantumu ini?" Maka Nabi (s.a.w) pun berkata: "Ya Allah, banyakkan harta dan anaknya, panjangkan hidupnya dan ampunilah dosa-dosanya."[1]

Mengenai banyaknya anak dan harta Anas, pada bahagian akhir hadis yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Ishaq bin Abdullah bin Abu Thalhah daripada Anas disebutkan bahawa Anas berkata: "Demi Allah! Sungguh hartaku sangatlah banyak, dan anak dan cucuku hampir mencapai seratus sekarang…."[2]

Ibn Hajar juga pernah menyebutkan bahawa hadis di atas menganjurkan doa memohon banyak harta dan anak. Hal ini tidaklah bertentangan dengan kebaikan

---

[1] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam *al-Adab al-Mufrad* (653); al-Thabarani: (710). Ia turut diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim dan Tirmidzi dengan lafaz yang tidak menyebut kata panjang umur. Ia dinilai sahih oleh al-Albani: (508).

[2] *Fath al-Bari syarah Shahib al-Bukhari* oleh Ibn Hajar al-'Asqalani (11/149) hadis no. (6344).

untuk akhirat.[1]

Abu Umar al-Dharir meriwayatkan daripada Abu ‘Awanah, beliau berkata: “Ketika aku melawat Hammam bin Yahya yang sedang sakit, beliau berkata kepadaku: ‘Wahai Abu Awanah berdoalah kepada Allah agar tidak mematikan aku sebelum anakku baligh.” Maka kukatakan kepadanya bahawa umur manusia telah ditentukan. Lalu dia berkata kepadaku: “Ternyata engkau masih dalam kesesatanmu.” Aku pun menjawab: “Alangkah buruknya perkataanmu ini.” Dia berkata lagi: “Memang, bahkan segala sesuatu telah ditentukan. Akan tetapi, meskipun ajal telah ditentukan, berdoa memohon panjang umur juga masih dibenarkan. Buktinya, Rasulullah (s.a.w) telah mendoakan pembantunya, Anas (r.a), agar panjang umur, dan Allah (s.w.t) menghapuskan apa yang Dia kehendaki dan telah Dia tetapkan. Selain itu, adakalanya panjang umur dalam ilmu Allah (s.w.t) itu juga diisyaratkan dengan doa yang mustajab sebagaimana pendeknya umur boleh jadi lantaran adanya beberapa faktor seperti kezaliman dan melampaui batas. Dan tidak ada yang dapat menolak takdir selain doa….”[2]

Dengan menukilkan perkataan Abu Hilal al-Askari tentang hukum ucapan: “Semoga Allah memanjangkan umurmu”, Bakar Abu Zaid berkata: “Sesungguhnya orang pertama yang mengucapkan lafaz ini adalah Umar bin al-Khattab (ra). Daripada Ali bin Harb al-Mushili

---

[1] Ibid. (4/270) hadis no. 1982.

[2] *Nuzhah al-Fudhala’ Tahzib Siyar A’lamin Nubala’* (2/633).



daripada 'Ubaid bin Rifaah daripada ayahandanya, beliau berkata: "Ketika 'Ali (r.a), al-Zubair (r.a) dan Sa'ad (r.a) bersama-sama menghadap 'Umar bin al-Khattab (r.a) dan bertanyakan hukum 'azal (memancutkan air mani di luar kemaluan isteri), 'Umar (r.a) berkata: "Boleh." Maka salah seorang daripada mereka berkata: "Apakah kamu menganggapnya sebagai pembunuhan kecil?" 'Ali bin Abu Talib (r.a) berkata: "Sekali-kali perbuatan itu bukan pembunuhan. Ia dilakukan sebelum melepasi tujuh tahapan yang bermula daripada seketul tanah, lalu menjadi air mani, seketul daging, tulang dan daging, dan terakhir menjadi wujud yang lain." Mendengar itu, 'Umar bin al-Khattab (r.a) berkata: "Engkau benar! Semoga Allah memanjangkan umurmu ." Maka sejak hari itulah, kata tersebut banyak digunakan.[1]

Sementara itu, dalam komentarnya tentang hadis tersebut, al-Albani berpendapat hadis itu mengandungi makna yang membolehkan seseorang mendoakan orang lain supaya panjang umur sebagaimana yang berlaku dalam tradisi sesetengah negara Arab. Menurut al-Albani, doa tersebut tidak berbeza dengan doa memohon kebahagiaan atau lain-lain sebagainya, di mana semuanya telah ditakdirkan.[2]

Syeikh Muhammad 'Uthaimin pernah ditanya tentang hukum ucapan "Semoga Allah memanjangkan umurmu." Dia menjawab: "Ucapan itu bukan bererti

---

[1] *Mu'jam al-Manahi al-Lafzhiyah* oleh Bakar Abu Zaid, hal.49 dan *al-Adab al-Syar'iyah* oleh Ibn Muflih (1/414).

[2] *Silsilah al-Ahadtis al-Shahihah* (5/288).

permohonan untuk dipanjangkan umur secara mutlak, kerana panjang umur itu adakalanya baik dan adakalanya buruk bagi seseorang. Rasulullah (s.a.w) menegaskan bahawa seburuk-buruk manusia adalah orang yang panjang umurnya tetapi buruk amalannya. Oleh itu, ketika mengucapkan doa seperti itu sebaiknya ditambah dengan kalimat: 'Semoga Allah memanjangkan umurmu untuk selalu menjalankan ketaatan kepada-Nya' atau dengan kalimat-kalimat lain yang seumpama dengannya. Inilah yang tidak dilarang."[1]

Saya bertanya kepada Syeikh Athiyyah Salim ketika beliau menziarahi di Ahsa' tentang pernyataan Imam al-Nawawi berkaitan larangan berdoa memohon panjang umur. Sebelumnya, saya sempat utarakan terlebih dahulu perbezaan pendapat ulama tentang hal itu. Maka, beliau menjawab: "Menurutku, di dalam hadis tersebut tidak terdapat kata yang menunjukkan adanya larangan. Apa yang pasti, petunjuk tentang adanya sesuatu yang afdal (lebih utama) dan khair (lebih baik) untuk dikerjakan. Kedua-dua kata *afdal* dan *khair* ini dalam tata bahasa Arab disebut *'af'al al-tafdil'*. Kata *khair* awalnya adalah dari kata *akhyar*, lalu *alif*nya dibuang untuk memudahkan bacaan. *'Af'al al-tafdil* itu sendiri merupakan kata kerja yang berfungsi 'melebihkan' sesuatu ke atas sesuatu dalam satu perkara, seperti dalam perkataan: Zaid lebih tinggi daripada Amr."

---

[1] *Al-Manabi al-Lafzhiyah* oleh Syaikh Muhammad bin Soleh al-Utsaimin, hal 9-10, dan *al-Majmu' al-Tsamin min al-Fatawa* oleh Syaikh Muhammad al-Utsaimin (2/225).



Jadi, pemakaian *af'al al-tafdil* dalam hadis tadi tetap menunjukkan bahawa doa seperti itu dibolehkan, tetapi dalam konteks untuk meminta yang lebih utama dan lebih baik. Andaikan doa seperti itu dilarang tentulah Rasulullah (s.a.w) akan mengatakan larangan itu dengan jelas. Misalnya, ada kemungkinan baginda berkata: "Janganlah engkau berdoa meminta hal itu." Namun, pada kenyataannya baginda tidak melakukannya.

Kes seperti ini menurut saya sama halnya dengan pemahaman yang berlaku dalam memahami peristiwa yang terjadi pada Rasulullah (s.a.w) ketika melewati seorang wanita yang bertasbih dan menghitungnya dengan biji-biji kurma. Beberapa waktu kemudian, baginda kembali melewati wanita tersebut dan dia masih bertasbih seperti semula. Maka Nabi (s.a.w) pun berkata kepadanya: "Mengapa kamu masih melakukan itu? Padahal, aku telah mengucapkan empat kalimat yang lebih baik daripada apa yang engkau baca. Empat kalimat itu ialah:

سُبْحَانَ اللهِ وَبِحَمْدِهِ عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

"*Maha Suci Allah, aku memuji-Nya sebanyak makhluk-Nya, sejauh keredhaan-Nya, seberat timbangan 'arsy-Nya, dan sebanyak tinta tulisan kalimat-Nya.*"

Begitulah, baginda sama sekali tidak melarang wanita itu bertasbih dan menghitungnya dengan biji-biji kurma, tetapi menunjukkan kepadanya suatu amalan yang lebih baik dan lebih banyak pahalanya, serta cukup

dikerjakan dalam waktu yang lebih singkat. Nah, seperti inilah pemahaman terhadap hadis riwayat Anas tadi.

Ringkasnya, amalan-amalan seperti itu baik dan utama. Akan tetapi, segala yang diajarkan dan dibimbing Nabi (s.a.w) adalah lebih baik dan lebih utama. Oleh itu, jelaslah bahawa hadis tadi tidak memuatkan isyarat apapun yang menunjukkan adanya larangan sebagaimana yang difahami oleh sesetengah ulama. Selain itu, kalau memang berdoa memohon panjang umur dilarang, maka doa memohon sesuatu yang memang sudah ditakdirkan dan telah selesai urusannya itu pastilah akan banyak ditinggalkan. Padahal, bukankah doa memohon keluasan rezeki dan banyak anak dalam hadis Anas tadi adalah sama dengan doa memohon panjang umur yang juga pernah dicontohkan Nabi (s.a.w)?

Di sini dapat disimpulkan bahawa doa memohon panjang umur itu dibolehkan. Landasannya adalah seperti yang pernah dicontohkan oleh Rasulullah (s.a.w) ketika mendoakan Anas (r.a). Akan tetapi, apa yang lebih utama dan disunatkan adalah untuk tidak mengerjakannya atau sebaliknya membatasi doa seperti itu hanya untuk memohon keselamatan daripada azab kubur dan neraka atau memohon syurga dan lain-lain sebagainya. Inilah yang dianjurkan Rasulullah (s.a.w) kepada isterinya Ummu Habibah.

Bagi sesiapa yang tetap ingin berdoa memohon panjang umur atau sesuatu yang berkaitan dengan dunia, hendaklah dalam doanya dia menambahkan dengan doa memohon keberkatan bagi umurnya, dan dipelihara daripada berbuat maksiat. Inilah yang dimaksudkan

oleh Imam al-Nawawi,[1] dan dikuatkan oleh Syaikh Ibn 'Uthaimin.

Apa yang lebih penting daripada itu adalah sebaiknya keinginan untuk memperolehi umur yang panjang itu disertai pula dengan tekad untuk mengerjakan amal-amal soleh sebagaimana yang dianjurkan oleh agama.

[1] Imam al-Nawawi dalam *Syarah Shahih Muslim* memberi komentar ke atas hadis Anas (r.a) bahawa hadis ini menjelaskan beberapa keutamaan Anas, dan dalil bagi orang yang memilih hidup kaya daripada miskin. Sedangkan orang yang memilih fakir, maka hadis ini dapat menjadi alasan bahawa dalam hadis ini Rasullulah (s.a.w) berdoa memohon kepada Allah agar memberkati umurnya. Dengan berkah itu seorang fakir tidak akan menganiaya, merosak atau melakukan perbuatan yang dapat melanggar dan merampas hak orang lain. Selain itu, hadis ini mengajarkan pula sopan santun atau adab yang baik apabila berdoa memohon sesuatu yang bersifat duniawi, iaitu sebaiknya doa itu disertai dengan doa memohon keberkatan dan perlindungan dan lain-lain sebagainya. (16/40).

BAB KEDUA
AMALAN-AMALAN YANG DAPAT MEMANJANGKAN UMUR

A. Akhlak Mulia

Nabi (s.a.w) telah memberitahukan adanya peluang memanjangkan umur[1] dengan mengerjakan beberapa amal kebaikan dan ibadah. Secara umum, amalan-amalan itu berkait rapat dengan adab, atau tatacara bergaul dengan sesama manusia.

1. Silaturahim

Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa aku mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ وَيُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ فَلْيَصِلْ رَحِمَهُ.

"*Barangsiapa ingin diluaskan rezekinya dan ditangguhkan kematiannya, maka hendaklah dia bersilaturahim.*"

[1] Rujuk maksud "memanjangkan umur" pada bab pertama.

Makna *yunsya'a* (ditangguhkan) adalah diakhirkan.

Daripada Abdullah bin Mas'ud (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

صِلَةُ الرَّحِمِ تَزِيْدُ فِي الْعُمْرِ.

"*Silaturahim itu akan menambahkan umur*."[1]

Silaturahim merupakan akhlak mulia yang sangat dianjurkan Islam. Islam juga mengancam seseorang yang suka memutuskan tali silaturahim. Dalam al-Qur'an, Allah (s.w.t) menyeru ke arah betapa penting menyambungkan silaturahim ini dalam 19 ayat. Kemudian, Allah (s.w.t) juga memberi amaran kepada orang yang memutuskannya dengan laknat dan azab dalam 3 ayat.

Ulama salaf soleh terdahulu selalu berusaha membiasakan diri bersilaturahim. Padahal, kemudahan komunikasi dan perhubungan ketika itu amat terhad. Adapun pada zaman ini, di mana kemudahan komunikasi dan perhubungan serba canggih seperti telepon, pos atau kereta banyak tersedia, namun ramai umat manusia yang enggan bersilaturahim.

Ironinya, kadang kala kita bermusafir jauh ke tempat-tempat tertentu hanya sekadar untuk melancong dan

[1] Diriwayatkan oleh al-Qudha'i dalam *al-Musnad Shihab* dan dinilai hasan oleh al-Suyuthi dalam *al-Jami' al-Shaghir*: (5002). Sedangkan al-Mannawi dalam *Faidh al-Qadir* menilainya dha'if (4/196), namun al-Albani dalam *Shahih al-Jami*': (3766)

tidak pernah terfikir untuk mengunjungi sanak saudara. Ringkasnya, ketika itu silaturahim seperti menjadi satu pekerjaan berat yang sukar dikerjakan.

Silaturahim sangat mudah dan ringan dikerjakan. Dengan mengucapkan salam melalui telepon sahaja sebenarnya sudah termasuk silaturahim. Tapi, pernahkah kita terfikir untuk memanfaatkan telepon ini untuk menyambung silaturahim dengan sahabat handai dan rakan taulan kita?

Ibn Abbas (r.a) meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

بَلُّوْا أَرْحَامَكُمْ وَلَوْ بِالسَّلاَمِ.

"*Sambunglah hubungan kekeluargaanmu, walau hanya dengan salam!*"[1]

Ada beberapa ulama berpandangan bahawa antara penyebab terputusnya tali silaturahim adalah banyaknya kesibukan seseorang dan semakin jauhnya jarak tempat tinggal antara satu sama lain. Padahal, kalau mahu melihat keperibadian Abu Bakar al-Siddiq (r.a) dan Umar al-Faruq (r.a) misalnya, mereka sentiasa berusaha untuk bersilaturahim.

---

[1] Diriwayatkan oleh al-Bazzar, al-Thabarani dan al-Baihaqi. Al-Manawi berkata dalam *Faidh al-Qadir*: "Al-Bukhari berkata, semua sanadnya dhaif, tetapi saling menguatkan antara satu sama lain." (3/207). Al-Albani sendiri menyatakan hadis itu hasan. Rujuk *Shahih al-Jami'* no. 2838.

Meskipun telah menjadi seorang penguasa di sebuah negara yang sangat luas wilayahnya, banyak urusannya, kedua-dua tokoh itu selalu menyempatkan diri menyambung silaturahim dan membantu kesukaran sanak saudaranya, meskipun kemudahan perhubungan ketika itu belum secanggih zaman sekarang.

Selama ini, mungkin kita seringkali mengunjungi kawan-kawan kita atau mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan mereka, akan tetapi kita justeru lupa mengunjungi sanak keluarga sendiri. Bahkan, dalam setahun pun kadang kala kita tidak pernah mengunjungi mereka sama sekali.

Ada beberapa penyebab utama kurangnya seseorang mahu bersilaturahim, di antaranya adalah tidak mampu mengatur waktu dengan baik, tidak tahu dosa akibat memutuskan silaturahim, atau terlampau disibukkan oleh persoalan duniawi. Hal ini kerana tidak jarang seorang pegawai yang hidupnya sudah sangat berkecukupan pun masih memaksakan diri mencari pekerjaan sampingan di luar pejabat.

Tindakan seperti itu tentu saja tidak benar dan dapat disebut mengabaikan hak-hak keluarga, anak-anak, ibu bapa, dan sanak keluarganya. Sebab, apa yang mereka perlukan dari dirinya bukanlah hanya sekadar nilai kebendaan semata.

Maka, apabila kita ingin memanjangkan umur, maka hendaklah rajin menyambung tali silaturahim. Sebab, barangsiapa menyambung silaturahim, nescaya Allah (s.w.t) akan menyambungkannya. Dan barangsiapa memutuskannya, Allah (s.w.t) pun akan



memutuskannya pula.[1]

2. Berakhlak Mulia

Daripada Aisyah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda kepadanya:

إِنَّهُ مَنْ أُعْطِيَ حَظَّهُ مِنْ الرِّفْقِ فَقَدْ أُعْطِيَ حَظَّهُ مِنْ خَيْرِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَصِلَةُ الرَّحِمِ وَحُسْنُ الْخُلُقِ وَحُسْنُ الْجِوَارِ يَعْمُرَانِ الدِّيَارَ وَيَزِيدَانِ فِي الْأَعْمَارِ.

"*Barangsiapa dikurniakan kelembutan budi pekerti, nescaya dia akan mendapatkan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Silaturahim, akhlak mulia dan berjiran dengan baik adalah sifat-sifat yang dapat memakmurkan rumah-rumah dan menambah umur-umur manusia.*"[2]

Akhlak mulia merupakan sifat luhur dengan segenap maknanya. Ia dapat menyelamatkan pelakunya daripada penyakit-penyakit lisan mahupun hati. Ia dapat menaikkan martabat manusia sampai kepada

---

[1] Rujuk *al-Adab al-Syar'iyyah wa al-Minah al-Mar'iyyah* oleh Ibn Muflih juzuk pertama dan *Shilah al-Rahim Fadhluha*, *Ahkamuha Itsmu Qathi'uha* oleh Syaikh Muhammad Thabl dan Ibrahim Muhammad.

[2] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam *al-Fath al-Rabbani* (19/53); al-Baihaqi (6/226). Ia dinilai hasan oleh al-Manawi dalam Faidh al-Qadir (4/195) dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Jami'*: (3767).

tahap ihsan, sama ada di hadapan Allah Maha Pencipta mahupun di hadapan manusia.

Abdullah al-Mubarak berkata: "Antara akhlak mulia adalah wajah yang berseri, berbuat baik dan mencegah diri daripada berbuat zalim terhadap orang lain."[1]

Al-Wasithi berkata: "Antara akhlak mulia adalah tidak mahu bergaduh kerana menyedari keagungan Allah (s.w.t)". Beliau juga berkata: "Antara akhlak mulia adalah menyenangkan hati orang lain, sama ada ketika dirinya dalam keadaan senang mahupun susah."

Sementara Sahal berkata: "Tingkat yang paling rendah dalam akhlak mulia itu adalah bersabar menghadapi perbuatan aniaya orang lain, tidak membalasnya sebaliknya memohonkan keampunan untuknya serta mengasihinya."[2]

Adalah aib bagi kaum muslimin apabila mereka sampai meniru akhlak orang-orang kafir. Sebab, Nabi Muhammad (s.a.w) telah menegaskan bahawa dirinya diutus kepada umat manusia ini untuk menyempurnakan akhlak yang mulia. Apatah lagi, Allah (s.w.t) juga telah berjanji memberikan pahala yang sangat besar pada hari kiamat kelak kepada orang-orang yang berakhlak mulia.

Daripada Abu al-Darda' (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

---

[1] Diriwayatkan oleh al-Tirmidzi (8/169).

[2] *Al-Mirqat Syarh al-Misykat* (8/810).

مَا مِنْ شَيْءٍ أَثْقَلُ فِي مِيزَانِ الْمُؤْمِنِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ خُلُقٍ حَسَنٍ وَإِنَّ اللهَ لَيُبْغِضُ الْفَاحِشَ الْبَذِيءَ.

"*Tidak ada sesuatu yang lebih berat pada timbangan amal seorang mukmin pada hari kiamat berbanding akhlak mulia. Sungguh Allah membenci orang yang berbuat buruk dan bercakap kotor.*"[1]

Allah (s.w.t) yang Maha Kaya dan Maha Terpuji menganugerahkan rumah di dalam syurga bagi orang-orang yang berakhlak mulia. Rasulullah (s.a.w) bersabda:

أَنَا زَعِيمٌ بِبَيْتٍ فِي رَبَضِ الْجَنَّةِ لِمَنْ تَرَكَ الْمِرَاءَ وَإِنْ كَانَ مُحِقًّا، وَبِبَيْتٍ فِي وَسَطِ الْجَنَّةِ لِمَنْ تَرَكَ الْكَذِبَ وَإِنْ كَانَ مَازِحًا، وَبِبَيْتٍ فِي أَعْلَى الْجَنَّةِ لِمَنْ حَسَّنَ خُلُقَهُ.

"*Aku pemimpin (sebuah) rumah di taman syurga bagi sesiapa yang meninggalkan pertikaman lidah walaupun dia berada di pihak yang benar. Aku pemimpin rumah di tengah syurga bagi sesiapa yang meninggalkan dusta walaupun dalam keadaan bersenda gurau. Dan aku pemimpin sebuah rumah di dalam syurga tertinggi bagi*

---

[1] Diriwayatkan oleh al-Tirmidzi (8/167); Abu Dawud (13/155). Ia dinilai hasan oleh al-Suyuthi dalam *al-Jami' al-Shaghir*: (8046) dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Jami'*: (5726).

sesiapa yang berakhlak mulia."[1]

Lihatlah apa yang telah dicontohkan oleh ulama salaf. Mereka mewariskan kepada generasi sesudahnya contoh tauladan yang baik dalam berakhlak mulia. Mereka menjadi pelita yang mesti dicontohi. Mereka menanamkan tabiat yang baik bagi generasi setelah mereka. Oleh itu, pahala mereka pun terus bertambah dan dengan demikian umur mereka menjadi "panjang".

Lihatlah diri kita apakah kita telah mewariskan akhlak terpuji yang dapat ditiru oleh generasi kita? Apakah kita sudah menjadi tauladan yang baik bagi keluarga, kanak-kanak dan teman-teman kita? Perbaikilah akhlak kita kepada kedua-dua ibu bapa, isteri, saudara mara, anak-anak dan manusia secara keseluruhan. Berusahalah sedaya upaya untuk mewariskan nama baik yang mencakupi kebaikan dunia dan akhirat!

Untuk mencapai darjat syurganya ahli puasa dan solat malam tanpa bersusah payah berpuasa dan bangun malam, kita cukup memperbaiki akhlak kita. Daripada Aisyah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

إِنَّ الْمُؤْمِنَ لَيُدْرِكُ بِحُسْنِ خُلُقِهِ دَرَجَةَ الصَّائِمِ الْقَائِمِ.

"*Sesungguhnya seorang mukmin dapat mencapai darjat orang yang ahli puasa dan bangun malam dengan akhlak*

---

[1] Diriwayatkan oleh Abu Dawud (13/156). Al-Arna'uth dalam *Jami' al-Ushul* (11/733) berkata: "Sanadnya sahih." Ia dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih al-Jami'*: (1464).

mulia."[1]

Menghiasi diri dengan akhlak mulia ibarat menyolek badan dengan balsam yang menyegarkan. Ia dapat memanjangkan umur dan menambah timbangan amal kebaikan kita. Jadi bergegaslah untuk berbuat demikian!

3. Berbuat Baik kepada Jiran Tetangga

Berbuat baik kepada jiran tetangga termasuk akhlak terpuji yang dapat memanjangkan umur. Diriwayatkan daripada Aisyah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

صِلَةُ الرَّحِمِ وَحُسْنُ الْخُلُقِ يَعْمُرَانِ الدِّيَارَ وَيَزِيدَانِ فِي الْأَعْمَارِ

"*Silaturahim, berakhlak mulia dan berbuat baik kepada jiran dapat memakmurkan negeri dan menambah umur*."

Pada zaman ini, orang seringkali melupakan hak-hak jiran tetangganya. Ramai orang yang lalai akan keutamaan saling kunjung-mengunjungi. Bahkan, ada pula yang sudah hidup berjiran selama bertahun-tahun tapi tidak saling mengenali antara satu sama lain. Pada hal Rasulullah (s.a.w) bersabda:

---

[1] Diriwayatkan oleh Abu Dawud (13/154). Ia dinilai hasan oleh al-Suyuthi dalam *al-Jami' al-Shaghir* (2098) dan sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Jami'* no. 1932.



"*Jibril sentiasa berwasiat kepadaku (agar berbuat baik) terhadap jiran tetangga sehingga aku mengira dia berhak memperolehi harta warisan (pusaka).*"[1]

Salah satu faktor penyebab utama hilangnya tradisi saling kunjung-mengunjungi di antara kita ketika ini adalah lunturnya tradisi solat berjamaah. Padahal masjid itu merupakan tempat yang sangat strategik untuk saling berkenalan antara sesama umat Islam, khususnya yang hidup dalam satu lingkungan masyarakat.

Demikianlah sudah sepatutnya apabila kita memperbanyakkan berkunjung kepada jiran tetangga, berbuat baik kepada mereka, saling menasihati dan menghargai hak-hak mereka. Sebab, semua itu akan dapat memanjangkan umur dan memperkuatkan iman. Abu Syuraih al-Khuza'i meriwayatkan bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ فَلْيُحْسِنْ إِلَى جَارِهِ.

"*Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhir, maka hendaklah dia berbuat baik kepada jiran tetangganya.*"[2]

Ketika Aisyah (r.a) mengetahui betapa besarnya hak-hak jiran tetangga, maka beliau sangat ingin

[1] Diriwayatkan oleh al-Bukhari (10/455); Muslim (16/176).

[2] Diriwayatkan oleh Muslim (2/20).

termasuk dalam golongan orang yang menghormati ji-ran tetangganya. Maka beliau bertanya kepada Rasulullah (s.a.w):

قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنَّ لِي جَارَيْنِ، فَإِلَى أَيِّهِمَا أُهْدِي؟ قَالَ: إِلَى أَقْرَبِهِمَا مِنْكِ بَابًا.

"*Wahai Rasulullah! Aku memiliki dua orang jiran tetangga. Kepada siapakah di antara keduanya ini yang patut aku berikan hadiah?" Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Mereka yang paling dekat pintunya dengan rumahmu.*"[1]

Ingat, ramai jiran tetangga yang sedang menanti kita mengetuk pintunya dengan menebarkan senyum dan salam.

B. Amalan yang Mendapat Pahala Berganda

Untuk memanjangkan umur, silaturahim, berakhlak mulia dan berjiran tetangga dengan baik adalah kunci-nya. Allah (s.w.t) telah berulangkali menegaskan ini sebagaimana telah kita bahaskan dalam bab yang sebelumnya.

Namun, oleh kerana tujuan kita memanjangkan umur adalah mengumpulkan pahala sebanyak yang mungkin dan untuk meraih redha Allah (s.w.t), maka masih ada beberapa kaedah yang secara tidak langsung juga dapat memanjangkan umur. Bahkan, seseorang

[1] Diriwayatkan oleh al-Bukhari (10/461).

yang melakukannya akan memperolehi pahala yang melimpah ruah dalam waktu yang sangat singkat. Atau, umur produktifnya akan kelihatan lebih panjang berbanding umurnya yang hakiki, iaitu apabila dia mengerjakan amalan-amalan yang pahalanya berlipat ganda.

Kita nanti akan menemui penjelasan para ulama bahawa yang dimaksudkan panjang umur adalah berkatnya umur. Yang dimaksud berkat itu menurut mereka adalah seseorang itu mampu memperolehi pahala yang banyak dalam masa yang singkat. yang harus diusahakan orang lain selama bertahun-tahun.

Mungkinkah ia terjadi? Dapatkah kita meraih pahala amalan-amalan yang semestinya dilakukan dalam waktu yang melebihi umur kita yang enam puluh tahun ini misalnya, seakan-akan mencapai seribu, lima ribu, atau sepuluh ribu tahun?

Jawapannya adalah ya. Ia dapat dicapai dengan dua cara, iaitu:

1. Mengerjakan amalan-amalan yang pahalanya berlipat kali ganda.
2. Mengerjakan amalan-amalan yang pahalanya mengalir terus sehingga setelah mati.

Dua pokok perbahasan inilah yang akan kita bincangkan pada perbahasan ini dan berikutnya.

Bentuk amalan-amalan yang pahalanya berlipat kali ganda itu, telah banyak diberitahu oleh Rasulullah (s.a.w). Baginda menegaskan bahawa maksud pahala yang berganda adalah melebihi amalan-amalan lain, kerana Allah (s.w.t) melipatgandakan jumlahnya sampai

sepuluh hingga tujuh ratus kali lipat, bahkan lebih daripada itu.

Ini merupakan kurnia Allah (s.w.t) yang diberikan kepada manusia. Namun untuk meraihnya tentu saja perlu beberapa syarat yang di antaranya adalah keikhlasan seseorang dalam mengerjakannya.

Berikut ini akan saya paparkan beberapa amalan yang pahalanya berlipat ganda yang pernah dianjurkan oleh Rasulullah (s.a.w) kepada umatnya.

I. Solat

a. Memperbanyakkan Solat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi

Sebahagian besar umat muslim tentu sudah mengetahui keutamaan solat di Masjidil Haram. Di antaranya adalah pahala satu rakaat di Masjidil Haram menyamai seratus ribu rakaat di masjid lain. Daripada Jabir bin Abdullah (r.a), Rasulullah (s.a.w) bersabda:

صَلَاةٌ فِي مَسْجِدِي أَفْضَلُ مِنْ أَلْفِ صَلَاةٍ فِيمَا سِوَاهُ إِلَّا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ وَصَلَاةٌ فِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ أَفْضَلُ مِنْ مِائَةِ أَلْفِ صَلَاةٍ فِيمَا سِوَاهُ.

"*Mengerjakan solat di masjidku (Masjid Nabawi) ini lebih utama daripada seribu kali solat di tempat lain, kecuali di Masjidil Haram lebih utama daripada seratus ribu kali*

solat di tempat lain."[1]

Seandainya kita mengerjakan semua solat rawatib (yang berjumlah 12 rakaat) di daerah kita, maka dalam satu tahun kita baru mengerjakan 4320 rakaat (12 x 360 = 4320). Pada hal, dengan sekali mengerjakan solat dua rakaat di Masjidil Haram, pahalanya sudah menyamai 200,000 rakaat. Sementara, untuk memperolehi pahala sebanyak ini di daerah kita, paling tidak diperlukan waktu kurang lebih empat puluh enam tahun tiga bulan (200,000 : 4320 = 46,30). Itupun apabila kita solat sunat setiap hari dengan sempurna.

Bukankah solat dua rakaat di Masjidil Haram itu hanya memerlukan waktu beberapa minit saja? Benar! Namun, meskipun hanya dengan beberapa minit, kita dapat mengaut pahala solat yang seharusnya dilakukan selama empat puluh enam tahun di tempat lain.

Katakan misalnya kita mengerjakan solat sepuluh rakaat di Masjidil Haram, dan untuk mengerjakannya hanya memerlukan waktu tidak lebih daripada sepertiga jam. Meskipun demikian, insya Allah pahala yang kita terima adalah menyamai pahala solat satu juta rakaat di daerah kita sendiri. Padahal untuk mendapat pahala sebanyak itu di daerah kita, paling tidak kita memerlukan waktu sekitar 231,5 tahun (46,3 x 5 = 231,5). Itu pun

---

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, *al-Fath al-Rabbani* (23/246) dan al-Banna dalam *al-Fath* berkata: "Al-Hafiz telah menilai tsiqah perawi sanadnya."; Ibn Majah (1/428). Ia dinilai sahih oleh al-Suyuthi dalam *al-Jami' al-Shaghir*: (5106); al-Albani *Shahih al-Jami*': (3838).

kalau kita mengerjakan semua solat rawatib setiap hari.


Namun, kurnia besar Allah (s.w.t) ini justeru sering diabaikan begitu sahaja oleh kebanyakan muslim yang pergi ke tanah suci. Oleh itu, apabila kita memiliki rezeki yang cukup, adalah lebih baik bila digunakan untuk mengejar kurnia Allah (s.w.t) itu daripada melancong ke Barat atau ke Eropah.

Bahkan, banyak pula di antara kaum muslimin yang mengunjungi Makkah al-Mukarramah atau Madinah al-Munawwarah selain waktu haji hanya melakukan solat fardu sahaja dan sedikit sekali melaksanakan solat sunat. Mereka ini lalai dengan kurnia Allah (s.w.t) yang besar, sehingga mereka banyak menghabiskan waktu di pasar untuk membeli hadiah untuk sanak saudara dan sahabat handai. Sungguh ironi, kerana mereka tidak sedar telah membuang dan mensia-siakan tambahan umur yang sebetulnya dapat mereka raih dengan mudah.

b. Sentiasa Solat Berjamaah di Masjid

Banyak orang mengetahui keutamaan solat berjamaah, iaitu lebih utama dua puluh lima atau dua puluh tujuh darjat berbanding dengan mengerjakan solat bersendirian. Oleh itu, orang yang ingin memanjangkan umurnya semestinya segera menyedari betapa kesempatan ini sangat penting.

Abu Hurairah (r.a) meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:



"*Solat bersama imam lebih utama dua puluh lima kali daripada solat bersendirian.*"[1]

Dalam riwayat Ibn Umar disebutkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

صَلاَةُ الْجَمَاعَةِ أَفْضَلُ مِنْ صَلاَةِ الْفَذِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً.

"*Solat berjamaah lebih utama dua puluh tujuh darjat daripada solat bersendirian.*"[2]

Misalkan ada dua orang yang meninggal dunia dalam usia yang sama. Akan tetapi, kerana salah seorang daripadanya terbiasa melakukan solat fardu seorang diri di rumah dan seorang lagi rajin mengerjakan solat berjamaah di masjid, maka jumlah pahala kedua orang itu akan berlainan: pahala orang yang kedua lebih banyak daripada pahala orang yang pertama. Hal itu adalah sebagaimana dijelaskan dalam hadis tadi, kerana pahala orang kedua digandakan dua puluh lima atau dua puluh tujuh darjat daripada pahala orang yang pertama.

Jika demikian, bukankah orang yang kedua itu seolah-olah berumur lebih panjang daripada orang

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim, *Kitab al-Masajid* (5/152).

[2] Diriwayatkan oleh al-Bukhari, Kitab *al-Azan* (2/154); Muslim (5/152).

pertama? Ini bererti pahala solat fardu yang diperolehi seseorang dalam waktu dua puluh lima tahun atau dua puluh tujuh tahun dapat diperoleh dalam waktu satu tahun apabila dikerjakan secara berjamaah di masjid.

Ramai orang yang apabila ditambah gajinya dengan syarat pindah ke kota lain, dia akan menyanggupinya dan pergi meninggalkan keluarganya demi tambahan gaji itu. Jadi tidakkah lebih baik apabila kita juga pergi beberapa minit dari rumah untuk melakukan solat fardu di masjid dan pulang ke rumah dengan membawa pahala yang berlimpah?

Saya pernah berjumpa dengan seorang pemuda yang soleh, tetapi saya tidak tahu siapa namanya. Bila ketinggalan solat berjamaah di masjid kami, pemuda ini seperti tidak tenang, lalu dengan keretanya dia keliling kota untuk mencari masjid yang sekiranya dia dapat mengerjakan solat berjamaah di masjid itu. Meskipun jarak yang terpaksa ditempuh untuk solat jamaah itu cukup jauh, pemuda ini tidak putus asa. Kadang kala kalau tidak mendapatkan masjid untuk berjamaah, dia memaksa keluarganya solat bersamanya, meskipun mereka sudah solat.

Lalu, bagaimana pula dengan kaum wanita muslimah? Jangan dikira mereka tidak mendapat bahagian pahala yang berganda ini! Solat wanita di rumah adalah lebih baik baginya daripada solat di masjid, meskipun masjid itu Masjid Nabawi yang pahala solat di dalamnya sampai seribu kali ganda.

Ummu Humaid, isteri Abu Humaid al-Sa'idi (r.a) meriwayatkan bahawa:

أَنَّهَا جَاءَتْ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنِّي أُحِبُّ الصَّلاَةَ مَعَكَ، قَالَ: قَدْ عَلِمْتُ أَنَّكِ تُحِبِّينَ الصَّلاَةَ مَعِي، وَصَلاَتُكِ فِي بَيْتِكِ خَيْرٌ لَكِ مِنْ صَلاَتِكِ فِي حُجْرَتِكِ، وَصَلاَتُكِ فِي حُجْرَتِكِ خَيْرٌ مِنْ صَلاَتِكِ فِي دَارِكِ، وَصَلاَتُكِ فِي دَارِكِ خَيْرٌ لَكِ مِنْ صَلاَتِكِ فِي مَسْجِدِ قَوْمِكِ، وَصَلاَتُكِ فِي مَسْجِدِ قَوْمِكِ خَيْرٌ لَكِ مِنْ صَلاَتِكِ فِي مَسْجِدِي، قَالَ: فَأَمَرَتْ فَبُنِيَ لَهَا مَسْجِدٌ فِي أَقْصَى شَيْءٍ مِنْ بَيْتِهَا وَأَظْلَمِهِ، فَكَانَتْ تُصَلِّي فِيهِ حَتَّى لَقِيَتْ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ.

"Pada suatu hari, dia mendatangi Nabi (s.a.w) dan bertanya: "Wahai Rasulullah! Aku sangat senang solat bersamamu." Nabi pun berkata: "Aku tahu, engkau senang solat bersamaku. Akan tetapi, solatmu di rumah itu lebih baik daripada solat di dalam bilikmu, dan solatmu di bilikmu lebih baik daripada solat di kampungmu, dan solat di kampungmu lebih baik daripada solat di masjid kaummu, dan solat di masjid kaummu lebih baik daripada solat di masjidku." Setelah itu Ummu Humaid dibangunkan tempat solat di rumahnya yang paling dalam dan paling gelap. Dan dia solat di tempat itu hingga dia meninggal dunia."[1]

---

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, *al-Fath al-Rabbani*, bab:

Mengapakah pahala yang besar itu justeru diberikan kepada wanita muslimah yang solat di dalam rumah? Ini semua tidak lain adalah demi menjaga agar wanita tidak berkumpul dengan lelaki, meski di dalam Masjid Nabawi sekalipun. Seorang wanita muslimah yang taat pasti dapat memahami dan menghayati hadis ini, sehingga dia dapat mengambil hikmah daripadanya.

Paling tidak, dia tahu bahawa tetap tinggal dan solat di rumah adalah lebih diredhai Allah (s.w.t) di samping lebih aman bagi masyarakatnya serta dapat memanjangkan umur produktifnya.

c. Solat Sunat di Rumah

Percayakah anda bahawa pahala solat sunat di rumah itu dua puluh lima kali ganda dibanding solat di hadapan

---

wanita keluar ke masjid dan wanita dilarang keluar rumah kerana takut fitnah dan keutamaan solat sunat di dalam rumahnya (5/198). Menurut al-Haitsami, hadis ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad, dan para perawinya sahih, kecuali Abdullah bin Suwaid al-Anshari. Namun, dia dinyatakan tsiqah oleh Ibn Hibban (2/34). Ia turut diriwayatkan pula oleh al-Thabarani dan Ibn Hibban. Ibn Khuzaimah dalam al-Shahih, bab: keutamaan wanita mengerjakan solat di dalam biliknya daripada solat di kampungnya dan solat di dalam masjid kaumnya daripada solat di Masjid Nabawi, meskipun solat sunat di Masjid Nabawi senilai seribu kali solat di masjid lain dan maksud sabda Nabi (s.a.w): 'Solat di dalam masjidku ini lebih diutamakan daripada seribu kali solat di dalam masjid lain' adalah solat yang dilakukan oleh kaum lelaki bukan wanita (3/94). Al-Albani menyatakan sanadnya hasan dalam *Shahih Ibn Khuzaimah*.

orang ramai di masjid, sekalipun itu di Masjidil Haram? Memang, ini merupakan kebalikan daripada solat fardu tadi. Shuhaib al-Rumi meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

صَلاَةُ الرَّجُلِ تَطَوُّعًا حَيْثُ لاَ يَرَاهُ النَّاسُ تَعْدِلُ صَلاَتُهُ عَلَى أَعْيُنِ النَّاسِ خَمْسًا وَعِشْرِيْنَ.

"*Solat sunat seseorang yang tidak dapat dilihat oleh orang lain, pahalanya menyamai dua puluh lima kali ganda solat di hadapan orang ramai.*"[1]

Salah seorang sahabat yang lain meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

فَضْلُ صَلاَةِ الرَّجُلِ فِيْ بَيْتِهِ عَلَى صَلاَتِهِ، حَيْثُ يَرَاهُ النَّاسُ كَفَضْلِ الْفَرِيْضَةِ عَلَى التَّطَوُّعِ.

---

[1] Diriwayatkan oleh Abu Ya'la dan dinilai dha'if oleh al-Suyuthi dalam *al-Jami' al-Shaghir*: (5082); al-Mannawi dalam *Faidh al-Qadir* (4/220) tidak memberi sebarang komentar; al-Albani menilainya sebagai sahih dalam Shahih al-Jami': (3821). Al-Mannawi berkata: "Solat sunat itu disyariatkan bagi mendekatkan diri kepada Allah dan ihklas kerana-Nya. Oleh itu, mengerjakan solat sunat jauh daripada pandangan manusia adalah lebih selamat daripada riya' dan sifat-sifat tercela yang lain. Sedangkan solat fardu disyariatkan supaya dilaksanakan secara berjamaah, kerana ia bertujuan menzahirkan syiar agama dan oleh kerananya, ia mesti dilaksanakan bersama orang ramai."

"*Keutamaan solat seseorang di dalam rumahnya ke atas solat yang dapat dilihat oleh orang adalah seperti keutamaan solat fardu ke atas solat sunat*."[1]

Demikianlah pahala mengerjakan solat sunat di dalam masjid selama dua puluh lima tahun dapat kita perolehi dalam waktu satu tahun, iaitu dengan mengerjakannya di dalam rumah atau di tempat lain yang tidak kelihatan oleh orang lain.[2]

Apakah kita akan membiarkan kesempatan ini begitu sahaja? Jangan! Berusahalah untuk sentiasa mengerjakan solat sunat di tempat yang tidak kelihatan orang lain, kerana itu lebih banyak pahalanya dan lebih jauh daripada sifat riya'.

Perlu diketahui bahawa semakin sesebuah amalan itu dijalankan dengan ikhlas kerana Allah (s.w.t), pahalanya akan semakin besar. Daripada Abu Sa'id al-Khudri, Rasulullah (s.a.w) bersabda:

صَلاَةُ الرَّجُلِ فِي جَمَاعَةٍ تَزِيدُ عَلَى صَلاَتِهِ وَحْدَهُ خَمْسًا
وَعِشْرِينَ دَرَجَةً، فَإِذَا صَلاَّهَا فِي أَرْضِ فَلاَةٍ فَأَتَمَّ وُضُوْءَهَا

[1] Diriwayatkan oleh al-Baihaqi, *Syu'ab al-Iman* (3/173) dan dinilai hasan. Ia turut diriwayatkan oleh al-Suyuthi dalam *al-Jami' al-Shaghir* (5871) dan dinilai sahih oleh al-Albani, *Shahih al-Targhib wa al-Tarhib*: (441).

[2] Syaratnya adalah amalannya diterima oleh Allah. Semua fikiran yang dituangkan dalam buku ini hanya untuk mengetahui kadar pahala yang ada pada amalan-amalan tersebut. Sedangkan syarat sesebuah amalan itu diterima di sisi Allah adalah ikhlas sesuai dengan apa yang diajarkan oleh Rasulullah (s.a.w).



وَرُكُوعَهَا وَسُجُودَهَا بَلَغَتْ صَلاَتُهُ خَمْسِينَ دَرَجَةً.

"*Solat seseorang dalam jama'ah menambah pahala solat bersendirian sebanyak dua puluh lima darjat. Apabila dia mengerjakannya di suatu daerah yang sepi dengan wuduk yang sempurna dan demikian pula rukuk dan sujud, maka pahala solatnya itu berlipat ganda sehingga lima puluh darjat*."[1]

Mengapa demikian? Sebab solatnya itu bukan kerana takut kepada pemerintah, diingatkan oleh suara muazzin, atau ingin dilihat oleh teman atau kerabat. Akan tetapi kerana dia takut kepada Allah (s.w.t) dan merasa dirinya selalu diawasi Allah (s.w.t), sehingga dia rajin mengerjakan solat fardu tepat pada waktunya. Dengan itu, dia memperolehi pahala yang berkali-kali ganda.

Biasakanlah untuk selalu ikhlas dalam segala pekerjaan! Belajarlah mengerjakan solat sunat di rumah! Itu akan mendatangkan pahala yang berlimpah kepada kita. Zaid bin Thabit meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

صَلُّوْا أَيُّهَا النَّاسُ فِيْ بُيُوْتِكُمْ، فَإِنَّ أَفْضَلَ صَلاَةِ الْمَرْءِ فِيْ بَيْتِهِ إِلاَّ الْمَكْتُوْبَةَ.

[1] Diriwayatkan oleh Abu Dawud (2/266). Ia dinilai sahih oleh al-Suyuthi, *al-Jami' al-Shaghir*: (5078) dan dinilai sahih oleh al-Albani, *Shahih al-Jami'*: (3824).

"Wahai manusia, kerjakanlah solat di dalam rumah kamu, kerana solat yang paling utama adalah di dalam rumah, kecuali solat fardu."[1]

d. Melaksanakan Adab Jumaat

Ada beberapa adab (sopan santun) Jumaat yang penting dan sepatutnya dikerjakan bagi memuliakan hari yang diagungkan Allah dan Rasul-Nya ini. Dalam perbahasan ini, kita hanya akan membicarakan sebahagian adab-adab Jumaat yang ada kaitannya dengan usaha memanjangkan umur.

Ada lima adab yang disebutkan secara sekali gus oleh Rasulullah (s.a.w). Daripada Aus bin Aus al-Tsaqafi (r.a), beliau berkata: "Aku pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَنْ اغْتَسَلَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَغَسَّلَ وَبَكَّرَ وَابْتَكَرَ وَدَنَا وَاسْتَمَعَ وَأَنْصَتَ كَانَ لَهُ بِكُلِّ خُطْوَةٍ يَخْطُوهَا أَجْرُ سَنَةٍ صِيَامُهَا وَقِيَامُهَا.

"Barangsiapa memandikan (menjimak isterinya) dan mandi pada hari Jumaat, tidur lebih awal (pada waktu malamnya) dan pergi ke masjid lebih awal, berjalan kaki tanpa berkenderaan (menuju masjid), duduk berhampiran

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, *al-Fath al-Rabbani*, (4/192); al-Bukhari (2/251); Muslim (5/69).

imam, mendengarkan khutbah dan tidak bercakap, maka setiap langkahnya mendapat pahala amal satu tahun, iaitu pahala berpuasa dan solat malamnya."[1]

Apa yang dilakukan kebanyakan orang pada hari Jumaat ketika ini? Sungguh, kecuali mandi, amalan-amalan tadi banyak diabaikan. Bahkan, benarkah mereka mandi kerana ibadah atau kerana kebiasaan? Ini yang perlu dicatat, sebab mandi pada hari Jumaat laksana mencuci dosa-dosa.

Ada yang mendefinisikan pengertian "memandikan" di sini dengan menjimak isterinya, sehingga mereka harus mandi seolah-olah dia memandikan mereka.[2] Ada pula yang menyebutkan makna "memandikan" di sini membasahi kepala. Adapun makna "*bakkara*" (tidur cepat) adalah mengawalkan tidur pada malam Jumaat. Sedangkan makna pergi ke masjid lebih awal adalah berusaha supaya sempat mendengar awal khutbah.

---

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, al-Fath al-Rabbani, kitab: *solat Jumaat*, bab mandi dan berhias pada hari Jumaat (6/51); Abu Dawud dalam kitab al-thaharah, bab mandi pada hari Jumaat (2/10); al-Tirmidzi dalam kitab solat, bab keutamaan mandi pada hari Jumaat dan beliau menilai hadis ini hasan (2/281); al-Nasa'i dalam kitab Jumaat, bab keutamaan mandi pada hari Jumaat (3/95), hadis no. (1380); Ibn Majah bab mandi pada hari Jumaat (1/337); Ibn Khuzaimah dalam al-Shahih, bab keutamaan mandi pada hari Jumaat (3/128); Ibn Hibban dan al-Hakim dalam al-Shahih; al-Thabarani dalam *al-Kabir* (1/214) dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Jami'* no. 6405.

[2] Dengan ini, ribuan pemuda lajang tidak mendapatkan pahala ini dan juga orang yang tidak mengharapkan pahalanya.



Sedangkan yang dimaksudkan dengan berjalan kaki dan tidak menaiki kenderaan, yakni tidak menaiki haiwan atau kereta untuk pergi ke masjid.[1]

Atas dasar hadis ini maka sebaiknya kita mengerjakan solat Jumaat di masjid jami' yang paling dekat dengan rumah. Tujuannya, adalah agar dapat meraih pahala yang besar tanpa bersusah-susah mencari masjid yang jauh dan memerlukan kenderaan.

Satu perkara lagi yang sering tidak dipedulikan adalah larangan berbicara ketika khutbah disampaikan. Pelanggaran terhadap larangan sangat beraneka jenis. Dan ironinya, banyak yang tidak sedar telah melakukan larangan ini. Oleh itu, setiap orang Islam hendaklah lebih memperdalamkan lagi adab-adab solat Jumaat, sehingga mereka mengetahui selok belok hukum dan apa-apa yang disunatkan. Hal itu tidak lain adalah agar mereka benar-benar memperolehi limpahan pahala pada hari Jumaat yang mulia itu.

Kita dapat membayangkan seandainya kita melaksanakan sunat-sunat ini, seperti jarak antara rumah kita dengan masjid paling sedikit seribu langkah, *insya' Allah* akan ditulis untuk kita seribu kebaikan, atau pahala puasa dan qiyamul lail selama setahun. Dan dalam sebulan, kita memperolehi pahala sebesar amalan empat ribu tahun; semua itu terdiri daripada pahala puasa dan

---

[1] *Al-Fath al-Rabbani* (6/15). Abu Dawud berkata: "Makhul pernah ditanya tentang hukum mandi dan memandikan, dia berkata: "memandikan kepalanya dan badannya", *Jami' al-Ushul* (9/430).

qiyamul lail.

Hitunglah berapa kira-kira yang kita perolehi dalam satu tahun, dua puluh tahun, atau lebih daripada itu? Kalau kita terus berpuasa dan solat selama hidup di dunia ini, nescaya pahalanya tidak akan menyamai pahala puasa dan solat malam selama seratus tahun. Oleh itu, Allah (s.w.t) menurunkan kurnia-Nya, sehingga kita dapat memperolehi pahala ibadah dua ratus tahun tanpa harus hidup dalam tempoh yang lama itu. Kita adalah umat yang lemah dan pendek umur. Tetapi Allah (s.w.t) tetap memberi kesempatan untuk memperolehi pahala sebanyak itu dengan cara melaksanakan amalan-amalan ringan. Maka bersyukurlah!



Bagi kaum wanita, mungkin akan merasa rugi kerana tidak memiliki kesempatan meraih pahala ini, kerana tidak diwajibkan mengerjakan solat Jumaat. Namun, perlu mereka fahami bahawa pahala yang sangat besar ini boleh mereka dapatkan melalui amalan-amalan yang lain. Misalnya, dengan mendorong dan mengingatkan suaminya agar selalu melaksanakan adab-adab Jumaat dengan baik dan benar. Sebab, orang yang menunjukkan kebaikan kepada orang lain akan memperolehi pahala yang sama dengan orang yang melakukannya.

Adapun tujuan diberikannya pahala besar bagi orang yang berangkat solat Jumaat lebih awal adalah untuk memberi motivasi umat Islam agar mendengarkan khutbah Jumaat dari awal sampai akhir dengan penuh penghayatan. Ini kerana dengan begitu mereka akan selalu dapat memperbaiki amal ibadahnya kepada Allah

(s.w.t), terutama setelah mendengar ajaran-ajaran yang disampaikan oleh khatib.

Pengetahuan kebanyakan orang hari ini terhadap agama sangat minimum. Salah satu penyebabnya tidak lain kerana mereka tidak segera ke masjid untuk mendengarkan khutbah Jumaat. Bahkan, boleh jadi rosaknya akhlak kebanyakan orang dan kejahilan mereka tentang agama adalah kerana mereka menjauhi tempat-tempat seperti ini.

Rasulullah (s.a.w) pernah mengingatkan kita bahawa sesiapa yang tidak mengerjakan solat Jumaat tiga kali berturut-turut, maka Allah (s.w.t) akan menutup hatinya dan memasukkan ke dalam golongan orang-orang yang lalai.

Daripada Abul Ja'd al-Dhamri (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَنْ تَرَكَ الْجُمُعَةَ ثَلاَثَ مَرَّاتٍ تَهَاوُنًا طَبَعَ اللهُ عَلَى قَلْبِهِ.

"*Barangsiapa meninggalkan solat Jumaat sebanyak tiga kali kerana meremehkannya, Allah (s.w.t) akan menutup hatinya.*"[1]

---

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, *al-Fath al-Rabbani* (6/22); al-Tirmidzi (2/287); Abu Dawud (3/377); al-Nasa'i (3/88) hadis no. 1368; Ibn Majah (1/346); al-Hakim (1/280); Ibn Khumaizah (3/176) dan dinilai sahih oleh al-Arna'uth, *Takhrij Syarh al-Sunnah*; al-Baghawi (4/213) dan al-Albani dalam *Shahih al-Jami'* (6143).

e. Rajin Solat Dhuha

Setiap manusia memiliki tiga ratus enam puluh sendi. Dan Rasulullah (s.a.w) pernah menganjurkan agar kita mengeluarkan sedekah setiap hari untuk setiap sendi sebagai rasa syukur kepada Allah (s.w.t) di atas nikmat-Nya.

Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

ابْنُ آدَمَ سِتُّونَ وَثَلاثُمِائَةِ مَفْصِلٍ، عَلَى كُلِّ وَاحِدٍ مِنْهَا فِي كُلِّ يَوْمٍ صَدَقَةٌ، فَالْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ يَتَكَلَّمُ بِهَا الرَّجُلُ صَدَقَةٌ، وَعَوْنُ الرَّجُلِ أَخَاهُ عَلَى الشَّيْءِ صَدَقَةٌ، وَالشُّرْبَةُ مِنَ الْمَاءِ يَسْقِيهَا صَدَقَةٌ، وَإِمَاطَةُ الأَذَى عَنِ الطَّرِيقِ صَدَقَةٌ.

"*Anak Adam terdiri daripada tiga ratus enam puluh sendi dan setiap sendi mestilah dikeluarkan sedekahnya. Perkataan baik yang diucapkan seseorang adalah sedekah, membantu kesukaran saudaranya adalah sedekah, memberikan seteguk air juga sedekah, dan menyingkirkan sesuatu yang membahayakan di tengah jalan juga sedekah.*"[1]

Berapa waktu yang kita perlukan untuk menyedekahkan tiga ratus enam puluh sendi itu?

---

[1] Diriwayatkan oleh al-Thabarani, *al-Kabir* (11/46) dan dinyatakan sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Jami'* no. 42.

Bukankah itu merupakan hutang yang harus kita langsaikan? Dapatkah kita menunaikannya?

Tidak perlu risau dan gelisah. Sebab dengan mengerjakan solat Dhuha dua rakaat setiap hari, "hutang" itu akan dapat dibayar. Selain itu, kita juga dapat menjimatkan waktu dan tenaga. Sedangkan sedekah yang kita berikan setiap hari, semoga menjadi tambahan pahala bagi kita di akhirat kelak. Dikatakan, dengan solat Dhuha seseorang juga akan memperolehi pahala yang sama dengan pahala orang yang ber'umrah.

Daripada Abu Dzarr al-Gafari (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

يُصْبِحُ عَلَى كُلِّ سُلاَمَى مِنْ أَحَدِكُمْ صَدَقَةٌ، فَكُلُّ تَسْبِيحَةٍ صَدَقَةٌ، وَكُلُّ تَحْمِيدَةٍ صَدَقَةٌ، وَكُلُّ تَهْلِيلَةٍ صَدَقَةٌ، وَكُلُّ تَكْبِيرَةٍ صَدَقَةٌ، وَأَمْرٌ بِالْمَعْرُوفِ صَدَقَةٌ، وَنَهْيٌ عَنْ الْمُنْكَرِ صَدَقَةٌ، وَيُجْزِئُ مِنْ ذَلِكَ رَكْعَتَانِ يَرْكَعُهُمَا مِنْ الضُّحَى.

"*Setiap pagi, setiap sendi kamu wajib disedekahkan. Setiap satu tasbih adalah sedekah, setiap tahmid adalah sedekah, setiap tahlil adalah sedekah, dan setiap takbir adalah sedekah, amar ma'ruf adalah sedekah, nahi mungkar adalah sedekah, dan pahala semua itu cukup engkau perolehi dengan mengerjakan solat Dhuha dua rakaat*."[1]

[1] Diriwayatkan oleh Muslim (5/233); Abu Dawud (4/164).

Ini merupakan peluang besar bagi yang memiliki waktu terluang untuk selalu mengerjakan solat Dhuha. Semoga kita semua lelaki dan wanita sama-sama dapat meraih pahala ini. Amin.

Waktu paling utama untuk mengerjakannya adalah ketika panas matahari telah menyengat dan meninggi. Zaid bin al-Arqam meriwayatkan bahawa ketika melihat suatu kaum sedang solat di waktu dhuha, dia berkata: "Bukankah mereka telah mengetahui bahawa solat di luar waktu ini lebih utama? Sesungguhnya Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: '*(Waktu) solat al-Awwabin itu ketika anak unta merasa kepanasan terkena sengatan terik matahari*'."[1] Maksudnya, ketika kaki anak unta merasa panas kerana tanahnya terkena sengatan panas matahari.

2. Haji dan 'Umrah

Setiap muslim wajib melaksanakan ibadah haji satu kali seumur hidup. Namun, ramai orang yang ingin melaksanakannya setiap tahun. Ramai pula orang yang berharap dapat hidup seribu tahun dan setiap tahunnya menunaikan ibadah haji.

Meskipun berhaji setiap tahun, bilangan haji seseorang belum tentu dapat melebihi jumlah umurnya. Lantas, apakah jumlah haji kita dapat melebihi jumlah umur kita? Itu sangat mungkin dan mudah dengan

[1] Diriwayatkan oleh Muslim (6/29).

mengerjakan amalan-amalan yang pahalanya sebanding dengan ibadah haji atau ‘umrah. Berikut amalan-amalan yang saya maksudkan itu:

a. Mengerjakan Haji untuk Orang Lain

Ulama salaf soleh berusaha melakukan haji dan ‘umrah sebanyak-banyaknya dengan tujuan mengamalkan anjuran Rasulullah (s.a.w) melalui hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Mas’ud (r.a). Baginda pernah bersabda:

تَابِعُوا بَيْنَ الْحَجِّ وَالْعُمْرَةِ فَإِنَّهُمَا يَنْفِيَانِ الْفَقْرَ وَالذُّنُوبَ كَمَا يَنْفِي الْكِيرُ خَبَثَ الْحَدِيدِ.

“*Lakukan haji dan ‘umrah, kerana keduanya menghilangkan kemiskinan dan dosa-dosa sebagaimana pandai besi menghilangkan karat besi, emas, dan perak.*”[1]

Al-Aswad bin Yazid menunaikan haji sebanyak lapan puluh kali,[2] Amr bin Maimun menunaikannya sebanyak enam puluh kali,[3] sedangkan Sa’id bin al-

---

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, *al-Fath al-Rabbani* (11/9); al-Tirmidzi (4/26); al-Nasa’i (5/116) hadis no. 2629. Ia dinilai sahih oleh al-Suyuthi dalam *al-Jami’ al-Shaghir* (3227) dan al-Manawi dalam *Faidh al-Qadir* (3/225). Al-Arna’uth menyatakan sanadnya hasan dalam *Takhrij Jami’ al-‘Ushul* (9/461). Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Tirmidzi* (650) dan *Shahih al-Nasa’i* (558).

[2] *Nuzhah al-Fudhala’ Tahdzib Siyar A’lamin Nubala’* (1/329).

[3] Ibid.

Musayyab pernah berhaji sebanyak empat puluh kali.[1] Ulama lain pun ramai yang mengerjakannya. Kita dapat fikirkan, bahawa itu mereka lakukan pada zaman di mana kemudahan pengangkutan masih belum secanggih zaman ini.

Al-Faqih Muslim bin Yasar menunaikan ibadah haji setiap tahun. Bersamaan dengan itu dia mengerjakan haji pula untuk beberapa orang kawannya.[2]

Alkisah, ada seorang saudagar yang kaya raya. Namanya Abdullah bin al-Mubarak. Setiap kali musim haji tiba, kawan-kawannya dari Marwa selalu datang kepadanya untuk mengerjakan haji bersamanya. "Kumpulkan wangmu padaku!," kata Abdullah kepada setiap orang yang ingin mengerjakan haji bersamanya. Lalu dia mengumpulkan wang-wang mereka itu dalam satu kotak yang kemudian dikunci rapat.

Setibanya musim haji, dia meninggalkan Marwa bersama mereka ke Baghdad. Dalam perjalanan itu, semua mereka mendapat makanan yang lazat. Dari Baghdad, mereka menuju Madinah dengan pakaian bagus yang dibelikan oleh Abdullah di Baghdad. Sesampainya di Madinah, dia bertanya kepada setiap orang: "Keluargamu minta apa-apa buah tangan dari Madinah?" Dia bertanya kepada setiap orang. Mereka pun menjawab dengan "ini" dan "itu". Lalu Abdullah bin

---

[1] Ibid. Rujuk isi kandungan *Nuzhah al-Fudhala' Tahdzib Siyar A'lamin Nubala'* (3/1675).

[2] Ibid.

al-Mubarak membelikan semua yang mereka sebutkan itu.

Kemudian mereka meneruskan perjalanan menuju Makkah untuk menunaikan haji sehingga selesai. Ketika ibadah haji telah selesai, dia berkata kepada setiap anggota rombongannya: "Keluargamu minta dibelikan apa dari Makkah?" Seperti sebelumnya, mereka pun menjawab apa adanya, dan dia memenuhi semua permintaan mereka. Setelah itu mereka pulang ke Marwa. Sepanjang perjalanan pulang itu, dia menyediakan makanan mereka sampai tiba di Marwa. Setelah tiga hari kemudian, dia mengadakan kenduri kahwin sekali gus menjemput untuk mereka dan tidak lupa memberi mereka pakaian yang elok.

Setelah pesta selesai, Abdullah menjemput mereka hadir ke hadapannya. Lalu dia mengambil kotak tempat menyimpan wang mereka dan kemudian membahagikannya lagi kepada mereka tanpa berkurang walaupun satu sen.[1]

Saya tidak menganjurkan anda untuk berbuat seperti Abdullah bin al-Mubarak itu, kerana kita mungkin tidak akan mampu. Apa yang mungkin bagi kita adalah menyumbangkan biaya haji kita kepada orang yang belum pernah menunaikan ibadah haji.

Jika keinginan kita naik haji setiap tahun adalah untuk memperolehi pahala semata-mata, maka ada baiknya apabila wang yang kita simpan untuk haji itu

[1] Ibid.

kita sumbangkan kepada sesiapa yang belum pernah naik haji. Namun, apabila kita memiliki tujuan lain seperti melancong dan mencari populariti, maka kita bukan termasuk orang yang berjaya dalam memanjangkan umur.

Mungkin, ada yang mengatakan adalah lebih baik harta itu digunakan untuk naik haji sendiri, kerana dengan begitu akan semakin memperkuatkan lagi keimanan dan ketakwaan kepada Allah (s.w.t). Jika tujuan kita seperti itu, semoga Allah (s.w.t) memantapkan niat kita dan kita pun berjaya meraih apa yang kita harapkan.

b. Solat Isyraq*

Daripada Anas bin Malik (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَنْ صَلَّى الْغَدَاةَ فِي جَمَاعَةٍ، ثُمَّ قَعَدَ يَذْكُرُ اللهَ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ، ثُمَّ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ كَانَتْ لَهُ كَأَجْرِ حَجَّةٍ وَعُمْرَةٍ تَامَّةٍ تَامَّةٍ تَامَّةٍ.

* Ramai orang mengira solat Isyraq dan solat Dhuha itu berbeza. Padahal, kedua-duanya adalah sama. Penulis buku *Tuhfah al-Ahwadzi* berkata: "Solat Dhuha disebut juga dengan solat Isyraq, iaitu solat Dhuha yang pertama." Sementara Syaikh Abdurrahim al-Hasyimi menjelaskan solat Isyraq adalah sebahagian daripada solat Dhuha. Adapun orang-orang menyebutnya Isyraq, kerana solat ini dikerjakan ketika matahari terbit yang dalam bahasa arabnya adalah *tasyruqu*.

"*Barangsiapa solat Subuh berjamaah, lalu dia berzikir kepada Allah hingga matahari terbit dan kemudian mengerjakan solat dua rakaat, maka dia akan memperoleh pahala yang jumlahnya sama dengan pahala haji dan 'umrah.*"[1]

Sunnah Nabi (s.a.w) yang satu ini sekarang banyak dilupakan orang dan jarang dikerjakan di masjid-masjid. Antara penyebabnya adalah munculnya kebiasaan bergadang malam sehingga berlalu waktu tengah malam terutamanya sekali pada musim dan hari cuti. Faktor inilah yang sering membuat seseorang tidak mampu beri'tikaf di dalam masjid setelah mengerjakan solat Subuh sampai terbitnya matahari. Dan akibatnya, ramai orang yang tidak sempat mengerjakan solat sunnah isyraq ini.

Demikianlah, kita tinggal memilih sama ada membiasakan diri berjaga malam sehingga kehilangan peluang mengerjakan solat *isyraq* ataupun berusaha bangun pagi dan memanfaatkan kesempatan itu dengan baik. Atau, paling tidak kita berusahalah mengerjakan solat isyraq ini sekali dalam seminggu, iaitu ketika kita tidak memiliki kewajipan pergi bekerja atau ke pejabat. Dengan begitu, insya Allah kita beruntung dan mendapatkan ganjaran pahala mengerjakan haji dan 'umrah dua kali dalam seminggu. Dan itu bererti umur kita seolah-olah bertambah dua tahun dan selalu berhaji setiap tahun.

---

[1] Diriwayatkan oleh al-Tirmidzi (9/401) dan dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih al-Tirmidzi* (480).



c. Menghadiri Majlis Ta'lim dan Ceramah di Masjid-Masjid

Dengan menghadiri majlis ta'lim ataupun ceramah keagamaan di masjid kita akan memperolehi ganjaran pahala yang jumlahnya sama dengan pahala naik haji yang dijalankan dengan sempurna. Daripada Abu Umamah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) bersabda:

مَنْ غَدَا إِلَى الْمَسْجِدِ لا يُرِيدُ إِلا أَنْ يَتَعَلَّمَ خَيْرًا أَوْ يَعْلَمَهُ، كَانَ لَهُ كَأَجْرِ حَاجٍّ تَامًّا حِجَّتُهُ.

"*Barangsiapa pergi ke masjid untuk mempelajari kebaikan atau mengajarkannya, maka dia memperoleh pahala sebesar pahala haji yang dikerjakan dengan sempurna.*"[1]

Banyak orang malas menghadiri ceramah-ceramah di masjid. Alasannya pun banyak. Ada yang beralasan kerana tempat yang disediakan terlampau sempit, tidak dapat memberi tumpuan, bahkan ada yang beralasan sibuk mengerjakan sesuatu yang sebenarnya dapat ditangguhkan.

Dengan alasan-alasan itu sebahagian mereka kemudian memilih mendengarkan ceramah-ceramah ini menerusi kaset sambil memandu atau menaiki keretanya. Di satu sudut, kebiasaan ini memang masih positif, iaitu memanfaatkan waktu luang di dalam kereta untuk mendengar ceramah agama. Namun, perlu dicatat

[1] Diriwayatkan oleh al-Thabarani (8/94); al-Hakim (1/91).

bahawa dengan begitu dia tidak dapat memperolehi pahala sebesar yang dia peroleh jika duduk bersama para ulama di majlis-majlis zikir.

Pahala besar yang dijanjikan Allah (s.w.t) itu tidak lain berupa pahala haji yang sempurna dan keburukannya diganti dengan kebaikan ketika dia berdiri untuk meninggalkan tempat duduknya selepas majlis berakhir. Selain itu, ketika menghadiri majlis ta'lim tersebut kita juga akan selalu disertai malaikat, dilindungi Allah (s.w.t) dan diliputi pelbagai keutamaan berupa ilmu-ilmu yang sedang kita pelajari. Sungguh, betapa besarnya pahala tersebut! Oleh itu, tidak patut apabila kita masih enggan menghadiri pengajian yang diadakan di masjid.

Tidak kurang pentingnya dalam menghadiri majlis tersebut harus memiliki niat yang betul: mencari ilmu dan memeriahkan majlis. Ia akan menambah semangat penceramah yang kadang kala telah bersusah payah datang dari tempat yang jauh. Sebab, apabila penceramah itu datang dari tempat yang jauh misalnya, dan ternyata majlis ta'lim hanya dihadiri oleh segelintir orang sahaja, maka ada kemungkinan pada kesempatan yang lain dia akan berat hati memberi ceramah di tempat kita.

Untuk para imam masjid, hadis tadi dapat menjadi landasan untuk terus menyampaikan dakwah dan ceramah yang bermanfaat bagi para jemaahnya. Ada baiknya sekiranya hadis ini sentiasa mereka ulang dalam setiap kesempatan berceramah, sehingga betul-betul dihayati dan diamalkan oleh para jemaahnya.

Bagi para penceramah, apabila diminta menyampaikan pengajian, ada baiknya pula apabila dia meminta untuk diadakan di dalam masjid. Sebab dengan begitu para pengunjung tidak kehilangan pahala yang sama dengan pahala haji yang sempurna.

d. 'Umrah di Bulan Ramadan

Daripada Abdullah bin Abbas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) berkata kepada seorang wanita Ansar bernama Ummu Sinan: "Apa yang membuat kamu tidak dapat menunaikan haji bersama kami?"

Ummu Sinan menjawab: "Kami hanya mempunyai dua ekor unta; yang satu digunakan berhaji oleh suami dan anakku; yang satu lagi digunakan oleh hamba kami untuk mengangkut air."

Maka Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sesungguhnya 'umrah di bulan Ramadan adalah sama halnya dengan haji atau naik haji bersamaku."[1]

Dalam riwayat lain disebutkan: "[Maka] 'umrah di bulan Ramadan adalah sama halnya dengan haji atau naik haji bersamaku." "Apabila datang bulan Ramadan, maka ber'umrahlah, kerana 'umrah di bulan Ramadan sama dengan melaksanakan ibadah haji."[2]

---

[1] Diriwayatkan oleh al-Bukhari (4/86); Abu Dawud (5/465); al-Tirmidzi (4/167).

[2] Diriwayatkan oleh al-Bukhari (3/705); Muslim (9/2); al-Nasa'i (4/130).



Berusahalah untuk dapat mengerjakan ‘umrah di bulan Ramadan. Sebab ‘umrah tidak memerlukan waktu panjang, mungkin hanya sekitar satu jam dan setelah itu kita dapat kembali ke daerah kita pada hari itu juga. Perlu diingat bahawa solat sunat di Masjidil Haram boleh mendatangkan pahala yang berlipat kali ganda yang tidak mungkin kita perolehi di daerah kita.[1]

e. Solat Fardu di Masjid

Daripada Abu Umamah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَنْ مَشَى إِلَى صَلاَةٍ مَكْتُوْبَةٍ فِي الْجَمَاعَةِ فَهِيَ كَحَجَّةٍ، وَمَنْ مَشَى إِلَى صَلاَةِ تَطَوُّعٍ (يَعْنِي صَلاَةَ الضُّحَى) فَهِيَ كَعُمْرَةٍ نَافِلَةٍ.

“*Barangsiapa berjalan (ke masjid) untuk mengerjakan solat fardu berjamaah, maka solatnya sama dengan melaksanakan ibadah haji. Barangsiapa pergi mengerjakan solat sunat (dhuha) di masjid, maka solatnya itu sama dengan mengerjakan ibadah ‘umrah.*”[2]

---

[1] Rujuk *keutamaan solat di al-Haramai*n, hal. 32.

[2] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, *al-Fath al-Rabbani* (2/12); Abu Dawud (2/263). Ia dinilai sahih menurut al-Albani dalam *Shahih al-Jami*’ no. 6556.

Dalam riwayat Abu Dawud disebutkan:

مَنْ خَرَجَ مِنْ بَيْتِهِ مُتَطَهِّرًا إِلَى صَلاَةٍ مَكْتُوبَةٍ فَأَجْرُهُ كَأَجْرِ الْحَاجِّ الْمُحْرِمِ، وَمَنْ خَرَجَ إِلَى تَسْبِيحِ الضُّحَى لاَ يَنْصِبُهُ إِلاَّ إِيَّاهُ فَأَجْرُهُ كَأَجْرِ الْمُعْتَمِرِ.

"*Barangsiapa keluar dari rumahnya dalam keadaan suci untuk mengerjakan solat fardu di masjid, maka pahalanya menyamai pahala orang berhaji. Barangsiapa keluar dari rumahnya untuk mengerjakan solat dhuha (dan tidak ada maksud lain kecuali itu), maka pahalanya sama dengan pahala mengerjakan ibadah 'umrah…*"[1]

Dalam Faidh al-Qadir, al-Manawi menyebutkan sabda Rasulullah (s.a.w): "*Barangsiapa pergi untuk melakukan solat fardu berjamaah, maka solatnya itu sama seperti mengerjakan ibadah haji*." Maksudnya, pahalanya adalah menyamai pahala mengerjakan ibadah haji, meskipun tidak bererti sama ukurannya.[2]

Orang yang membiasakan diri bersuci di dalam rumahnya, bukan di masjid, kemudian dia pergi melaksanakan solat fardhu lima waktu berjamaah setiap hari untuk mengharap pahala besar ini, insya Allah

---

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, *al-Fath al-Rabbani* (2/213); Abu Dawud (2/263); al-Baihaqi (9/416). Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam Shahih Abu Dawud no. 522.

[2] *Faidh al-Qadir* (6/288).



akan ditulis baginya pahala lima kali haji setiap hari. Sehingga, dalam setahun dia dihitung telah menunaikan haji sebanyak seribu lapan ratus kali (5 x 360 = 1,800). Nah, apabila dalam sepuluh tahun, dua puluh tahun, atau tiga puluh tahun, atau lebih daripada itu kita selalu mengerjakan solat fardu berjamaah, berapa hajikah yang telah kita lakukan?

Dengan menerima pahala berhaji 1,800 kali dalam satu tahun itu seakan-akan umur kita dipanjangkan sehingga seribu lapan ratus tahun. Namun, seandainya kita diberikan umur sepanjang itu belum tentu kita dapat menunaikan haji setiap tahun dan mandapatkan pahala sebanyak itu. Sebab pasti akan ada halangan yang membuatkan kita tidak dapat menunaikan haji.

Dengan adanya kurniaan Allah (s.w.t) yang amat besar untuk umat yang umurnya pendek ini, kita boleh meraih pahala sebesar itu dengan mudah dan singkat.

Maka, manfaatkanlah kurniaan itu dengan baik. Semoga Allah (s.w.t) sentiasa melimpahkan taufik dan hidayah-Nya kepada kita, sehingga dapat meraih pahala sebanyak-banyaknya. Dengan kemurahan Allah (s.w.t), kita diberi pahala seribu lapan ratus haji dalam setahun dengan hanya mengerjakan solat berjamaah di masjid setiap hari. Lalu, bagaimanakah jika kita melakukannya sepanjang hidup kita? Berapa hajikah yang telah dicatatkan dalam buku amalan kita pada hari kiamat kelak?

Seandainya orang yang malas melaksanakan solat berjamaah lebih senang melepak di jalanan atau duduk di depan TV pada waktu solat tiba sedar dan tahu betapa

besar pahala yang diberikan Allah (s.w.t) kepada orang yang solat berjamaah, mungkin hati mereka akan insaf dan segera bertaubat.

Namun Allah (s.w.t) sengaja menyembunyikan pahala tersebut daripada penglihatan kita. Tujuannya tidak lain untuk menguji hati dan keteguhan iman kita. Ini kerana iman adalah ajaran syariat dan iman adalah sifat utama orang-orang yang bertakwa:

ٱلَّذِينَ يُؤۡمِنُونَ بِٱلۡغَيۡبِ..... ﴿٣﴾

"*...orang-orang yang beriman kepada yang ghaib*." (Surah al-Baqarah: 3)

Meskipun demikian, apabila kita mahu merenungi berita besarnya pahala yang diberikan Allah (s.w.t) kepada orang-orang yang solat berjamaah, nescaya kita tidak akan meninggalkan satu solat pun tanpa berjamaah. Demikian halnya apabila kita mahu merenungi berita betapa berat seksa Allah (s.w.t) ke atas orang yang meninggalkan solat, nescaya kita tidak akan meninggalkan satu solat pun.

Ketika seseorang keluar dari rumahnya dalam keadaan suci untuk mengerjakan solat berjamaah, nescaya wuduknya itu telah menghapus dosa-dosanya. Malaikat juga mendoakan dan memintakan ampunan baginya. Bahkan, setiap satu langkah yang dihayunkan menuju masjid dapat menaikkan darjatnya dan menghapuskan kesalahannya. Belum lagi apabila dia mengerjakan solat pada saf pertama. Jika demikian, dia

memperolehi tiga istighfar daripada Rasulullah (s.a.w),[1] selawat daripada Allah (s.w.t) dan para malaikat,[2] dan mendapatkan pahala haji di samping keberkatan lain yang tidak kita ketahui. Ketahuilah, sesungguhnya orang yang melalaikan pahala ini keadaannya di akhirat kelak lebih buruk daripada orang bodoh yang mensia-siakan hartanya.

Sesetengah orang ada yang hatinya enggan mengerjakan solat berjamaah di rumah. Itu bererti dia telah mensia-siakan pahala yang sangat banyak.

Ada jalan mudah untuk membuat hati kita jatuh cinta pada masjid, iaitu dengan mengetahui makna dan erti penting pahala besar yang diterima oleh orang yang solat berjamaah di masjid. Akan tetapi, ilmu dan pahala ini tidak mungkin diperoleh dengan duduk di hadapan

---

[1] Daripada 'Irbadh bin Sariyah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) memohon ampunan sebanyak tiga kali bagi orang yang berada di shaf pertama. Diriwayatkan oleh Ibn Majah (1/313); al-Nasa'i (2/93); Ibn Khuzaimah (3/26); Hakim dan Ibn Hibban. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Targhib* no. 489.

[2] Daripada Abu Umamah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya berselawat ke atas orang yang berada di saf pertama." Mereka berkata: "Wahai Rasulullah, lalu apa pula yang diperoleh orang yang berada pada saf yang kedua?" Baginda berkata: "Sesungguhnya Allah dan Malaikat-Nya berselawat ke atas saf yang pertama." Mereka berkata: "Lalu apa pula untuk orang yang berada di saf yang kedua?" Baginda berkata: "Dan demikian pula kepada saf yang kedua." Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, *al-Fath al-Rabbani* (5/320); al-Thabarani (8/174). Ia dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih al-Targhib* no. 490.



TV menonton filem atau berteman dengan kawan-kawan yang tercela akhlaknya. Sebab, ilmu dan pahala hanya akan diketahui dan diperolehi oleh orang-orang yang senang menghadiri pengajian di masjid, membaca kitab, mendengar kaset atau nasihat-nasihat ulama.

Sampaikanlah keutamaan ini kepada ratusan bahkan ribuan orang yang belum mengetahui rahmat Allah (s.w.t) dan kemurahan-Nya, terutama kepada mereka yang tidak peduli dengan azab Allah (s.w.t) yang amat pedih! Semoga Allah (s.w.t) membukakan hati mereka melalui tangan-tangan kita. Jadilah penolong umat manusia melawan syaitan dan janganlah menolong syaitan menyesatkan manusia. Dan ingat, bahawa perkataan dan cara yang baik dalam berdakwah adalah sedekah.

Meskipun demikian, kita harus tetap sedar bahawa hidayah bukan ada pada tangan kita. Kita hanyalah sebab dan perantara, maka lakukanlah sesuai dengan syarat-syaratnya, kerana pertolongan dan kejayaan dakwah itu ditentukan oleh Allah Yang Maha Pengasih.

f. Solat di Masjid Quba'

Daripada Sahl bin Hunaif (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Barangsiapa bersuci (berwuduk) di rumahnya, kemudian mendatangi Masjid Quba' dan mengerjakan solat di dalamnya, maka dia akan mendapat pahala 'umrah.*"

Dalam riwayat al-Nasa'i disebutkan:

مَنْ خَرَجَ حَتَّى يَأْتِيَ هَذَا الْمَسْجِدَ مَسْجِدَ قُبَأَ فَصَلَّى فِيْهِ كَانَ لَهُ عَدْلُ عُمْرَةٍ.

"*Barangsiapa keluar dari rumahnya dan datang ke masjid ini (Masjid Quba') untuk mengerjakan solat di dalamnya, maka dia mendapatkan pahala 'umrah.*"[1]

Oleh itu, apabila kita pergi ke Masjid Nabawi, kita mesti berusaha mengerjakan solat sebanyak mana yang mungkin di Masjid Quba' agar memperoleh pahala 'umrah sebanyak yang mungkin pula!

3. Menjadi Mu'azzin atau Menjawab Ucapannya

Selain solat berjamaah di masjid, ada amalan-amalan lain yang juga dapat mendatangkan pahala yang berlipat kali ganda. Di antaranya adalah menjadi mu'azzin atau menjawab ucapannya.

Baiklah, mari kita harungi samudera keutamaan dan kurnia Allah (s.w.t) ini lebih dalam lagi. Rasulullah (s.a.w) seringkali memberitahu para sahabatnya beberapa keutamaan azan dan menjadi mu'azzin. Pada suatu hari datanglah seorang sahabat bertanya tentang

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, *al-Fath al-Rabbani* (23/283); al-Tirmidzi (2/121); al-Nasa'i (2/37); Ibn Majah (1/431); al-Hakim (1/487). Ia dinilai sahih oleh al-Albani no. 6154.



cara memperolehi pahala yang sama dengan pahala seorang mu'azzin.

Daripada Abdullah bin Amr (r.a) bahawa pada suatu hari seseorang berkata kepada Rasulullah (s.a.w): "Wahai Rasulullah, sungguh para mu'azzin itu memiliki kelebihan berbanding kami." Maka Rasulullah (s.a.w) berkata: "Tirulah apa yang mereka ucapkan itu…."[1]

Pernyataan sahabat dalam hadis itu menunjukkan dia seolah-olah berkata: "Amalan apa yang engkau perintahkan kepada kami untuk dikerjakan, sehingga kami boleh memperoleh pahala yang sama dengan para mu'azzin itu?" Maka, maksud jawapan Rasulullah (s.a.w): "Tirulah apa yang mereka ucapkan…" tadi adalah seolah-olah baginda menyuruh mereka menirukan lafaz azan yang dikumandangkan mu'azzin, selain kalimat hayya alash shalah dan hayya alal falah.[2]

Lantas, pahala seperti apakah yang diperolehi seorang mu'azzin? Ada beberapa hadis Nabi (s.a.w) keutamaan azan dan para muadzin.[3] Di sini, saya hanya akan menukilkan satu hadis yang bersesuaian dengan topik perbicaraan ini.

---

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, *al-Fath al-Rabbani* (3/30); Abu Dawud (2/227). Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Jami'* (4403).

[2] '*Aun al-Ma'bud* (2/227); *al-Manhal al-'Adz al Maurud* (4/195); *al-Mirqat fi Syarh al-Misykat* (2/172)

[3] Rujuk kitab Syarh al-Sunnah, al-Baghawi (2/271). *Al-Fath al-Rabbani* (3/2-43). Jami' al-Ushul (9/377).

Daripada al-Barra' bin 'Azib (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) bersabda: "Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat kepada barisan solat yang paling hadapan. Dan seorang mu'azzin akan diampuni (dosa)nya seluas jangkauan suaranya, dan semua yang mendengarnya: dari benda hidup mahupun mati, dan membenarkannya (menirukannya), dia akan mendapat pahala sebesar pahala orang yang solat bersamanya."[1]

Mari kita renungkan bersama! Andaikan di dalam masjid tempat kita berjamaah ada seratus orang setiap waktu. Kalau kita menjadi mu'azzinnya atau menjawab ucapannya, bererti kita akan memperolehi pahala sebesar pahala seratus orang yang solat berjamaah ditambah pahala solat kita. Pada hal, pahala kita sendiri, iaitu dengan solat berjamaah adalah sebanyak pahala dua puluh tujuh solat, pahala haji, dan pahala setiap langkah menuju masjid.

---

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, *al-Fath al-Rabbani* 3/10; al-Nasa'i (2/13) no 645; al-Thabarani daripada Abu Umamah, dan dinyatakan sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Targhib wa al-Tarhib* no 230. Menurut Hasan al-Banna dalam *al-Fath al-Rabbani*, maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "Dan baginya pahala orang yang solat bersamanya" adalah orang yang ikut solat kerana mendengar azannya. Orang yang mengajak kepada kebaikan sama dengan melakukannya. Syaikh Abdul Rahim al-Hasyim berkata: "Orang yang ikut solat bersamanya, tetapi siapa yang solat disebabkan azannya termasuk wanita yang solat di rumahnya dan orang yang uzur yang tidak dapat datang ke masjid, dan juga tidak mesti semua orang yang solat bersamanya di masjid, kerana mungkin ada yang datang disebabkan oleh suara muadzin lain." *Wallahu a'alam*.

Hitung misalnya, pahala kita yang sama dengan pahala haji sahaja! Setiap solat fardu berjamaah, kita mendapatkan pahala yang sama dengan seratus kali haji. Nah, seandainya ada seratus orang yang solat bersama kita waktu itu, berapa banyak pahala yang berhasil kita peroleh dalam sehari?

Secara matematik, pahala kita itu sama ertinya kita diberi umur lima ratus tahun dan setiap tahunnya kita melakukan haji. Lalu, berapa pahala lagi yang akan kita peroleh apabila kita mengumandangkan azan solat Jumaat atau menjawab ucapan mu'azzin? Bukankah waktu itu terdapat ribuan orang yang solat?

Bayangkan pula apabila kita mengumandangkan azan atau menjawab azan pada solat Isyak atau fajar! Daripada 'Uthman bin Affan (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَنْ صَلَّى الْعِشَاءَ فِي جَمَاعَةٍ كَانَ كَقِيَامِ نِصْفِ لَيْلَةٍ، وَمَنْ صَلَّى الْعِشَاءَ وَالْفَجْرَ فِي جَمَاعَةٍ كَانَ كَقِيَامِ لَيْلَةٍ.

"*Barangsiapa mengerjakan solat Isyak berjamaah, maka dia sama seperti mengerjakan solat selama setengah malam dan barangsiapa mengerjakan solat Isyak dan Subuh berjamaah, maka dia sama seperti mengerjakan solat sepanjang satu malam.*"[1]

[1] Diriwayatkan oleh Abu Dawud (2/261); al-Tirmidzi (2/22). Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Jami'* no. 6342.

Andaikata di dalam masjid kita terdapat seratus orang yang mengerjakan solat Isyak berjamaah dan kita yang mengumandangkan azan atau menjawabnya, bererti kita akan memperolehi pahala sebesar pahala 100 orang yang solat Isyak berjamaah atau seolah-olah kita telah mengerjakan solat selama lima puluh malam penuh (100 x ½ malam). Dengan demikian, bererti umur kita seolah-olah bertambah lima puluh malam dan kesemuanya dimanfaatkan untuk beribadah kepada Allah (s.w.t).

Kita jangan hairan dengan kurniaan Allah (s.w.t) yang sangat luas ini, tapi hairanlah dengan kelalaian manusia dari memperoleh pahala yang berlipat kali ganda itu! Kita juga jangan sekali-kali mengatakan bahawa perkara ini mengarut atau terlampau berlebihan. Bagaimanapun Rasulullah (s.a.w) telah bersabda sebagaimana diriwayatkan Abu Hurairah (r.a):

لَوْ يَعْلَمُ النَّاسُ مَا فِي النِّدَاءِ وَالصَّفِّ الْأَوَّلِ ثُمَّ لَمْ يَجِدُوا إِلاَّ أَنْ يَسْتَهِمُوا عَلَيْهِ لاَسْتَهَمُوا، وَلَوْ يَعْلَمُونَ مَا فِي التَّهْجِيرِ لاَسْتَبَقُوا إِلَيْهِ، وَلَوْ يَعْلَمُونَ مَا فِي الْعَتَمَةِ وَالصُّبْحِ لَأَتَوْهُمَا وَلَوْ حَبْوًا.

"*Seandainya orang mengetahui pahala memenuhi panggilan azan dan berdiri pada saf pertama, kemudian dikatakan bahawa mereka tidak boleh mendapatkannya kecuali dengan cara diundi, nescaya mereka akan mengundinya. Seandainya mereka mengetahui pahala menyegerakan*

solat Zuhur, nescaya mereka akan berlumba-lumba melakukannya. Seandainya mereka tahu pahala solat Isyak dan solat Subuh, nescaya mereka akan mendatanginya walau dengan cara merangkak."[1]

Tidakkah kita tertarik untuk selalu menirukan atau menjawab apa yang diucapkan mu'azzin ketika azan dikumandangkan? Apakah kita akan melewatkan begitu sahaja pahala yang melimpah itu? Andaikan orang-orang tahu keutamaan ini, pastilah mereka akan meninggalkan semua kesibukan dan perbualan mereka ketika azan dikumandangkan.

Pada suatu ketika 'Umar bin al-Khattab (r.a) bertanya kepada suatu kaum: "Siapa mu'azzin kamu hari ini?" Mereka menjawab: "Hamba sahaya kami." Beliau pun berkata: "Sungguh, ini suatu kerugian besar bagi kalian."[2] Diriwayatkan pula bahawa beliau sangat ingin menjadi mu'azzin seandainya tidak disibukkan oleh jawatan sebagai khalifah.

Perlu dicatat bahawa kaum wanita juga dapat memperoleh pahala seperti ini, kerana mereka pun dapat menjawab laungan azan dari rumahnya. Dengan begitu seorang wanita tetap berpeluang meraih pahala haji sejumlah orang yang solat, walaupun dia tidak turut serta solat berjamaah di masjid. Bahkan ini tetap berlaku bagi wanita yang sedang haid atau nifas. Maka, syukurilah kurnia Allah (s.w.t) yang luas ini!

---

[1] Diriwayatkan oleh al-Bukhari (2/114); Muslim (4/157).

[2] *Hilyah al-Auliya' wa Thabaqah al-Ashfiya'* oleh Abu Nu'aim (4/161).

4. Puasa

Rasulullah (s.a.w) menganjurkan umatnya agar memperbanyakkan puasa sunat sepanjang tahun, sama ada pada musim panas mahupun pada musim sejuk. Baginda menganjurkan kita agar selalu puasa Isnin dan Khamis, puasa bulan Sya'ban, puasa sepuluh hari di bulan Dzulhijjah, Muharram dan lain-lain sebagainya. Bahkan, menurut baginda, puasa yang paling afdhal adalah puasa seseorang yang menghabiskan separuh umurnya. Puasa seperti inilah yang dicontohkan oleh Nabi Dawud (a.s), iaitu berpuasa sehari dan berbuka sehari.[1]

Begitulah, banyak sekali golongan terdahulu daripada kita yang berlumba-lumba menghabiskan sebahagian besar umurnya untuk berpuasa. Bahkan, di antara mereka ada yang berpuasa secara berterusan tiada henti (puasa seperti ini dilarang, tetapi ketika itu mungkin mereka belum dilarang berbuat demikian).[2]

Semua ini, adalah bukti betapa dahaga umat manusia terhadap pahala Allah (s.w.t) dan keinginan mereka agar

---

[1] Daripada Abdullah bin Amr (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Puasa yang paling dicintai Allah adalah puasa Nabi Dawud; beliau puasa satu hari dan berbuka satu hari. Solat yang paling dicintai Allah adalah solat Nabi Dawud; beliau tidur separuh malam, bangun sepertiganya, dan tidur seperenamnya*." Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, *al-Fath al-Rabbani* 4/236; al-Bukhari (6/525); Muslim (8/46); al-Nasa'i (4/209).

[2] Daripada Abdullah bin Amr (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Tidak dikira berpuasa bagi sesiapa yang berpuasa seumur hidup*." Diriwayatkan oleh al-Bukhari (4/260).



hari-harinya dipenuhi dengan puasa.

Bagi memenuhi kedahagaan manusia terhadap pahala Allah (s.w.t), ada beberapa cara yang secara tidak langsung dapat memanjangkan umur manusia, sehingga mereka dapat meraih pahala berpuasa selama ribuan, bahkan jutaan tahun tanpa harus hidup selama itu. Di antara caranya ialah:

a. Berpuasa pada Hari-hari Tertentu

Dengan berpuasa 42 hari dalam setahun, selain puasa Ramadan, kita akan memperoleh pahala puasa 720 hari atau seperti berpuasa selama 2 tahun. Lantas, bagaimanakah cara memperolehinya?

Apabila kita ingin mendapat pahala sebesar pahala orang yang puasa seumur hidup, maka dengan sedikit usaha dan tanpa melakukan larangan-larangan Allah (s.w.t), maka cukup bagi kita untuk mengerjakan beberapa amalan seperti berikut ini:

i. Rajin mengerjakan puasa enam hari di bulan Syawal. Daripada Abu Ayyub al-Anshari (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ.

"*Barangsiapa berpuasa Ramadan, kemudian meneruskannya dengan puasa enam hari di bulan Syawal, maka dia sama seperti berpuasa sepanjang tahun.*"[1]

---

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, *al-Fath al-Rabbani* (10/221); Muslim (8/56); al-Tirmidzi (3/290).

ii. Berpuasa pada hari ke tiga belas, empat belas, dan lima belas pada setiap bulan. Landasan amalan ini adalah riwayat Jarir bin Abdullah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

صِيَامُ ثَلاَثَةِ أَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ صِيَامُ الدَّهْرِ وَأَيَّامُ الْبِيضِ؛ صَبِيحَةَ ثَلاَثَ عَشْرَةَ وَأَرْبَعَ عَشْرَةَ وَخَمْسَ عَشْرَةَ.

"*Puasa tiga hari setiap bulan sama dengan puasa setahun dan hari-hari 'putih' itu adalah hari ketiga belas, empat belas, dan lima belas*."[1]

Boleh juga dengan berpuasa tiga hari pada setiap bulan tanpa perlu menentukan hari-harinya. Abu Dzar al-Ghifari (r.a) meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Barangsiapa berpuasa tiga hari setiap bulan, maka dia sama seperti berpuasa setahun*."

Allah (s.w.t) membenarkan perkara itu dalam firman-Nya:

مَن جَآءَ بِٱلۡحَسَنَةِ فَلَهُۥ عَشۡرُ أَمۡثَالِهَاۖ ..... ﴿١٦٠﴾

"*Barangsiapa yang melakukan kebaikan maka dia mendapat pahala sepuluh kali ganda....*" (Surah Al-An'am: 160)

[1] Diriwayatkan oleh al-Nasa'i (4/221). Ia dinilai hasan oleh al-Arna'uth dalam *Takhrij Jami' al-Ushul* (6/329), dan diriwayatkan oleh Muslim dengan lafaz: "Puasalah tiga hari setiap bulan. Dengan itu sama dengan berpuasa selama satu tahun." Hadis ini diriwayatkan dari Abdullah bin Amr bin al-'Ash (8/48).

Ayat ini menunjukan berpuasa satu hari akan mendatangkan pahala berpuasa selama sepuluh hari.[1]

Ringkasnya, dengan berpuasa enam hari di bulan Syawal, kita dicatatkan telah berpuasa setahun. Jika kita menambahnya dengan berpuasa tiga hari pada setiap bulannya (36 hari dalam setahun), bererti sama ertinya kita berpuasa selama dua tahun dalam waktu satu tahun.

Ringkasnya, dengan berpuasa 42 hari (selain puasa Ramadan) dalam setahun, maka dicatatkan dalam lembaran amalan kita pahala berpuasa 720 dalam waktu setahun.

Nah, jika kita mengerjakan kebiasaan itu setiap tahun selama 10 tahun misalnya, nescaya akan ditulis untuk kita pahala berpuasa selama dua puluh tahun secara berterusan. Padahal, kita hanya berpuasa 420 hari (1 tahun 2 bulan) sahaja, selain puasa Ramadan.

Demikianlah, hanya dengan mengerjakan puasa 6 hari pada bulan Syawal, kita telah dicatatkan sebagai orang yang berpuasa setahun. Apabila kita menambahnya dengan berpuasa tiga hari setiap bulan, bererti kita menambahkan puasa setahun lagi. Ini bererti kita seolah-olah memiliki umur dua tahun dan terus berpuasa selama waktu itu.

---

[1] Diriwayatkan oleh Abu Dawud (3/293); al-Nasa'i (4/218).

b. Memberi Juadah Berbuka Puasa kepada Orang yang Berpuasa

Untuk memperoleh pahala puasa satu hari, seseorang mestilah menahan diri daripada segala perkara yang boleh membatalkan puasa selama sehari itu. Namun demikian, kita juga dapat memperoleh pahala puasa beberapa hari dalam waktu kurang daripada satu jam, iaitu dengan memberikan Juadah buka puasa kepada orang-orang yang berpuasa.

Bagi orang yang berharta, menyediakan Juadah buka puasa bagi orang-orang yang berpuasa (terutama di bulan Ramadan) merupakan salah satu cara mudah untuk memanjangkan umur produktifnya. Sebab orang yang berbuat demikian akan mendapat pahala sebesar pahala orang yang berpuasa itu. Ini dijelaskan dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Khalid al-Juhani berikut ini. Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَنْ فَطَّرَ صَائِمًا كَانَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِهِمْ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أُجُورِهِمْ شَيْئًا.

"*Barangsiapa memberi juadah buka puasa (orang yang puasa), maka dia mendapat pahala yang sama seperti orang yang dia beri juadah buka puasa tanpa mengurangi sedikitpun pahala orang yang berpuasa itu*."[1]

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, *al-Fath al-Rabbani* (10/10); al-Tirmidzi (4/19); Ibn Majah (1/531); Ibn Khuzaimah (3/227); Ibn

Ketika ini sudah banyak lembaga dan yayasan kemasyarakatan yang menangani layanan berbuka puasa untuk fakir miskin. Oleh itu, dengan belanja yang sedikit, seseorang dapat memberikan juadah berbuka puasa kepada puluhan orang.

Apabila kita memberi juadah buka puasa kepada lima orang dalam satu hari misalnya, maka pada hari itu kita dicatatkan memperolehi pahala puasa lima hari. Kalau kita memberi juadah buka puasa kepada seratus orang dalam satu tahun, bererti kita telah menambahkan tabungan kita dengan pahala seratus hari puasa. Lantas bagaimana kalau kita memberi buka puasa selama satu tahun? Kita dapat menghitung sendiri berapa pahala yang bakal kita terima.

Dengan hanya menginfakkan sedikit harta, kita dicatatkan telah berpuasa pada hari-hari di mana kita sebenarnya tidak berpuasa.

Tidakkah kita ingin dicatatkan telah berpuasa seperti puasanya Nabi Dawud (a.s)? Tidak perlu khuatir, sebab dengan memberi juadah buka puasa kepada seratus lapan puluh orang setiap tahun, maka seolah-olah kita sudah berpuasa seratus lapan puluh hari. Dan itu setimpal dengan setengah tahun.

Sebagaimana orang-orang fakir muhajirin dapat mengungguli saudara-saudara mereka yang kaya dan

---

Hibban (8889). Ia dinilai sahih oleh al-Suyuthi dalam *al-Jami' al-Shaghir*, al-Manawi dalam *Faidh al-Qadir* (6/187), al-Arna'uth dalam *Takhrij al-Jami' al-Shaghir* (9/459), dan al-Albani dalam *Shahih al-Jami'* (6415).

rajin bersedekah serta memerdekakan hamba, tanpa harus bekerja terlalu banyak, atau beribadah lebih lama, iaitu cukup dengan bertasbih, bertahmid, dan bertakbir setiap kali selesai mengerjakan solat,[1] maka kita pun dapat menyamai orang yang berpuasa seperti puasa Nabi Dawud (a.s) dengan mengerjakan beberapa perkara di atas. Allah (s.w.t) memberi kurnia kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan kurnia Allah (s.w.t) itu sangat luas.

---

[1] Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa orang-orang fakir muhajirin datang kepada Rasulullah (s.a.w) dan berkata: "Orang-orang kaya telah mendapat darjat yang tinggi, dan nikmat yang abadi." Baginda bertanya: "Lalu mengapa?" Mereka menjawab: "Orang-orang kaya itu solat seperti kami solat, dan berpuasa sebagaimana kami puasa, mereka bersedekah sedangkan kami tidak, dan mereka memerdekakan hamba dan kami tidak mampu berbuat demikian." Mendengar itu, Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Mahukah kamu jika aku tunjukkan sesuatu yang dapat menyamai pahala orang yang lebih berkemampuan berbanding kamu dan mengungguli orang yang di bawah kamu (dalam harta) dan tidak ada orang yang lebih hebat daripada kamu melainkan orang yang melakukan perkara yang sama dengan kamu?" Mereka berkata: "Ya." Baginda pun bersabda: "Hendaklah kamu bertasbih, bertakbir dan bertahmid setiap kali selesai mengerjakan solat sebanyak tiga puluh tiga kali." Abu Soleh berkata: "Kemudian orang-orang fakir Muhajirin kembali mendatangi Rasulullah (s.a.w) dan berkata: "Saudara-saudara kami yang kaya mendengar apa yang kami lakukan dan mereka juga melakukannya." Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Itu kurnia Allah yang diberikan kepada sesiapa yang Dia kehendaki-Nya." Diriwayatkan oleh al-Bukhari (2/378); Muslim (5/92); *al-Muwattha'* (1/210); Abu Dawud (4/370).

5. Beribadah pada Malam Lailatul Qadar

Berusahalah untuk beribadah pada waktu malam sepuluh hari terakhir bulan Ramadan! Semoga dengan begitu kita akan mendapatkan malam lailatul qadar, kerana ibadah pada malam itu adalah ibadah paling mulia di sisi Allah (s.w.t).

Ibadah pada waktu malam lailatul qadar iaitu salah satu malam ganjil pada sepuluh hari terakhir bulan Ramadan adalah lebih afdhal di sisi Allah (s.w.t) daripada beribadah selama seribu tahun yang tidak ada padanya lailatul qadar. Ini disebutkan dalam firman Allah (s.w.t):



لَيۡلَةُ ٱلۡقَدۡرِ خَيۡرٞ مِّنۡ أَلۡفِ شَهۡرٖ ﴿٣﴾

"*Lailatul qadar adalah lebih baik daripada seribu bulan*." (Surah al-Qadar: 3)

Pahala ibadah malam itu lebih utama daripada pahala ibadah selama 83 tahun 3 bulan. Kalau seseorang mendapatkan lailatul qadar selama dua puluh tahu, dan dia selalu beribadah pada malam itu, maka akan ditulis baginya pahala yang jumlahnya lebih daripada pahala orang yang beribadah kepada Allah (s.w.t) selama 1666 tahun (20 x 83,33 = 1666,33 tahun). Bukankah ini merupakan tambahan umur yang sangat panjang dan dicatat di dalam lembaran amal yang tidak pernah kita sangkakan, tapi ia benar-benar nyata?

Imam Fakhruddin al-Razi berkata di dalam tafsir-nya: "Ketahuilah bahawa barangsiapa menghidupkan

malam lailatul qadar dengan mengerjakan solat, maka dia seperti telah beribadah kepada Allah (s.w.t) lebih daripada lapan puluh tahun. Barangsiapa menghidupkannya setiap tahun, maka dia sama seperti dikurniakan umur yang sangat panjang." [1]

Kita masih sering mendapati orang yang enggan dan malas mengerjakan solat malam pada malam-malam bulan Ramadan, terutama pada sepuluh hari terakhir. Umumnya, mereka justeru sibuk datang ke pasaraya untuk berbelanja menjelang hari raya atau duduk di hadapan TV. Ini sungguh ironi dan tidak boleh terjadi pada diri kita. Sebab, pada bulan Ramadan itu, rumah-rumah dan masjid-masjid orang-orang dahulu selalu diramaikan dengan ibadah, zikir dan solat.

Di antara peri penting malam lailatul qadar adalah malam itu sangat menentukan masa depan kita, kerana pada malam itu nasib dirubah dan dijelaskan segala urusan yang penuh dengan hikmah.[2] Oleh itu, berusahalah agar pada waktu itu kita dalam keadaan terjaga dan sedang berzikir, bertasbih, membaca al-Qur'an, atau bermunajat kepada Allah (s.w.t) memohon kebahagiaan di dunia dan akhirat! Janganlah pada waktu itu kita berada di pasar-pasar, di pawagam atau tempat-tempat hiburan, kerana kita akan kehilangan banyak pahala.

---

[1] Tafsir *al-Kabir, al-Razi* (32/31).

[2] Untuk lebih jelasnya rujuk *tafsir Surah al-Dukhan* ayat 4.

6. Jihad

Tekad berjihad, sama ada dengan jiwa atau harta atau pun kedua-duanya merupakan salah satu kaedah penting untuk memanjangkan umur yang produktif. Jihad juga merupakan salah satu cara untuk memperoleh pahala besar dalam waktu yang singkat. Sesungguhnya berjuang mempertaruhkan jiwa raga sama sekali tidak akan pernah mengurangkan umur kita atau mendekatkan kita dengan kematian. Namun, jihad tidak lain merupakan kewajipan luhur daripada Allah (s.w.t) dan ujian bagi jiwa yang tidak akan sanggup mengerjakannya selain orang-orang yang berharap dan menyukai perjumpaan dengan Allah (s.w.t).

Bagaimana melakukan jihad dan berperang di jalan Allah (s.w.t) itu dapat memanjangkan umur produktif manusia? Berikut beberapa hadis Rasulullah (s.a.w) yang menjelaskan keutamaan berjihad di jalan Allah (s.w.t).

Daripada 'Imran bin Husain (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

قِيَامُ الرَّجُلِ فِي الصَّفِّ فِي سَبِيلِ اللهِ أَفْضَلُ مِنْ عِبَادَةِ الرَّجُلِ سِتِّينَ سَنَةً.

"*Kedudukan seseorang yang berada di barisan pasukan jihad fi sabilillah lebih utama di sisi Allah daripada ibadah seseorang selama enam puluh tahun.*"[1]

[1] Diriwayatkan oleh al-Darami dalam *kitab al-Jihad*.

Begitulah, bersiap siaga dalam barisan jihad fi sabilillah, ternyata lebih baik daripada ibadah seseorang selama enam puluh tahun. Lantas, bagaimanakah dengan seorang muslim yang berjihad di jalan Allah (s.w.t) selama berbulan-bulan dengan penuh penderitaan dan kesulitan?

Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa seorang sahabat Rasulullah (s.a.w) melintasi suatu perkampungan yang memiliki mata air yang jernih. Sahabat tersebut menyukainya, lalu berkata: "Sekiranya aku dapat menyepi dari keramaian orang, nescaya akan kupilih tempat ini, akan tetapi aku tidak akan melakukannya sebelum meminta izin kepada Rasulullah." Akhirnya, dia pun menyatakan keinginannya itu kepada Rasulullah (s.a.w) dan baginda bersabda: "*Jangan engkau lakukan itu. Sesungguhnya keberadaan seseorang seperti kamu dalam jihad adalah lebih utama daripada solat di dalam rumahnya selama tujuh puluh tahun. Tidakkah kamu senang apabila Allah (s.w.t) mengampunkan dosa kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga? Maka ikutlah berperang di jalan Allah (s.w.t)! Barangsiapa berperang di jalan Allah dan dalam waktu sama juga memerah susu unta, maka wajib baginya syurga.*"[1]

---

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, *al-Fath al-Rabbani* (14/14); al-Tirmidzi (7/153); al-Baihaqi (4/15). Ia dinilai sahih oleh al-Hakim (2/68) dan al-Albani dalam *Misykah al-Mashabih* no. 3830. Al-Qari berkata: "Makna tujuh puluh tahun itu adalah jumlah bilangan yang sangat banyak, bukan bererti membatasi dengan jumlah tujuh puluh tahun itu. Ini tidak bercanggah dengan hadis Rasulullah (s.a.w): '*Seseorang yang berdiri di barisan perang di jalan*

Jihad itu, tidak ada yang dapat menyamai pahalanya kecuali orang yang mengerjakan solat dan berpuasa tanpa henti sehingga orang yang berjihad itu kembali daripada jihadnya. Padahal yang demikian ini tidak ada yang sanggup melakukannya. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa seseorang datang kepada Rasulullah (s.a.w) dan berkata: "Tunjukkan kepadaku amalan yang sama dengan jihad!"

Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Tidak ada." Lalu baginda berkata lagi: "Mampukah engkau (ketika seorang mujahid berangkat perang), engkau masuk ke masjid dan mengerjakan solat tanpa berhenti dan berpuasa tanpa berbuka?"

Orang itu berkata: "Siapa yang mampu melakukan itu?"[1]

Jika kita memanfaatkan waktu kita selama dua puluh empat jam untuk bersiap siaga berjihad di jalan Allah, nescaya Allah akan menggantikan waktu kita itu dengan pahala yang jumlahnya sama dengan pahala berpuasa dan mengerjakan solat malam selama satu bulan.

Salman al-Farisi meriwayatkan bahawa beliau pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda:

Allah adalah lebih utama daripada ibadah seseorang selama enam puluh tahun." Diriwayatkan oleh al-Hakim daripada Imran bin Hushain dan Abu Hurairah. *Mirqah al-Mafatih syarh Misykah al-Mashabih* (7/293).

[1] Diriwayatkan oleh al-Bukhari (6/6); Muslim (13/24); al-Nasa'i (6/19).

مَنْ رَابَطَ يَوْمًا وَلَيْلَةً فِي سَبِيلِ اللهِ كَانَ لَهُ كَأَجْرِ صِيَامِ شَهْرٍ وَقِيَامِهِ، وَمَنْ مَاتَ مُرَابِطًا أُجْرِيَ لَهُ مِثْلُ ذَلِكَ مِنَ الْأَجْرِ وَأُجْرِيَ عَلَيْهِ الرِّزْقُ وَأَمِنَ مِنَ الْفَتَّانِ.

"*Barangsiapa berjaga satu hari satu malam di jalan Allah, maka dia mendapat pahala puasa dan qiyamul lail selama satu bulan. Barangsiapa mati dalam keadaan sedang berjaga di jalan Allah, maka dia akan diberi pahala sama seperti itu dan diberi rezeki serta diselamatkan daripada fitnah.*"[1]

Mahukah kita menjual satu hari umur kita dengan tiga puluh hari?

Abdullah bin al-Mubarak adalah orang yang sangat memahami pentingnya berjihad dan tingginya darjat orang yang berjihat di sisi Allah. Oleh itu, beliau menegur orang yang malas berjihad atau orang yang mengutamakan amalan yang selainnya. Beliau menengur mereka dalam salah satu syairnya yang terkenal berikut ini:[2]

Wahai ahli ibadah al-Haramain, kalau engkau melihat kami

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim (13/61); al-Nasa'i (6/39); al-Hakim (2/80).

[2] *Nuzhah al-Fudhala'*, *Tahdzib Siyar A'lamin Nubala'* (2/658).

* Yunus bin Ubaid berkata: "Tidak ada sesuatu apa pun yang aku sesalkan kecuali aku tidak menghabiskan umurku untuk berjihad." (*Hilyah al-Auliya' wa Thabaqat al-Ashfiya'*, Abu Nu'aim 8/50).

Pasti sedar, engkau main-main dengan ibadahmu

Saat manusia membasahi pipinya dengan air mata,

Leher kami basah berlumuran darah kami

Saat manusia membuat kudanya lelah untuk kebatilan

Kuda kami lelah kerana ikut berperang

Saat kamu menghirup angin sepoi-sepoi,

Kami diterpa angin dan debu

Telah sampai pada kami sabda Nabi kita

Perkataan yang benar, jujur dan tidak berdusta.

Tidaklah sama, debu kuda Allah di hujung

hidung seseorang, dengan asap api yang menjulang tinggi

Inilah kitab Allah, sedang bertitah di antara kami

Orang yang syahid tidaklah mati, ini pasti.

Ketika Ibn Taimiyah ditanya tentang mana yang lebih utama sama ada tinggal di Makkah, di Masjid Nabawi, di Majidil Aqsha atau di tempat berjaga di kawasan yang bersempadan dengan musuh, beliau menjawab: "Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, berjaga di wilayah yang bersempadan dengan musuh lebih utama daripada tinggal di kawasan yanga berhampiran dengan ketiga-tiga masjid itu. Hal itu secara umum telah ditegaskan oleh imam yang empat. Namun mereka berselisih pendapat tentang hukum tinggal di sekitar masjid itu. Abu Hanifah memakruhkannya. Imam Malik, Imam Ahmad dan yang lain menganjurkannya. Sedangkan berjaga di wilayah yang bersempadan dengan musuh, maka menurut mereka itu adalah lebih diutamakan.

Ini merupakan kesepakatan antara ulama salaf, sampai-sampai Abu Hurairah (r.a) berkata: 'Berjaga selama satu malam di jalan Allah lebih aku sukai daripada bangun malam lailatul qadar di dekat Hajar Aswad.' Hal itu kerana berjaga di jalan Allah merupakan salah satu bentuk jihad yang lebih utama daripada berhaji. Dalam Shahih al-Bukhari dan Shahih Muslim disebutkan bahawa Nabi (s.a.w) pernah ditanya tentang amalan yang paling utama dan baginda menjawab: 'Beriman kepada Allah dan Rasul-Nya.' Setelah itu baginda ditanya lagi dan menjawab: 'Berjihad di jalan Allah.' Baginda ditanya lagi untuk ketiga kalinya dan baru menjawab: 'Haji yang mabrur'."

Allah (s.w.t) juga berfirman:

۞ أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ ٱلْحَآجِّ وَعِمَارَةَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ وَجَٰهَدَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ لَا يَسْتَوُۥنَ عِندَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٩﴾ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَهَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِندَ ٱللَّهِ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ ﴿٢٠﴾ يُبَشِّرُهُمْ رَبُّهُم بِرَحْمَةٍ مِّنْهُ وَرِضْوَٰنٍ وَجَنَّٰتٍ لَّهُمْ فِيهَا نَعِيمٌ مُّقِيمٌ ﴿٢١﴾ خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عِندَهُۥٓ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿٢٢﴾

"*Apakah (orang-orang) yang memberi minuman kepada orang-orang yang mengerjakan haji dan mengurus Masjidil Haram, kamu samakan dengan orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari Kemudian serta berjihad di jalan Allah? Mereka tidak sama di sisi Allah; dan Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum yang zalim. Orang-orang yang beriman dan berhijrah di jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka, adalah lebih tinggi darjatnya di sisi Allah; dan itulah orang-orang yang mendapat kemenangan. Mereka digembirakan oleh Tuhan mereka dengan pemberian rahmat daripadanya dan keredaan serta Syurga; mereka beroleh di dalam Syurga itu nikmat kesenangan yang kekal. Mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Sesungguhnya Allah, menyediakan di sisi-Nya pahala yang besar.*" (Surah al-Taubah: 19-22).

Sebahagian umat Islam masih ada yang bukan sahaja menghalang dirinya sendiri daripada memperoleh pahala jihad, tetapi juga menghalang orang lain untuk berjihad. Kalau kita tidak mahu berjihad, maka jangan menghalang orang lain untuk berjihad.

Ringkasnya, jangan pernah menghalangi orang lain yang berniat hendak berjihad dengan jiwa dan raganya untuk melawan musuh Allah (s.w.t). Kalau memang kita takut dengan kilatan pedang, kita masih dapat berjihad, iaitu dengan harta kita dan mengajak orang lain untuk melakukan perkara-perkara yang mudah ini. Ini kerana Allah (s.w.t) menyebutkan perintah berjihad dengan harta lebih dahulu dan baru berjihad dengan jiwa. Allah (s.w.t) berfirman:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ تِجَـٰرَةٍ تُنجِيكُم مِّنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ۝١٠ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَتُجَـٰهِدُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ۝١١

"*Hai orang-orang yang beriman, sukakah kamu Aku tunjukkan suatu perniagaan yang dapat menyelamatkan kamu dari azab yang pedih? (iaitu) kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwamu. Itulah yang lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahuinya.*" (Surah al-Shaf: 10-11)[1]

Jangan sampai kita mempengaruhi orang lain agar tidak berjihad, kerana itu akan menyebabkan kehinaan umat. Jika itu terjadi, kelak kita akan diminta pertanggungjawapan di hari kiamat. Siapa yang tidak mahu berjihad dengan jiwa atau hartanya, hendaklah tidak banyak bicara dan lebih baik diam.

---

[1] Allah (s.w.t) berfirman:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا۟ وَجَـٰهَدُوا۟ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ أُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلصَّـٰدِقُونَ ۝١٥

"*Sesungguhnya orang-orang mukmin adalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya kemudian mereka tidak ragu dan berjihad dengan harta dan jiwa mereka di jalan Allah. Merekalah orang-orang yang jujur.*" (Surah al-Hujurat: 15).

Kalau anda saat ini sudah termasuk orang memiliki semangat dan tekad untuk berjihad, sama ada dengan jiwa atau harta, saya ucapkan selamat untuk anda. Berusahalah menjaga pahala yang besar ini dari apa-apa yang boleh membatalkannya. Contohnya, adalah memakan riba yang kini telah menyebar di merata-rata ibarat api di rumput yang kering.

Diriwayatkan daripada Aisyah (r.a) bahawa seorang wanita bertanya kepadanya: "Wahai Ummul Mukminin, aku telah menjual hamba kepada Zaid bin Arqam seharga lapan ratus dirham dengan cara ansuran. Beberapa waktu kemudian, aku membelinya kembali seharga enam ratus dirham tunai." Mendengar itu, Aisyah (r.a) berkata: "Sungguh tercela jual belimu itu. Sesungguhnya jihadnya bersama Rasulullah (s.a.w) batal kecuali apabila dia bertaubat."[1]

7. Beramal Soleh pada Sepuluh Hari Bulan Zulhijjah

Kebanyakan orang (Arab) biasanya mengambil cuti pada sepuluh hari pertama bulan Dzulhijjah untuk melancong ke negara luar. Mereka lupa bahawa hari-hari itu adalah hari-hari yang penuh dengan keberkatan dan kesempatan untuk meraih pahala yang berlipat kali ganda. Itulah hari di mana Allah (s.w.t) bersumpah dengannya pada awal Surah al-Fajr.

---

[1] *Jami' al-'Ulum wa al-Hikam*, Ibn Rajab (1/438). *Majmu' Fatawa Ibn Taimiyah* (29/430)

Ketahuilah sesungguhnya melakukan amal soleh, apa sahaja bentuknya pada hari-hari itu, pahalanya melebihi pahala beberapa bentuk jihad. Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Tiada hari-hari di mana amal soleh lebih dicintai oleh Allah (s.w.t) daripada sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah*." Para sahabat bertanya: "Tidak pula jihad di jalan Allah?" Rasulullah (s.a.w) menjawab: "*Tidak pula jihad di jalan Allah, kecuali seseorang yang berjuang dengan jiwa dan hartanya dan kemudian kembali dengan tidak membawa apapun*."[1]

Ramai orang yang tidak mengetahui keutamaan ini. Padahal hari-hari tersebut lebih utama daripada hari-hari pada bulan Ramadan.

Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Hari-hari di dunia yang paling utama adalah sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah."[2]

Ibn al-Qayyim al-Jauziyah ketika membandingkan keutamaan sepuluh hari pertama Zulhijjah dengan sepuluh malam terakhir bulan Ramadan berkata: "Pemahaman yang betul adalah bahawa malam-malam sepuluh hari terakhir bulan Ramadan adalah lebih utama daripada malam-malam sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah. Dan sepuluh siang hari bulan Zulhijjah lebih utama daripada sepuluh siang hari terakhir bulan

---

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad (6/166); al-Bukhari (2/530); al-Tirmidzi (3/289); Abu Dawud (7/103).

[2] Diriwayatkan oleh al-Bazzar daripada Jabir (r.a). Ia dinilai hasan oleh al-Suyuthi dalam *al-Jami' al-Shaghir* (1301).



Ramadan. Dengan keutamaan seperti ini, maka tidak ada lagi salah faham dalam masalah ini. Ada fakta yang menguatkan pendapat ini di mana sepuluh malam terakhir bulan Ramadan lebih diutamakan kerana ada lailatul qadar pada salah satu malamnya. Sementara, sepuluh siang bulan Zulhijjah menjadi utama kerana pada bulan itu terdapat hari raya qurban, Hari Arafah dan Hari Tarwiyah."[1]

Satu perkara yang perlu ditekankan adalah setiap orang harus bersungguh-sungguh memerangi hawa nafsu dan godaan syaitan pada sepuluh hari bulan Zulhijjah agar dapat memanfaatkannya dengan baik. Hal itu apabila dia memang bersungguh-sungguh ingin mengisi sepuluh hari bulan Zulhijjah dengan amal-amal soleh.

Pada bulan Ramadan umumnya orang-orang banyak memanfaatkan waktunya untuk membaca al-Qur'an dan menjauhi tempat-tempat maksiat. Ini tidak menghairankan, kerana pada saat itu syaitan dirantai. Namun, pada sepuluh hari bulan Zulhijjah syaitan tidak dirantai, sehingga kita perlu bersungguh-sungguh untuk berjuang melawan hawa nafsu.

Pada bulan Zulhijjah ini sebaiknya para khatib, imam masjid atau para wartawan memanfaatkan tugasnya untuk mengingatkan dan menjelaskan kepada manusia tentang betapa mulia kedudukan sepuluh hari bulan Zulhijjah. Sebab ramai orang yang melupakannya dan

---

[1] *Zad al-Ma'ad* (1/57).

tidak mengetahui keutamaan serta pahalanya, sehingga pahala yang sangat besar pun lepas dari genggaman mereka.

Kita pun harus sentiasa ingat. Lakukanlah amal-amal soleh pada bulan itu sebagaimana yang kita lakukan pada bulan Ramadan. Banyak perkara yang dapat kita lakukan, misalnya sedekah dan membaca al-Qur'an. Sa'id bin Jubair apabila masuk sepuluh hari bulan Zulhijjah, beliau sangat bersungguh-sungguh dalam beribadah.

Di antara amalan yang dianjurkan pada sepuluh hari ini adalah:

i. Menunaikan ibadah haji. Ini amalan yang paling utama.

ii. Puasa pada hari Arafah bagi yang tidak sedang mengerjakan ibadah haji. Barangsiapa yang berpuasa pada hari itu maka dihapuskan dosanya selama dua tahun.

iii. Menggunakan waktunya untuk membaca tahlil, takbir, dan tahmid. Daripada Ibn Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَا مِنْ أَيَّامٍ أَعْظَمُ عِنْدَ اللهِ وَلاَ أَحَبُّ إِلَيْهِ مِنْ الْعَمَلِ فِيهِنَّ مِنْ هَذِهِ الْأَيَّامِ الْعَشْرِ، فَأَكْثِرُوا فِيهِنَّ مِنَ التَّهْلِيلِ وَالتَّكْبِيرِ وَالتَّحْمِيدِ.

"Tiada hari yang lebih mulia di mata Allah dan lebih dicintai amal-amal pada hari-hari itu selain sepuluh hari bulan Dzulhijjah. Maka perbanyaklah tahlil, takbir dan



tahmid pada-Nya."[1]

iv. Menyembelih qurban.

v. Tidak mensia-siakan waktu untuk melakukan perbuatan yang tidak bermanfaat.

Demikianlah kemuliaan bulan Zulhijjah. Oleh itu, jangan sekali-kali membiarkan waktu-waktunya berlalu begitu sahaja tanpa melakukan ketaatan kepada Allah (s.w.t). Itulah hari-hari yang paling utama di dunia. Janganlah kita menghalangi diri daripada melakukan kebaikan. Sebab, boleh jadi peluang itu tidak datang lagi kepada kita pada tahun berikutnya.

8. Mengulangi Bacaan Sebahagian Surah dalam al-Qur'an

Berapakah waktu yang kita perlukan untuk mengkhatamkan al-Qur'an? Tentu sahaja lebih daripada satu hari. Namun tahukah anda bahawa dalam waktu yang singkat, bahkan tidak lebih daripada setengah minit, kita dapat memperolehi pahala sebanyak pahala mengkhatamkan al-Qur'an dan jutaan pahala lagi? Ketahuilah semua itu dapat kita perolehi hanya dengan membaca Surah al-Ikhlas sebanyak tiga kali.[2] Daripada

[1] Diriwayatkan oleh Ahmad (6/168)

[2] Untuk tambahan penjelasan, lihat *Shahih Muslim syarah Nawawi* (6/95), *Majmu' Fatawa Ibn Taimiyah* (17/206), *Mirqatul Mafatih syarah Misykatul Mashabib* (4/636), *al-Futuhat ar-Rabbaniyah syarah al-Adzkar an-Nawawiyah* (3/281), *Tuhfatul*

Abu Sa'id al-Khudri (r.a) berkata bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

قُلْ هُوَ اللهُ أَحَدٌ تَعْدِلُ ثُلُثَ الْقُرْآنِ وَقُلْ يَاأَيُّهَا الْكَافِرُوْنَ تَعْدِلُ رُبُعَ الْقُرْآنِ.

"*Surah al-Ikhlash sama dengan sepertiga al-Qur'an dan Surah al-Kafirun sama dengan seperempat al-Qur'an.*"[1]

Mungkin sudah ramai orang yang mengetahui keutamaan surah al-Ikhlash iaitu sama dengan sepertiga al-Qur'an, sama ada dari segi pahala mahupun dari segi maknanya. Keutamaan ini bukan tidak ada sebabnya. Di antaranya adalah Surah al-Ikhlas mengandungi ajaran tauhid, mengagungkan serta men-sucikan-Nya.

Meskipun demikian, adakah di antara kita pernah berfikir untuk mendapatkan pahala mengkhatamkan al-Qur'an puluhan kali dengan hanya membaca surah ini dalam beberapa minit sahaja? Ingat, apa yang penting bukanlah sekadar mengetahuinya, melainkan mengamalkannya.

Ketika menunggu giliran di klinik, tempat gunting rambut, atau menunggu air ketika bertamu atau pada

---

ahwadzi (8/206), *al-Fathur Rabbani* (18/338), *Fatawa al-Daimah lil Buhust wal Ifta'* (4/13).

[1] Diriwayatkan oleh Imam Malik, *al-Muwattha'* (1/208); al-Bukhari (8/676); Imam Ahmad (19/345); Abu Dawud (4/335); al-Nasa'i (2/171).

bila-bila masa, sebenarnya kita dapat menghatamkan al-Qur'an beberapa kali. Bahkan, kita dapat melakukannya tanpa ada yang mengetahui bahawa kita sudah membaca Surah al-Ikhlas beberapa kali.

Pada bulan Ramadan, ramai orang yang berusaha menghatamkan al-Qur`an sehingga beberapa kali. Mereka membacanya dengan cepat seperti membaca akhbar tanpa menghayati maknanya. Jika kita ter-masuk orang jenis ini dan ingin menghatamkan al-Qur'an beberapa kali untuk meraih pahala yang banyak, maka perbanyaklah membaca Surah al-Ikhlas setiap hari. Ia lebih baik daripada membaca al-Qur'an dengan cara yang tidak benar. Dan boleh jadi kita justeru berdosa kerana bacaan kita banyak mengandungi kesalahan. Bacalah al-Qur'an dengan baik dan penuh penghayatan sesuai dengan firman Allah:

وَقُرْءَانًا فَرَقْنَـٰهُ لِتَقْرَأَهُۥ عَلَى ٱلنَّاسِ عَلَىٰ مُكْثٍ وَنَزَّلْنَـٰهُ تَنزِيلًا ﴿١٠٦﴾

"*Dan al-Qur'an itu telah kami turunkan dengan berangsur-angsur agar kamu membacakannya perlahan-lahan kepada manusia dan Kami menurunkannya bahagian demi bahagian*." (Surah al-Isra': 106).

Allah (s.w.t) berfirman:

كِتَـٰبٌ أَنزَلْنَـٰهُ إِلَيْكَ مُبَـٰرَكٌ لِّيَدَّبَّرُوٓا۟ ءَايَـٰتِهِۦ وَلِيَتَذَكَّرَ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَـٰبِ ﴿٢٩﴾

"*Ini adalah sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu penuh dengan berkat supaya mereka memperhatikan ayat-ayatnya dan supaya mendapat pengajaran orang-orang yang mempunyai fikiran*." (Surah Shad: 39)

Apa yang saya huraikan di atas selari dengan wasiat Ibn Mas'ud (r.a). Beliau pernah berkata: "Janganlah kamu mencerai beraikan ayat al-Qur'an, jangan membacanya sepenggal demi sepenggal seperti sya'ir. Perhatikanlah keindahannya, hayatilah maknanya, dan janganlah terburu-buru hendak menghatamkannya!"[1]

Ibn Abbas (r.a) berkata: "Aku lebih suka membaca satu surah dengan tartil daripada membaca seluruh isi al-Qur'an."[2]

Kepada orang awam yang ingin mengkhatamkan al-Qur'an, beliau menganjurkan mereka supaya membaca Surah al-Ikhlas ini puluhan kali dalam sehari. Sebab, dengan begitu mereka akan tetap memperoleh pahala mengkhatamkan al-Qur'an beberapa kali. Selain itu, pada hari kiamat kelak, pada lembaran amal mereka akan dicatat ribuan pahala kerana membacanya dan orang yang melihatnya membayangkan betapa mereka

---

[1] *Akhlaq Hamalah al-Qur'an*, al-Ajurri hal. 122.

[2] *Syu'ab al-Iman*, al-Baihaqi (2/391). *Al-Tibyan fi Adab Hamalah al-Qur'an, al-Nawawi* hal. 70.

* Ada perbahasan yang bagus tentang perbandingan antara membaca sedikit al-Qur'an tetapi tartil dengan membaca banyak al-Qur'an tapi cepat dalam kitab *Zad al-Ma'ad*, Ibn al-Qayyim (1/337).



telah dipanjangkan umurnya di dunia ratusan tahun untuk mengkhatamkan al-Qur'an sebanyak ini.

Abu Ghalib meriwayatkan bahawa ketika Ibn Umar (r.a) singgah di Makkah, beliau selalu bertahajjud pada malam hari. Pada suatu malam, beliau berkata: "Wahai Abu Ghalib, tidakkah engkau bangun, lalu solat dan membaca sepertiga al-Qur'an?" Aku berkata: "Bagaimana aku dapat membaca sepertiga al-Qur'an, bukankah waktu Subuh sudah dekat?" Beliau berkata: "Sesungguhnya Surah al-Ikhlas sama dengan sepertiga al-Qur'an."[1]

Dengan mengulangi bacaan surah ini dan mencintainya, insya Allah kita akan masuk syurga. Anas bin Malik meriwayatkan bahawa seseorang berkata: "Wahai Rasulullah, aku menyukai surah ini (al-Ikhlas)." Beliau menjawab: "Sesungguhnya kecintaanmu padanya akan memasukkanmu ke syurga.[2]

9. Zikir yang Berganda Pahalanya

Tahukah anda zikir yang diajarkan oleh Nabi (s.a.w)? Zikir ini ibarat hamparan lautan yang penuh dengan kebaikan. Namun ironinya kini justeru sering dilupakan orang. Berikut ini adalah dua jenis zikir yang pahalanya berkali ganda itu.

---

[1] *Hilyah al-Auliya' wa Tabaqah al-Ashfiya'*, Abu Nu'aim (1/304)

[2] Diriwayatkan oleh al-Trimidzi (11/27). Ia dinilai sahih oleh al-Arna'uth dalam *Jami' al-Usbul* (8/489).



a. Tasbih

Daripada Juwairiah, Ummul Mukminin (r.a) bahawa pada suatu pagi, Nabi (s.a.w) meninggalkannya untuk mengerjakan solat Subuh dan beliau sedang berada di tempat solatnya. Setelah hari menjelang siang, baginda pulang ke rumahnya dan melihatnya masih duduk di tempatnya tadi. Melihat itu, baginda bertanya: "Engkau masih seperti ketika aku tinggalkan tadi?"

Juwairiah (r.a) menjawab: "Ya."

Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sungguh, setelah meninggalkanmu tadi aku telah membaca empat kalimat sebanyak tiga kali dan apabila dibandingkan dengan apa yang engkau baca seharian nescaya pahalanya sama. (Keempat-empat bacaan zikir) itu ialah:[1]

سُبْحَانَ اللهِ وَبِحَمْدِهِ عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

"*Maha Suci Allah, aku memuji-Nya sebanyak makhluk-Nya, sejauh keredhaan-Nya, seberat timbangan 'arsy-Nya, dan sebanyak tinta tulisan kalimat-Nya.*"

Perhatikan kalimat yang diajarkan Nabi (s.a.w) di atas! Betapa singkat waktu yang kita perlukan untuk memperoleh pahala yang berlimpah ruah. Dalam penjelasannya tentang hadis tersebut, Hasan al-Banna

[1] Diriwayatkan oleh Muslim (17/44); Imam Ahmad (14/223); Abu Dawud (4/369); al-Trimidzi (13/67); Ibn Majah (2/423)



berkata: “Ini bermaksud apabila Juwairiah (r.a) membaca empat kalimat itu sebanyak tiga kali, nescaya pahala yang diperolehinya lebih banyak daripada bacaan tasbihnya.”

Dari hadis ini dapat difahami pula bahawa barangsiapa membaca “Maha Suci Allah, sebanyak sesuatu yang seberat sesuatu”, maka dia akan menerima pahala sebanyak dan seberat sesuatu itu, padahal rahmat Allah (s.w.t) sendiri amatlah luas.

Memang, membaca zikir yang diajarkan Nabi (s.a.w) tadi lebih ringan dan mudah apabila dibandingkan dengan mengulangi lafaz zikir tertentu sehingga bilangan tertentu. Namun, oleh kerana Allah (s.w.t) ingin memudahkan umat ini, maka Dia memberikan “jalan” sebagaimana yang diberikan, ditunjukkan dan diajarkan oleh Rasulullah (s.a.w) tadi. Oleh itu, meskipun mudah dan ringan, amalan tersebut tetap mendatangkan pahala yang berganda bagi yang mengerjakannya.[1]

Meskipun berterusan sepanjang hari membaca tasbih, kita tidak mungkin dapat mencapai jumlah ribuan kali, apatah lagi jutaan. Kerana banyak perkara lain yang perlu dikerjakan juga. Di sinilah kemurahan Allah (s.w.t) itu diturunkan. Dia, melalui Rasul-Nya telah menunjukkan beberapa kalimat yang singkat dan padat yang dengan membacanya kita akan memperolehi pahala yang tiada terkira jumlahnya.

---

[1] *Al-Fath al-Rabbani*, (14/224).

Bayangkan, berapa jumlah makhluk Allah (s.w.t) di alam ini? Berapa pula besarnya jumlah angka yang harus ditulis untuk menunjukkan berbilion malaikat, manusia, jin, haiwan, burung, ikan, serangga, tumbuh-tumbuhan, pasir, batu-batu dan masih banyak lagi yang lain? Adalah mustahil apabila manusia dapat menghitung semua itu. Namun, bagi Allah (s.w.t) sangatlah mungkin untuk memberi kita pahala dan kebaikan sebanyak itu apabila kita membaca sebanyak tiga kali kalimat di atas.

Berapakah luas 'Arasy Allah, yang insya Allah kita akan mendapatkan pahala seluas ukurannya itu? Jawapannya sukar dibayangkan. Ibn Zaid berkata: "Ayahku berkata kepadaku: 'Aku mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tujuh langit di kursi Allah itu ibarat tujuh keping wang dirham di atas perisai."[1]

Mari kita renungkan! Jarak antara satu bintang dengan bintang yang lain dalam tata surya hanya dapat diterjemahkan dengan ratusan tahun kelajuan cahaya. Jarak antara langit pertama dengan langit kedua adalah sejauh perjalanan lima ratus tahun. Demikian pula dengan jarak antara satu langit dengan langit berikutnya, sampai langit yang ketujuh. Sementara itu, Kursi Allah terletak di atas langit yang ketujuh itu. Dan jarak antara keduanya sejauh perjalanan lima ratus tahun pula. Tadi disebutkan bahawa besarnya tujuh langit di Kursi Allah

---

[1] Diriwayatkan oleh Ibn Jarir, Ibn Abu Syaibah, dan al-Baihaqi daripada Abu Dzar. *Fath al-Majid*, ditahqiqkan oleh Abd al-Qadir al-Arna'uth, hal. 621.



adalah ibarat tujuh keping wang dirham di atas sebuah perisai. Allah sendiri, dalam firman-Nya menggambarkan keluasan Kursi-Nya itu sebagaimana berikut:

..... وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ..... ﴿٢٥٥﴾

"... *Kursi Allah meliputi langit dan bumi...*" (Surah al-Baqarah: 255)

Dikatakan pula antara Kursi Allah dengan Arsyur-Rahman terdapat air. Arsyur-Rahman merupakan ciptaan Allah yang paling besar.[1] Apabila dibandingkan dengan Kursi-Nya, maka Kursi itu ibarat seketul besi di tengah hamparan padang pasir. Daripada Abu Dzar (r.a), beliau berkata: "Aku pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Kursi Allah apabila dibandingkan dengan Arsy ibarat seketul besi di atas*

[1] Daripada Ibn Mas'ud (hadis mauquf), beliau berkata: "Jarak antara langit pertama dan langit yang berikutnya memerlukan waktu perjalanan selama lima ratus tahun. Jarak antara satu langit dengan langit yang lain memerlukan waktu perjalanan lima ratus tahun. Sementara jarak antara langit ketujuh dengan Kursi Allah memerlukan waktu perjalanan sejauh lima ratus tahun, dan antara Kursi dengan air memerlukan waktu perjalanan sejauh lima ratus tahun. Arsy ada di atas air, dan Allah di atas Arsy, tetapi tidak tersembunyi sedikit pun bagi-Nya amal perbuatan kamu." Diriwayatkan oleh Ibn Mahdi dan al-Mas'udi. Al-Dzahabi berkata: "Riwayat ini memiliki banyak jalur." *Fath al-Majid Syarh Kitab al-Tauhid*, ditahqiq oleh al-Arna'uth hal. 621. Hadis ini dinilai sahih oleh DR. Abdul Aziz al-Syahwan dalam *tahqiq kitab al-Tauhid* dan *Itsbat Shifah al-Rabb* karya Ibn Khuzaimah juz 1, hadis no. 149, juz 2 hadis no. 594.

padang sahara di bumi."[1]

Allah dengan kebesaran dan keagungan-Nya tentu lebih besar dari segala sesuatu. Begitulah, betapa besar dan luas ciptaan Allah, khususnya Arsyur Rahman. Dan sebesar itulah ukuran pahala yang akan kita peroleh apabila membaca kalimat di atas sebanyak tiga kali.

Apakah kita masih akan mensia-siakan kalimat tasbih yang ringkas dan berganda pahalanya itu? Relakah kita pahala yang berlipat itu berlalu begitu sahaja dan tidak ingin meraihnya? Bukankah membaca dan mengulangi bacaan lafaz tasbih tersebut lebih baik bagi kita daripada mendendangkan bait-bait lagu yang sama sekali tidak mendatangkan pahala dan justeru mendatangkan dosa?

Demikianlah Rasulullah (s.a.w) telah mengajarkan kita bermacam-macam bacaan tasbih. Maka mengapa kita tidak membasahi lidah kita dengannya?

Selain berbicara tentang pahala, hadis di atas juga mengajak kita untuk merenungkan betapa besar ciptaan Allah dan betapa kecil manusia di hadapan semua itu. Sesudah itu, tentu kita akan merasa didorong untuk merenungkan kebesaran Allah yang telah menciptakan benda-benda itu dalam susunannya yang rapi dan indah. Dengan begitu, adalah tidak aneh apabila Allah memerintahkan kita untuk mengagungkan-Nya dalam

---

[1] Diriwayatkan oleh Ibn Jarir, Ibn Abu Syaibah, dan al-Baihaqi daripada Abu Dzar. *Fath al-Majid* ditahqiq oleh Abdul Qadir al-Arna'uth hal. 621 dan a*l-Aqidah al-Thahawiyah*, ditahqiq oleh al-Albani, hal. 312.

setiap azan, solat dan sesudahnya lebih daripada 280 kali sehari semalam sampai tidak ada lagi yang besar dalam jiwa kita selain Allah, dan agar kita tidak meminta tolong kecuali kepada-Nya.

Kita seringkali mendapati sekelompok orang yang mudah sekali mengagumi kemampuan dan kecanggihan teknologi manusia. Akibatnya, dia enggan merenungi keagungan Allah (s.w.t). Mereka ini ketika melihat kecanggihan komputer dengan daya akses yang tinggi, akan memandangnya dengan penuh kekaguman dan gelengan kepala yang berlebihan seraya berkata: "Ini pasti buatan Negara 'A', kerana produksi mereka selalu hebat." Ada pula di antara mereka yang selalu berkata: "Kalau kamu ingin membeli barang, carilah buatan Negara ini atau itu!"



Mengapa, "percaya buta" seperti itu terjadi? Ini kerana mereka terlampau meyakini kualiti produk negara-negara itu. Akibatnya, pada diri mereka tidak terdetik satu keinginan untuk merenungkan hikmah Allah dan keyakinan bahawa Allah Maha Bijaksana, Maha Mengetahui, dan Dia tiada mencipta sesuatu kecuali Dia pula yang menyempurnakannya. Pada hal, Dia selalu menyempurnakan segala sesuatu yang Dia ciptakan sebagaimana disebut dalam firman-Nya:

..... صُنْعَ ٱللَّهِ ٱلَّذِىٓ أَتْقَنَ كُلَّ شَىْءٍ ۚ إِنَّهُۥ خَبِيرٌۢ بِمَا تَفْعَلُونَ



"... *Begitulah perbuatan Allah yang membuat dengan kokoh tiap-tiap sesuatu; sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan*." (Surah al-Naml: 88)

Allah tidak pernah memerintahkan sesuatu, sama ada yang berkaitan dengan undang-undang, politik, ekonomi, sosial atau lain-lain, melainkan Dia Mengetahui kebaikannya untuk kita. Atas dasar itu, sampai bilakah kita terus meninggalkan kepercayaan kita terhadap syariat Allah dan menggantikannya dengan kepercayaan terhadap produk-produk buatan manusia? Bukankah manusia hanya mengetahui kulit luaran sahaja dari kehidupan ini? Dan bukankah pengetahuan itu pun hanya sedikit sekali dan lebih banyak yang tidak mereka ketahui? Ini ditegaskan Allah dalam firman-Nya:

يَعْلَمُونَ ظَـٰهِرًا مِّنَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ..... ﴿٧﴾

"*Mereka hanya mengetahui yang lahir saja, dari kehidupan dunia*..." (Surah al-Rum: 7)

Daripada Abu Umamah (r.a), beliau berkata: "Ketika aku sedang menggerakkan kedua bibirku, Nabi (s.a.w) melihatku dan bertanya: 'Apa yang engkau baca, wahai Abu Umamah?' Aku menjawab: "Aku sedang berzikir kepada Allah." Baginda pun bersabda: "Mahukah aku tunjukkan kepadamu sesuatu yang lebih banyak pahalanya daripada zikirmu sepanjang siang dan malam ini? Bacalah:

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَدَدَ مَا خَلَقَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مِلْءَ مَا خَلَقَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ عَدَدَ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الأَرْضِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ عَدَدَ مَا أَحْصَى كِتَابُهُ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مِلْءَ مَا أَحْصَى كِتَابُهُ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ عَدَدَ كُلِّ شَيْءٍ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مِلْءَ كُلِّ شَيْءٍ.

"*Segala puji bagi Allah sebanyak ciptaan-Nya, segala puji bagi Allah sebanyak sesuatu yang memenuhi semua ciptaan-Nya, segala puji Allah sebanyak sesuatu yang ada di bumi dan langit, segala puji bagi Allah sebanyak bilangan ayat-ayat kitab-Nya, segala puji bagi Allah sebanyak sesuatu yang memenuhi bilangan ayat-ayat kitab-Nya, segala puji bagi Allah sebanyak segala sesuatu, dan segala puji bagi Allah sebanyak sesuatu yang memenuhi segala sesuatu.)*"[1]

Hadis ini tidak akan saya bahaskan secara panjang lebar. Kita dapat menghitung dan membayangkan sendiri betapa besar pahala yang akan kita perolehi ketika mengamalkannya, di mana menurut hadis tadi lebih banyak daripada pahala yang kita peroleh ketika berzikir sepanjang hari dan malam. Dengan menghayati makna hadis itu, kita akan dapat memahami dan mengajarkannya kepada anak cucu kita untuk kemudian mengamalkan dan melaksanakan tuntunan Nabi Mu-

---

[1] Diriwayatkan oleh al-Thabrani dalam *al-Kabir* (7930); al-Mundziri dalam *al-Targhib wa al-Tarhib* (2/440). Hadis ini dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Jami'* (2615).

hammad (s.a.w).

b. Istighfar

Mahukah anda memperolehi paling tidak satu billion pahala dalam sehari? Pernahkah kita membayangkan bahawa jumlah itu bahkan dapat diperolehi hanya dengan sekali duduk dan membaca satu kalimat sahaja? Apakah yang terbayang dalam fikiran kita apabila kita melakukannya lebih daripada satu kali? Berapakah kenaikan tabungan amal kebaikan yang kita peroleh sebaik melakukannya?

Mari kita renungkan bonus dan "laba" yang sangat menguntungkan ini. Saya yakin, kita tidak akan mengabaikannya begitu sahaja. Tentu, kita dicabar dan tertarik pula untuk menjadikannya sebagai komoditi "bisnes" dengan Tuhan kita.

Daripada 'Ubadah bin al-Shamit (r.a), beliau berkata: "Aku pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَنِ اسْتَغْفَرَ لِلْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ كَتَبَ اللهُ لَهُ بِكُلِّ مُؤْمِنٍ وَمُؤْمِنَةٍ حَسَنَةً.

"*Barangsiapa beristighfar untuk orang-orang beriman (lelaki mahupun perempuan), maka Allah menuliskan untuknya satu kebaikan dari setiap mukmin dan mukminat*."[1]

---

[1] Diriwayatkan oleh Thabrani. Haitsami dalam *Majma'uz*



Membaca hadis di atas, fikiran kita seketika itu mungkin hanya akan tertuju pada kata "satu kebaikan", sehingga kita mengira kebaikan (pahala) yang akan kita peroleh dari doa ini tidak seberapa. Ini anggapan dan fikiran yang sempit. Cuba telaah semula hadis tadi dengan lebih dalam lagi!

Umat Islam di dunia ketika ini lebih daripada satu bilion. Katakan misalnya jumlah umat Islam adalah satu bilion, maka doa dan istighfar kita untuk mereka itu akan mendatangkan kebaikan (pahala) daripada Allah sejumlah itu. Padahal, meskipun sepanjang hidup ini kita gunakan untuk bertasbih kepada Allah, belum tentu kita dapat mencapai jumlah itu. Maka satu rahmat apabila Rasulullah (s.a.w) mengajarkan kita agar sentiasa beristighfar untuk seluruh kaum beriman. Sebab, dengan kalimat yang ringkas dan padat itu kita dapat memperoleh pahala yang berlimpah dalam waktu yang singkat.

Sungguh, betapa besar pahala yang akan kita perolehi apabila membacanya berkali-kali dalam setiap doa kita sehari-hari. Dan betapa lebih banyak lagi jika kita tidak lupa mendoakan pula semua kaum beriman yang telah meninggal dunia. Dengan menjalankan tuntunan ini, kita pasti dapat menjadi seorang jutawan pahala, bukan jutawan harta dan wang.

Ada banyak pengajaran yang dapat kita ambil daripada hadis di atas. Di antaranya apa yang paling penting adalah:

Zawa'id (10/94) mengatakan, hadis ini sanadnya shahih.



1. Kekuatan jalinan ukhuwah imaniyah di antara kaum muslimin. Islam selalu mengajarkan umatnya untuk saling mendoakan antara satu sama lain meskipun saling berjauhan. Hal seperti ini tidak didapatkan dalam agama lain. Maka, jika seorang muslim sedar akan kekuatan jalinan tersebut, rasa dengki yang ditiupkan oleh syaitan ke dalam jiwanya tentu akan sirna. Sebab, bagaimana mungkin dia menyimpan perasaan dengki terhadap saudaranya sesama muslim yang selalu dia doakan dari kejauhan?

2. Orang yang sentiasa berdoa untuk dirinya sendiri, tidak ingat orang lain dan lupa dengan saudara-saudaranya sesama muslim, adalah orang yang bersifat egoistik yang secara tidak langsung justeru menghalangi dirinya sendiri untuk mendapatkan pahala yang berlimpah.

3. Barangsiapa mendoakan saudaranya dari kejauhan, Allah menjamin doanya itu dimakbulkan. Shafwan (r.a) meriwayatkan: “Ketika sampai di Negeri Syam, aku berhasrat menjumpai Abu al-Darda’ di rumahnya. Tetapi aku tidak bertemu dengannya dan hanya bertemu dengan Ummu al-Darda’. Lalu dia bertanya kepadaku: “Apakah engkau akan melaksanakan ibadah haji tahun ini?” “Ya,” jawabku. Lalu dia berkata: “Kalau begitu, doakan kami semoga sentiasa dalam keadaan baik. Sesungguhnya Nabi (s.a.w) pernah bersabda: ‘Doa seorang muslim untuk saudaranya dari kejauhan itu mustajab, kerana di atas kepalanya terdapat para malaikat yang setiap kali dia mendoakan kebaikan untuk saudaranya, mereka berkata: Amin’, dan semoga engkau

mendapatkan kebaikan seperti itu pula."[1]

Oleh itu, wahai saudaraku sesama muslim, sepatutnya apabila kita selalu menyertakan saudara kita dalam setiap doa kita dengan tujuan agar kita dapat memetik pahala yang berlimpah daripadanya.

Kalau kita cerdas dan ingin doa kita mustajab, maka jangan berdoa untuk diri sendiri sahaja. Doakan pula kawan kita dari kejauhan agar ada malaikat yang mengaminkan dan turut serta memohonkan kepada Allah. Semoga, dengan cara itu doa kita mudah dimakbulkan dan kita juga mendapatkan keuntungan dunia dan akhirat.

Ummu al-Darda' meriwayatkan bahawa Abu al-Darda' mempunyai 350 kawan seiman dan seagama. Dia selalu mendoakan mereka setiap kali selesai mengerjakan solat. Lalu aku bertanyakan kebiasaan itu kepadanya, dan dia menjawab: "Ketika seseorang mendoakan saudaranya dari kejauhan, Allah menugaskan dua malaikat untuk berkata: 'Semoga engkau mendapatkan seperti itu pula'. Oleh itu, tidakkah wajar apabila aku ingin didoakan pula oleh malaikat?"

Dia juga meriwayatkan bahawa pada suatu malam, ketika Abu al-Darda' sedang mengerjakan solat, dia menangis seraya berdoa: "Ya Allah, Engkau telah baguskan bentuk rupaku, maka baguskan pula akhlakku," sampai pagi hari.

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim (17/50).

Lalu aku bertanya kepadanya: “Wahai Abu al-Darda’, mengapa doamu selama satu malam tadi hanya meminta dibaguskan akhlak?”

Dia menjawab: “Wahai Ummu al-Darda’, apabila akhlak seseorang muslim itu baik maka kebaikan akhlaknya itu akan memasukkannya ke dalam syurga. Apabila buruk akhlaknya, maka keburukan akhlaknya itu akan memasukkannya ke neraka; dan seorang hamba muslim nescaya akan diampuni dosanya meskipun dia tidur.”

Lalu aku bertanya lagi: “Bagaimana itu boleh terjadi, wahai Abu al-Darda’?”

Dia berkata: “Itu kerana saudaranya bangun di malam hari untuk bertahajjud. Lalu dia berdoa kepada Allah dan dimakbulkan. Kemudian dia mendoakan saudaranya dan juga dimakbulkan.”[1]

Hamdun al-Dallal memiliki satu lembaran kertas yang bertuliskan tiga ratus nama kawan-kawannya. Dia sentiasa mendoakan mereka setiap malam. Namun, pada suatu malam dia tertidur dan lupa mendoakan mereka. Oleh itu, ketika masih lelap tidur tiba-tiba terdengar suara: “Wahai Hamdun, bukankah engkau belum menyalakan lampu-lampumu malam ini?” Maka dia pun segera bangun menyalakan lampu dan mengambil lembarannya. Kemudian dia mendoakan mereka seorang demi seorang hingga selesai.[2]

---

[1] *Al-Zuhd* karya Imam Ahmad bin Hanbal, hal. 140.

[2] *Shifah al-Shafwah*, Ibn al-Jauzi (1/553).



Apakah kita juga akan mengingat saudara mara, guru-guru, dan teman-teman kita serta mendoakan mereka?

10. Membantu dalam Kesulitan Orang lain

Sebahagian orang terutama mereka yang berharta dan berkedudukan tinggi seringkali mengeluh apabila ada orang lain datang kepadanya untuk meminta bantuan atau pertolongan, terutama kalau dia mempunyai kedudukan atau lebihan harta. Mereka ini tidak tahu bahawa sesiapa yang membantu saudaranya dalam mengatasi kesusahan, nescaya Allah akan membantu mengatasi kesusahannya kelak. Bahkan, Allah selalu menolong hamba-Nya selagi dia mahu menolong saudaranya. Dan perbuatan membantu seorang saudara dalam mengatasi kesusahannya, sama ada dalam bentuk nasihat, arahan, dan anjuran, pahalanya lebih utama di sisi Allah daripada pahala beri'tikaf selama sebulan.

Daripada Abdullah bin Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

أَحَبُّ النَّاسِ إِلَى اللهِ تَعَالَى أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ، وَأَحَبُّ الأَعْمَالِ إِلَى اللهِ تَعَالَى سُرُورٌ تُدْخِلُهُ عَلَى مُسْلِمٍ، أَوْ تَكْشِفُ عَنْهُ كُرْبَةً، أَوْ تَقْضِي عَنْهُ دَيْنًا، أَوْ تَطْرُدُ عَنْهُ جُوعًا، وَلأَنْ أَمْشِيَ مَعَ أَخٍ فِي حَاجَةٍ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ أَنْ أَعْتَكِفَ فِي هَذَا الْمَسْجِدِ

يَعْنِي مَسْجِدَ الْمَدِينَةِ شَهْرًا، وَمَنْ كَفَّ غَضَبَهُ سَتَرَ اللهُ عَوْرَتَهُ، وَمَنْ كَظَمَ غَيْظَهُ وَلَوْ شَاءَ أَنْ يُمْضِيَهُ أَمْضَاهُ مَلأَ اللهُ قَلْبَهُ رَجَاءً يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ مَشَى مَعَ أَخِيهِ فِي حَاجَةٍ حَتَّى يَتَهَيَّأَ لَهُ أَثْبَتَ اللهُ قَدَمَهُ يَوْمَ تَزُولُ الأَقْدَامِ، وَالْخُلُقُ السُّوءُ يُفْسِدُ الْعَمَلَ كَمَا يُفْسِدُ الْخَلُّ الْعَسَلَ.

"*Orang yang paling disukai Allah adalah orang yang paling bermanfaat. Adapun beberapa amalan yang paling disukai Allah adalah perbuatanmu yang menyenangkan sesama muslim atau meringankan penderitaannya, melangsaikan hutangnya atau membuatnya menjadi kenyang setelah mengalami kelaparan. Berjalan bersama saudara muslim bagi mengatasi kesusahannya adalah lebih aku sukai daripada beri'tikaf di dalam masjid selama satu bulan. Barangsiapa menahan kemarahannya, Allah akan menutupi kekurangannya. Barangsiapa menahan kemarahannya meskipun kalau mahu dia mampu melampiaskannya, nescaya Allah akan menyenangkan hatinya pada hari kiamat kelak. Barangsiapa membantu saudaranya sesama muslim untuk mengatasi kesusahannya sehingga baik kondisinya, maka Allah akan mengukuhkan kakinya pada hari di mana kaki umat manusia akan tergelincir. Sesungguhnya akhlak yang tercela itu dapat merosakkan amal sebagaimana cuka boleh merosakkan madu.*"[1]

---

[1] Diriwayatkan oleh al-Thabarani, al-Kabir (12/346). Ia dinilai

Untuk membantu mengatasi kesusahan seorang sahabat kadang kala tidak memerlukan waktu sampai setengah jam. Namun, pahalanya ternyata melebihi pahala orang yang beri'tikaf selama satu bulan. Kita dapat membayangkan betapa banyak kepentingan yang harus kita korbankan untuk melakukan i'tikaf selama sebulan itu? Apatah lagi kita mesti menetap di masjid selama 30 hari secara berterusan, sama ada untuk berzikir, sujud, atau membaca al-Qur'an. Akan tetapi, dengan beberapa minit membantu mengatasi kesusahan seorang kawan atau membantu kesusahan seorang janda,[1] akan dicatatkan dalam catatan amal kita seakan-akan kita telah beri'tikaf selama bertahun-tahun. Nah, cubalah hitung, betapa banyak tahun yang tidak akan kita alami dalam alam nyata ini tetapi pahalanya tetap dicatat seolah-olah kita hidup di dalamnya selagi kita mahu meluangkan sebahagian waktu kita untuk membantu atau menolong kesulitan saudara kita sesama muslim?

---

hasan oleh al-Albani dalam *Silsilah al-Ahaditsi al-Shahihah* no. 906 dan *Shahih al-Jami'* (176). Adapun hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas (r.a), bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Barangsiapa berjalan untuk membantu kesusahan saudaranya adalah lebih baik baginya daripada beri'tikaf selama sepuluh tahun*." Riwayat hadis ini dha'if. Ia diriwayatkan oleh al-Thabarani dalam al-Awshat.

[1] Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Orang yang membantu para janda dan orang miskin sama seperti mujahid fi sabilillah atau orang yang mengerjakan qiyamul lail dan berpuasa pada waktu siang hari*." Diriwayatkan oleh al-Bukhari (9/407); Muslim (18/112).

Seorang pegawai kerajaan misalnya apabila menjalankan tugasnya dengan baik seperti memberi layanan kepada masyarakat di pejabatnya untuk pelbagai kepentingan dan dia memahami makna hadis di atas, maka dia akan melihat betapa banyak pahala yang dia perolehi ketika menjalankan tugasnya itu dengan baik. Namun sayang ternyata masih banyak pegawai yang justeru malas melayani masyarakat yang memerlukannya. Bahkan, ada pula di antara mereka yang malas masuk pejabat, menutup kaunter perkhidmatan sebelum waktunya, atau sengaja menangguhkan pekerjaannya sedangkan masyarakat sudah ramai yang menantinya. Seandainya orang-orang seperti ini mengetahui dan menghayati makna hadis tadi, nescaya akan berfikir seribu kali untuk bersikap demikian.

Demikianlah pembaca sekalian. Sebaiknya kita pun berusaha untuk sentiasa meringankan beban atau penderitaan saudara kita sesama muslim, terutama mereka yang ditimpa kesulitan, kelaparan, musibah atau bencana alam. Jangan biarkan mereka dijadikan sasaran rebutan lembaga-lembaga musuh Islam seperti lembaga-lembaga Kristian yang bersaing memberikan bantuan kemanusiaan kepada orang-orang yang dilanda bencana dalam rangka menarik simpati mereka supaya mudah dipujuk rayu untuk berpindah agama kerana alasan kelaparan, sakit, dan kesulitan hidup. Kita harus belajar bagaimana memberi bantuan kepada mereka dengan baik, bukan justeru berpura-pura tidak tahu dan mengelak. Ketahuilah bahawa ketika ibadah kita dapat memberi manfaat kepada orang lain, maka pahalanya lebih besar di sisi Allah.

Kisah Teladan Para Ulama Salaf

Kehidupan orang-orang soleh dipenuhi dengan kisah-kisah tauladan bagaimana mereka membantu di antara sesama mereka. Apa yang dikisahkan dalam buku-buku selama ini barulah sebahagian kecil daripadanya dan masih banyak yang belum diketahui. Sedangkan yang tidak diketahui masih lebih banyak lagi, kerana mereka selalu berusaha menyembunyikan amal baik mereka. Di antara kisah yang diketahui adalah:

- Abu Bakar al-Siddiq (r.a) senang membantu penduduk kampungnya memerah susu kambing mereka. Ketika beliau dilantik menjadi khalifah, seorang wanita penduduk kampungnya berkata: "Sekarang dia tidak akan lagi memerah susu untuk kami." Maka Abu Bakar berkata: "Tidak, aku berharap kedudukanku ini tidak merubah sesuatu yang biasa aku lakukan sebelum ini."[1]
- Umar bin al-Khattab (r.a) memiliki keprihatinan yang besar terhadap penderitaan yang dialami janda tua. Beliau sering mengangkut air untuk mereka pada waktu malam. Pada suatu malam Talhah melihatnya masuk ke rumah seorang wanita. Siangnya, Talhah mengunjungi rumah tersebut dan ternyata di dalamnya tinggal seorang wanita tua yang buta dan lumpuh. Lalu dia bertanya kepada wanita itu: "Apa yang dilakukan oleh Umar terhadapmu tadi

[1] *Jami' al-'Ulum wa al-Hikam* (2/295).

malam?" "Sudah sejak lama dia memperhatikanku. Dia sering mendatangiku dan membawa apa yang aku perlukan dan menyelamatkanku daripada penderitaan." Talhah pun berkata: "Sungguh celaka engkau Talhah, kerana engkau telah mencari-cari kesalahan 'Umar!"[1]

- Abu Wa'il sering mengunjungi rumah-rumah wanita tua dan orang-orang tidak mampu di negerinya untuk mencukupi keperluan mereka yang telah dia beli sebelumnya.[2]
- Mujahid berkata: "Aku pernah menemani Ibn Umar (r.a) dalam suatu perjalanan untuk membantunya, tetapi dia justeru yang lebih banyak membantuku."[3]
- Ketika Ali bin Husain (r.a) meninggal dunia, orang ramai melihat di badan bahagian belakangnya terdapat kesan yang menunjukkan beliau sering memikul guni gandum ke rumah-rumah para janda pada waktu malam.[4]
- Zaid bin al-Harith, setiap kali hujan pada waktu malam, beliau membawa api dan berkeliling mengunjungi orang-orang tua di kampungnya dan bertanya: "Apakah rumah kamu bocor?", atau, "Apakah kamu memerlukan api?" Kemudian pada

---

[1] Ibid. (2/295).

[2] Ibid. (2/295)

[3] Ibid. (2/295). *Shifah al-Shafwah*, Ibn al-Jauzi (1/242). *Al-Zuhd*, Ibn Hanbal, hal. 193.

[4] *Nuzhah al-Fudhala' Tahdzib Siyar A'lamin Nubala'* (1/406).



waktu pagi harinya, beliau berkeliling lagi ke rumah-rumah mereka dan bertanya: "Apa kamu memerlukan sesuatu yang perlu dibeli di pasar?" atau, "Adakah kamu memerlukan sesuatu?"

- Hakim bin Hizam merasa sedih apabila pada satu hari tidak menjumpai seseorang yang perlukan bantuannya. Bahkan beliau pernah berkata: "Setiap pagi di hadapan pintu rumahku ada orang kesulitan datang meminta bantuan dan aku menyedari bahawa kesulitannya itu merupakan musibah yang harus kujadikan jalan untuk memohon pahala kepada Allah (s.w.t)."[1]
- Sahal bin Basyar berkata: "Ibrahim bin Adham pernah berjumpa denganku ketika aku sedang kelelahan membelah kayu bakar. Dia menghampiriku dan berkata: "Wahai Muhammad, engkau lelah?" "Ya," jawabku. Dia bertanya: "Bolehkah aku bantu?" Aku menjawab: "Silakan!" "Bolehkah aku meminjam kapakmu?" lanjutnya. "Silakan," jawabku. Dia mengangkat sebatang kayu di bahunya dan kemudian mengambil kapak, lalu pergi. Tidak lama kemudian, pintu telah terbuka, belahan kayu sudah diletakkan di hadapan pintu dan dia telah meletakkan kapakku, lalu pergi. Sahal juga berkata: "Setiap selesai solat Isyak, Ibrahim mengunjungi setiap rumah seraya berteriak: "Siapakah ingin menumbuk gandum?"

[1] *Shifah al-Shafwah*, Ibn al-Jauzi (2/58). *Nuzhah al-Fudhala' Tahdzib Siyar A'lamin Nubala'* (1/493). *Hilyah al-Auliya' wa Tabaqat al-Ashfiya'*, Abu Nu'aim (5/31).

Pada suatu hari seorang wanita mengeluarkan sekeranjang biji gandum dan penumbuknya. Maka Ibrahim segera meletakkan penggiling gandum di kakinya dan mula menggiling biji-biji gandum itu sampai pagi tanpa meminta sebarang upah walau sedikit pun.[1]

Pembaca budiman, saya yakin anda termasuk orang yang senang membantu orang lain. Namun ingatlah, berbeza antara orang yang membantu dengan ikhlas dengan membantu sekadar ingin dipuji, atau sekadar untuk mendapatkan upah. Oleh itu, biasakanlah diri kita supaya tidak mengharapkan balasan selain daripada Allah. Ini bertujuan agar kita tidak kehilangan limpahan pahala yang sebahagiannya sudah kita ketahui.

Setelah memberi saranan kepada seseorang yang sedang mengalami kesulitan, 'Uqbah bin Amr pulang ke rumahnya dan melihat sebuah hadiah. Perawi berkata: "Aku kira dia berkata: 'Itu pasti itik dan ayam'. Namun, ternyata dia berkata: 'Apa ini?' Keluarganya menjawab: 'Orang yang engkau bantu telah mengirimnya ke sini.' Maka dengan serta merta dia berkata: 'Keluarkan barang itu dari rumah ini! Kerana aku tidak ingin mengambil balasan di atas bantuanku itu di dunia ini'."[2]

Ibn Syabrumah masyhur sebagai orang yang memiliki keprihatinan yang tinggi terhadap kesusahan yang dialami oleh sahabat-sahabatnya. Pada suatu hari

---

[1] *Hilyah al-Auliya' wa Tabaqat al-Ashfiya'* (7/372).

[2] *Al-Zuhd*, Imam Ahmad bin Hanbal, hal. 188.



seorang sahabatnya datang membawa hadiah untuknya. Maka dia bertanya: “Apa ini?” “Sebagai ucapan terima kasihku di atas bantuanmu selama ini kepadaku” jawab sahabat itu. Dia berkata: “Ambillah hartamu ini! Semoga Allah mengampunimu. Jika engkau meminta bantuan kepada saudaramu dan dia enggan memberikan bantuan, maka ambillah air wuduk dan laksanakan solat jenazah untuknya serta anggaplah dia sudah mati.”[1]

Pembaca yang budiman kita sudah mengetahui bahawa pahala yang besar tersebut diperuntukkan bagi orang yang membantu saudaranya sesama muslim. Dan perbuatan menolong antara satu sama lain merupakan perbuatan yang disunatkan dan itu diutamakan. Lalu, bagaimanakah dengan orang yang berbakti kepada ibu bapanya dan selalu membantu keperluan mereka? Bukankah itu merupakan satu kewajipan?

Orang sering merasa senang membantu kawan-kawannya, atau masyarakatnya, tetapi justeru enggan membantu kedua ibu bapanya dan saudara maranya sendiri. Bahkan tidak jarang ada yang selalu merasa kesal ketika menerima tugas atau permintaan tolong daripada kedua-dua ibu bapanya. Jelas, perbuatan seperti ini merupakan perbuatan derhaka kepada ibu bapa yang boleh mendatangkan bencana di dunia dan mengurangkan umur. Abu Bakrah meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

---

[1] *Ihya' 'Ulum al-Din* (2/195).

مَا مِنْ ذَنْبٍ أَجْدَرُ أَنْ يُعَجِّلَ اللهُ لِصَاحِبِهِ الْعُقُوبَةَ فِي الدُّنْيَا مَعَ مَا يَدَّخِرُ لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ الْبَغْيِ وَقَطِيعَةِ الرَّحِمِ.

"*Tidak ada dosa yang patut dipercepatkan hukumannya di dunia dan telah menunggunya seksa di akhirat melainkan dosa orang yang berbuat derhaka (kepada ibu bapa) dan orang yang memutuskan silaturrahim.*"[1]

C. Amal Jariah

Pahala amalan-amalan yang telah disebutkan tadi sememangnya besar, tetapi akan terputus ketika pelakunya telah meninggal dunia. Ringkasnya, ketika sudah meninggal maka dia tidak lagi mendapatkan pahala daripada amal-amal tersebut, kerana datangnya ajal akan membuatnya berhenti melaksanakan solat, membaca al-Qur'an, berzikir, bertasbih, menuntut ilmu, membantu orang lain dan melakukan amalan-amalan baik yang lain. Kita semua tentu menginginkan umur produktif dan bermanfaat yang panjang dan juga pahala yang berterusan mengalir meskipun kita telah meninggal dunia.

---

[1] Diriwayatkan oleh al-Tirmidzi (9/316); Abu Dawud (13/244). Ia dinilai sahih oleh al-Arna'uth dalam *Syarah Sunnah* oleh al-Baghawi (13/26) dan al-Albani dalam Shahih al-Tirmidzi no. (2039).

Oleh itu, kita mesti mengetahui amalan-amalan yang pahalanya terus mengalir meskipun kita sudah mati kelak. Dengan begitu, kita dapat segera melakukannya sebelum ajal kita tiba.

Di antara kemurahan Allah (s.w.t) untuk para hamba-Nya yang berumur pendek ini adalah Dia telah menunjukkan amalan-amalan yang terus mengalir pahalanya meskipun si pelaku sudah mati atau disebut dengan amal jariah. Di antara amalan-amalan itu adalah sebagaimana disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Umamah al-Bahili (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda:

أَرْبَعَةٌ تَجْرِي عَلَيْهِمْ أُجُورُهُمْ بَعْدَ الْمَوْتِ؛ مُرَابِطٌ فِي سَبِيلِ اللهِ، وَمَنْ عَمِلَ عَمَلاً أُجْرِيَ لَهُ مِثْلُ مَا عَمِلَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ فَأَجْرُهَا لَهُ مَا جَرَتْ، وَرَجُلٌ تَرَكَ وَلَدًا صَالِحًا فَهُوَ يَدْعُو لَهُ.

"*Empat perkara yang pahalanya terus mengalir kepada manusia meskipun setelah mereka mati, iaitu; (1) orang yang meninggal dunia ketika berjuang di jalan Allah, (2) orang yang mengajarkan ilmu dan pahalanya akan terus mengalir kepadanya selama ilmu itu diamalkan, (3) orang yang bersedekah dan pahalanya akan tetap mengalir kepadanya selama sedekahnya dimanfaatkan, dan (4) orang yang meninggalkan anak soleh yang sentiasa*

mendoakannya'."[1]

Berusahalah untuk mengamalkan salah satu di antara empat perkara itu atau kesemuanya, sehingga pahala kita tidak terputus dengan habisnya umur kita.

Berdasarkan hadis tadi, amal-amal jariah tersebut dapat dibahagikan ke dalam empat cabang sebagai berikut:

1. Meninggal dunia dalam Jihad fi Sabilillah

Daripada Salman al-Farisi (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) bersabda: "*Barangsiapa bersiap untuk berperang di jalan Allah sehari semalam, nescaya dia mendapat pahala sebesar pahala berpuasa dan solat malam selama sebulan. Barangsiapa meninggal dunia dalam keadaan (bersiaga) itu, maka pahala sebanyak tadi akan terus mengalir kepadanya, rezekinya dimudahkan dan diselamatkan daripada fitnah*."

Defenisi bersiaga (ribath) di sini menurut al-Shiddiq adalah menjaga sempadan negara Islam dengan orang kafir untuk mengamankan orang Islam daripada serangan oleh kaum kafir. Sedang al-'Aini berkata: "Makna Ribath adalah menjaga sempadan yang sering terdedah kepada serangan musuh." Lain halnya dengan Ibn Qutaibah. Menurutnya, munculnya istilah ribath (bersiaga) yang makna asalnya adalah "ikatan" bermula

---

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, *al-Fath al-Rabbani* (9/204).

daripada suatu keadaan di mana kedua-dua belah pihak yang sedang berperang merasa harus mengikatkan kuda mereka di daerah-daerah yang mereka anggap sebagai sempadan negara mereka. Namun, Ibn al-Tin mensyaratkan "kesiagaan" tersebut harus dijalankan bukan di wilayahnya sendiri sebagaimana beliau nukil daripada pendapat Ibn Habib daripada Malik. Lain halnya dengan pendapat al-'Aini. Menurutnya, kesiaga-an tersebut dapat juga dilakukan di wilayahnya sendiri dengan niat menetap di tempat itu untuk menyekat serangan musuh. Ada pula yang mengatakan bahawa makna ribath adalah bersiap siaga atau berjaga-jaga di wilayah yang bersempadan dengan wilayah musuh agar musuh tidak dapat masuk ke dalam wilayah negeri Islam.[1]

Dengan bersiaga perang di jalan Allah selama 24 jam sahaja, seseorang dapat memperolehi pahala sebesar pahala orang yang berpuasa dan solat malam selama satu bulan. Jika demikian, betapa banyak pahala para sahabat dahulu yang berjuang dan mati syahid membela Islam? Tentu sahaja sangat berlimpah. Apatah lagi mereka mendapatkan pahala sebanyak itu sejak 14 abad lalu sehingga sekarang, bahkan sampai hari kiamat kelak. Hal itu kerana setiap hari catatan amalnya bertambah seperti pahala berpuasa dan solat sebulan. Sungguh, betapa berlimpah pahala mereka pada hari kiamat nanti! Berapa juta bulan berpuasa dan solat yang dicatatkan untuk mereka? Apabila kita hitung pahala para sahabat

[1] *Dalil al-Falihin* (4/93).

yang mati syahid di jalan Allah itu sampai awal abad ini sahaja sudah menyamai pahala berpuasa dan solat malam selama 42,000 tahun. Untuk mengetahui lebih jauh tentang keutamaan bersiaga di jalan Allah, ada baiknya kita simak beberapa khabar gembira daripada Nabi (s.a.w) untuk para pejuang fi sabilillah. Semoga kita termasuk golongan mereka, meskipun hanya dengan menyalurkan sebahagian zakat dan sedekah kita untuk membantu perjuangan mereka.

Daripada Fadhalah bin Ubaid (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

كُلُّ مَيِّتٍ يُخْتَمُ عَلَى عَمَلِهِ إِلاَّ الَّذِي مَاتَ مُرَابِطًا فِي سَبِيلِ اللهِ فَإِنَّهُ يُنْمَى لَهُ عَمَلُهُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَيَأْمَنُ مِنْ فِتْنَةِ الْقَبْرِ.

"*Setiap orang yang telah meninggal dunia maka pahala amalnya ditutup, kecuali orang yang meninggal dunia ketika berjuang fi sabilillah. Orang seperti itu amalnya akan terus mengalir kepadanya sampai hari kiamat, dan dia diselamatkan daripada fitnah kubur*."[1]

Dalam Faidh al-Qadir, al-Manawi mengatakan bahawa pahala bersiaga atau berjuang fi sabilillah sehari semalam akan tetap mengalir. Dan ini menurutnya tidak bertentangan dengan hadis yang berbunyi: "*Apabila manusia mati, maka amalnya terputus kecuali*

[1] Diriwayatkan oleh Abu Dawud (7/177); al-Tirmidzi (7/123). Hadis ini hasan sahih menurut al-Tirmidzi dan al-Suyuthi dalam *al-Jami' al-Shaghir* (6357).

tiga perkara." Alasannya kerana meskipun tidak disebut secara langsung sebagai bahagian daripada tiga-tiga perkara itu, bersiaga dalam perang fi sabilillah ini dapat dikategorikan sebagai sedekah jariah.[1]

Daripada al-'Irbadh bin Sariyah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

كُلُّ عَمَلٍ مُنْقَطِعٌ عَنْ صَاحِبِهِ إِذَا مَاتَ، إِلَّا الْمُرَابِطُ فِي سَبِيلِ اللهِ، فَإِنَّهُ يُنْمَى لَهُ عَمَلُهُ، وَيُجْرَى عَلَيْهِ رِزْقُهُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ.

"*Semua pahala amal akan terputus dan pahalanya tidak lagi diterima oleh pelakunya sebaik dia meninggal dunia, kecuali orang yang mati dalam berjihad fi sabilillah. Sesungguhnya dia akan terus mendapatkan pahala daripada amalnya itu dan rezekinya akan tetap mengalir sehingga hari kiamat*."[2]

Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa ketika beliau sedang bersiaga, kawan-kawannya pergi beristirehat ke pantai. Tindakan mereka ternyata dibolehkan, sehingga mereka semua ikut ke pantai. Tetapi Abu Hurairah (r.a) tetap berada di tempatnya. Sampai akhirnya datang seseorang menjumpainya dan bertanya: "Wahai Abu Hurairah, mengapa engkau tidak mengikuti mereka?" Beliau menjawab: "Aku pernah mendengar Rasulullah

---

[1] *Faidh al-Qadir*, al-Manawi (5/34).

[2] Diriwayatkan oleh al-Thabrani (18/256). Ia dinilai hasan oleh al-Suyuthi dalam *al-Jami' al-Shaghir* (6332) dan sahih menurut al-Albani dalam *Shahih al-Jami*' no. (4539).

(s.a.w) bersabda:

مَوْقِفُ سَاعَةٍ فِي سَبِيْلِ اللهِ خَيْرٌ مِنْ قِيَامِ لَيْلَةِ الْقَدْرِ عِنْدَ الْحَجَرِ الْأَسْوَدِ.

'*Berdiri sesaat di jalan Allah lebih baik daripada mengerjakan solat malam pada malam lailatul qadar di hadapan Hajar Aswad*."[1]

Cuba fikirkan, betapa banyak pahala ibadah pada malam lailatul qadar yang melebihi pahala solat seribu malam itu! Belum lagi apabila ibadah itu dilaksanakan di Masjidil Haram, di mana pahala solat di sana dilipatgandakan sampai seratus ribu solat. Nah, dapatkah kita menghitung pahala bersiaga atau berjuang fi sabilillah ini?

Kita sudah tahu bahawa salah satu amal yang pahalanya terus mengalir sampai mati adalah berjuang fi sabilillah. Apakah kita ingin mendapatkan limpahan pahala besar yang ulama salaf soleh pernah berlumba-lumba untuk mendapatkannya itu?

2. Sedekah Jariah

Sedekah jariah adalah sedekah abadi yang terus dirasakan manfaatnya, misalnya mewakafkan harta benda

[1] Diriwayatkan oleh al-Baihaqi (4/40). Ia dinilai shahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Jami'* (6636).

kepada pertubuhan-pertubuhan masyarakat.[1] Jadi, sedekah jariah adalah sedekah atau amal yang kita berikan ketika masih hidup dan terus bermanfaat atau tetap dapat digunakan ketika kita sudah meninggal dunia. Contohnya antara lain menggali perigi, menanam pokok[2], membina masjid, atau tempat mengasuh anak yatim, menyumbangkan anggota badan setelah meninggal dunia, dan menyediakan air minum di tempat-tempat awam.

Abu Hurairah (r.a) meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

إِنَّ مِمَّا يَلْحَقُ الْمُؤْمِنَ مِنْ عَمَلِهِ وَحَسَنَاتِهِ بَعْدَ مَوْتِهِ عِلْمًا عَلَّمَهُ وَنَشَرَهُ وَوَلَدًا صَالِحًا تَرَكَهُ وَمُصْحَفًا وَرَّثَهُ أَوْ مَسْجِدًا بَنَاهُ أَوْ بَيْتًا لِابْنِ السَّبِيلِ بَنَاهُ أَوْ نَهْرًا أَجْرَاهُ أَوْ صَدَقَةً أَخْرَجَهَا مِنْ مَالِهِ فِي صِحَّتِهِ وَحَيَاتِهِ يَلْحَقُهُ مِنْ بَعْدِ مَوْتِهِ

"*Sesungguhnya amal dan kebaikan yang (pahalanya) terus mengiringi seorang mukmin setelah mati adalah ilmu yang dia ajarkan, anak soleh yang dia tinggalkan,*

---

[1] *Al-Nihayah fi Gharib al-Hadits wa al-Atsar* (1/246).

[2] Daripada Anas bin Malik (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Apabila seorang muslim menanam sebatang pohon atau tumbuhan, lalu burung atau manusia atau haiwan memakan buahnya, nescaya itu menjadi sedekah baginya.*" Diriwayatkan oleh al-Bukhari (5/5); Muslim (10/213); Imam Ahmad, *al-Fath al-Rabbani* (15/10); al-Tirmidzi (6/152).

mushaf al-Qur'an yang dia wariskan, masjid dan rumah istirehat bagi ibn sabil yang dia bangun, aliran sungai yang dibuatnya, atau sedekah yang dia keluarkan dari hartanya pada waktu masih hidup dan sihat pun pahalanya akan terus mengalir kepadanya sampai setelah dia meninggal dunia."[1]

Manusia diciptakan sebagai makhluk yang senang memiliki dan mengumpulkan harta. Bahkan, watak asas ini seringkali mendominasi atau melebihi akal kebanyakan manusia sehingga turut menguasai seluruh perilakunya, merubah cara pandangnya, dan menjadikan mereka tidak dapat berfikir selain untuk memuaskan nafsu dan melalaikan akhirat.

Ketika Aisyah (r.a) membahagikan daging kambing kepada para fakir miskin, beliau hanya menyisakan daging bahunya. Ketika Nabi (s.a.w) bertanya kepadanya: "Bahagian mana yang tidak engkau sedekahkan?" Aisyah (r.a) menjawab: "Hanya daging bahu sahaja." Nampaknya Rasulullah (s.a.w) kurang berkenan dengan jawapan itu, sebab kecenderungan untuk mengutamakan akhirat telah bersebati kuat dalam diri dan perilaku baginda. Maka baginda berniat meluruskan pemahaman Aisyah (r.a) dan memperluaskan wawasannya serta mengingatkannya kepada akhirat, meskipun Aisyah (r.a) sendiri sebenarnya termasuk orang yang gemar bersedekah. Lalu, apa yang dikatakan Nabi setelah itu?

---

[1] Diriwayatkan oleh Ibn Majah (1/106); al-Baihaqi (3448); Ibn Khuzaimah (4/121). Ia dinilai hasan oleh al-Manawi dalam *Faidh al-Qadir* (2/540).



Baginda berkata: "Semuanya masih ada bakinya, kecuali daging bahunya."[1]

Jawapan ini menunjukkan bahawa Rasulullah (s.a.w) seolah-olah berkata: "Apa yang kita sedekahkan itulah yang bakinya sedangkan yang bakinya pada kita itu pada hakikatnya bukan sisa sebagaimana dijelaskan oleh firman Allah:

مَا عِندَكُمْ يَنفَدُ ۖ وَمَا عِندَ ٱللَّهِ بَاقٍ ۗ ..... ﴿٩٦﴾

"*Apa yang ada pada kamu akan habis, sedang apa yang ada di sisi Allah itu kekal*…." (Surah al-Nahl: 96) Bilakah kita mampu menghayati ayat ini?

Saudaraku, para peniaga, pegawai atau sesiapa sahaja yang mendapatkan kenikmatan daripada Allah berupa harta yang berlimpah, apakah yang sudah kita berikan untuk diri kita sampai sekarang? Apakah kita hanya ingin menjadi orang kaya di dunia dan miskin di akhirat? Apakah kita mengira bahawa Allah memberikan harta itu hanya untuk memuaskan nafsu kita belaka? Apakah kita mengira bahawa gedung-gedung dan perusahaan kita, atau kekayaan yang kita simpan di bank adalah betul-betul milik kita? Jika demikian, tentu kita salah. Rasulullah (s.a.w) sendiri sudah meluruskan kefahaman yang salah itu.

Abu Hurairah (r.a) meriwayatkan bahawa Nabi (s.a.w) bersabda:

[1] Diriwayatkan oleh al-Tirmidzi (9/290).

يَقُولُ الْعَبْدُ: مَالِي مَالِي، إِنَّمَا لَهُ مِنْ مَالِهِ ثَلاَثٌ؛ مَا أَكَلَ فَأَفْنَى، أَوْ لَبِسَ فَأَبْلَى، أَوْ أَعْطَى فَاقْتَنَى، وَمَا سِوَى ذَلِكَ فَهُوَ ذَاهِبٌ وَتَارِكُهُ لِلنَّاسِ.

"*Seorang hamba berkata: 'Ini hartaku', padahal dia hanya memiliki tiga perkara dari hartanya itu: apa yang dia makan dan hilang, atau apa yang dia pakai dan kemudian rosak, atau apa yang dia sedekahkan untuk tabungannya di akhirat kelak. Selain itu, pasti hilang dan dia hanya meninggalkan untuk orang lain.*"[1]

Abdullah bin Mas'ud (r.a) meriwayatkan bahawa:

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَيُّكُمْ مَالُ وَارِثِهِ أَحَبُّ إِلَيْهِ مِنْ مَالِهِ؟ قَالُوا: يَا رَسُولَ اللهِ، مَا مِنَّا أَحَدٌ إِلاَّ مَالُهُ أَحَبُّ إِلَيْهِ، قَالَ: فَإِنَّ مَالَهُ مَا قَدَّمَ وَمَالُ وَارِثِهِ مَا أَخَّرَ.

"*Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Siapakah di antara kamu yang lebih menyenangi harta ahli warisnya daripada hartanya sendiri?" Para sahabat menjawab: 'Wahai Rasulullah, tidak seorang pun di antara kami melainkan lebih menyenangi hartanya sendiri.' Lalu Rasulullah (s.a.w) berkata: 'Sesungguhnya hartanya adalah apa yang dia sedekahkan dan harta ahli warisnya adalah yang dia*

[1] Diriwayatkan oleh al-Tirmidzi (9/290).

simpan'."[1]

Oleh itu, kalau kita benar-benar ingin menjadi orang kaya yang sejati, perbanyakkanlah sedekah terutama sedekah jariah yang pasti akan menjadi milik kita sendiri, kerana selain harta yang kita sedekahkan itu tidak akan pernah menjadi milik kita, tetapi milik ahli waris kita.

Ketika menghadiri sebuah perkumpulan di Bani Salamah, Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Wahai Bani Salamah, menurut kamu, siapakah orang yang mandul itu?"

"Orang yang tidak memiliki anak", jawab seseorang dari mereka.

Rasulullah (s.a.w) pun berkata: "Bukan, tetapi orang yang tidak memiliki anak kecil yang meninggal dunia." Lalu baginda bertanya lagi: "Siapakah orang yang miskin menurut kamu?"

Seseorang menjawab: "Orang yang tidak memiliki harta."

Nabi (s.a.w) berkata: "Bukan, tetapi orang yang berharta dan tidak pernah memperolehi pahala dari Allah dengan hartanya itu."[2]

Betapa ramai orang kaya di dunia ini yang kelak menjadi orang paling miskin di akhirat. Sebabnya mereka tidak pernah menyiapkan tabungan pahala

---

[1] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan al-Nasa'i (6/237).

[2] Diriwayatkan oleh Abu Ya'la dan al-Bazzar.



untuk dirinya dengan cara bersedekah.

Tidakkah kita ingin seperti 'Uthman bin Affan (r.a) yang memanfaatkan hartanya untuk membeli syurga tiga kali hingga Rasulullah (s.a.w) berkomentar: "Tindakan itu tidak akan merugikan 'Uthman." Rasulullah (s.a.w) mengucapkannya sehingga dua kali.[1]

Allah Swt menjadikan sepertiga harta kita untuk menambahkan amal soleh kita. Tidakkah kita segera memanfaatkan kesempatan ini sebelum ia berlalu? Khalid bin 'Ubaid al-Sulami (r.a) meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Allah (s.w.t) memberi sepertiga harta kamu untuk menambahkan pahala amalan-amalan kamu di saat telah mati*."[2]

Maka bersedekahlah kamu sebelum ajal tiba! Manfaatkan harta yang dikurniakan oleh Allah untuk tabungan kita di akhirat! Wakafkan sebahagian harta kita pada tempat yang benar agar pahalanya terus mengalir sampai saat kita berada di alam kubur. Pada dasarnya, orang yang cerdas adalah orang yang mampu menahan hawa nafsu dan beramal untuk masa setelah kematiannya.

Ketika sahabat mengetahui betapa penting wakaf dan termasuk amal yang pahalanya terus mengalir sampai setelah mati, mereka berlumba-lumba melakukan-

[1] Diriwayatkan oleh al-Thabarani (21/193); al-Tirmidzi (13/155).

[2] Diriwayatkan oleh al-Thabarani (4/198). Menurut al-Haitsami dalam *Majma' al-Zawa'id*, sanadnya hasan (4/212).



nya. Jabir (r.a) berkata: “Tidak seorang pun sahabat Rasulullah (s.a.w) yang kaya melainkan dia mewakafkan sebahagian hartanya.”[1]

Apakah kita ingin berbuat seperti mereka ataukah ingin menundanya sampai sakratul maut tiba dan kita hanya dapat berkata: “Seandainya aku menabung untuk kehidupanku saat ini.”

Adalah tidak sama antara beramal ketika masih sihat dengan ketika kematian sudah di ambang pintu. Seseorang bertanya kepada Nabi (s.a.w): “Wahai Rasulullah, sedekah apakah yang paling utama?” Baginda menjawab: “Sedekahmu ketika masih sihat dan bersemangat hidup, iaitu saat engkau ingin kaya raya dan takut miskin. Janganlah engkau menundanya sampai ketika nyawa sudah berada di tenggorokan, kerana saat itu engkau hanya dapar berkata: ‘Untuk si fulan sekian, dan si fulan sekian, ‘sedang harta itu sudah milik si fulan’.”[2]

Kunjungilah salah satu pertubuhan kemasyarakatan Islam, lembaga bantuan kemasyarakatan yang boleh dipercayai atau para aktivis sosial muslim di daerah kita, maka kita akan melihat betapa banyak peluang untuk bersedekah jariah. Kita dapat memilih sesuka kita dan menurut kita pahalanya paling besar. Kita tidak perlu menundanya, kerana kita tidak tahu bilakah nyawa akan keluar dari jasad kita.

---

[1] *Al-Mughni* oleh Ibn Qudamah (8/185).

[2] Diriwayatkan oleh al-Bukhari (5/439); al-Nasa’i (6/237).

Perhitungan Bisnes

Allah pasti memberi pahala kepada sesiapa sahaja yang bersedekah, kerana Dia telah berfirman:

..... وَمَا تُقَدِّمُوا۟ لِأَنفُسِكُم مِّنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِندَ ٱللَّهِ هُوَ خَيْرًا وَأَعْظَمَ أَجْرًا ۚ وَٱسْتَغْفِرُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٠﴾

"... *dan kebaikan apa saja yang kamu perbuat untuk dirimu nescaya kamu memperolehi balasannya di sisi Allah sebagai balasan yang paling baik dan yang paling besar pahalanya. Dan mohonlah ampun kepada Allah; sesungguhnya Allah maha pengampun lagi maha penyayang*." (Surah al-Muzzammil: 20)

Sebahagian orang terutama yang tidak berwawasan luas sering kali memandang remeh wakaf. Dalam fikiran mereka, wakaf itu tidak lebih dari sekadar membina masjid di samping rumah, membeli paip air atau al-Qur'an untuk masjid atau mewakafkan kebun kepada anak keturunannya. Untuk itu, mari kita cuba memperluaskan lagi cara pandang kita terhadap waqaf ini dari sudut-sudut pandang yang lain. Mengapa misalnya kita tidak melihatnya dari segi "bisnes" sebagai ladang subur untuk mendapatkan pahala sebanyak yang mungkin? Sebab, bukankah yang kita cari adalah bagaimana memanfaatkan waktu dan harta kita untuk mempertingkatkan lagi hasilnya?

Setiap peniaga berfikir bagaimana mendapat keuntungan besar dengan modal yang kecil. Cara fikir

ini dapat kita gunakan untuk melandasi cara kerja kita untuk akhirat. Mengapa kita tidak "berbisnes" dengan Allah iaitu dengan memilih amal-amal yang paling besar pahalanya di sisi Allah?

Ibn Abbas membatalkan i'tikafnya di Masjid Nabawi yang pahala solat di dalamnya seribu kali ganda daripada pahala solat di masjid lain hanya kerana kedatangan seorang yang memerlukan bantuannya. Lalu dia pun pergi bersama tetamunya itu untuk memenuhi keperluannya. Tindakan ini adalah kerana beliau tahu bahawa membantu kesusahan orang lain lebih baik daripada i'tikaf selama satu bulan di Masjid Nabawi.

Dengan cara berfikir bisnes seperti itu, kita dapat membezakan dan memilih amal-amal sunat yang berpahala besar dan perlu kita lakukan dengan kadar segera.

Berikut ini adalah beberapa persoalan yang perlu kita perhatikan dalam masalah wakaf dan sedekah jariah:

- Daripada mewakafkan penyejuk air minum ke masjid-masjid yang sudah banyak memilikinya dan hanya beberapa orang yang minum daripadanya adalah lebih besar manfaatnya apabila dialihkan ke sekolah-sekolah. Sebab di sekolah-sekolah itulah terdapat ratusan murid yang setiap hari pasti akan memerlukan dan menggunakannya.
- Daripada membangunkan dan memewahkan masjid dengan biaya ratusan juta ringgit di daerah kita yang sudah banyak memiliki masjid tentu lebih baik apabila biaya itu disumbangkan untuk membina



masjid-masjid di daerah lain yang belum memiliki atau kurang masjid. Pilihan ini insya Allah akan menambahkan lagi pahala dan jumlah istana yang kita bina di dalam syurga.[1]

- Daripada menyumbangkan sejumlah mushaf al-Qur'an untuk masjid di daerah kita yang sudah banyak memiliki al-Qur'an atau kadang lebih banyak daripada jumlah orang yang solat di dalamnya, tentu lebih baik apabila mushaf-mushaf tersebut diwakafkan ke masjid-masjid di daerah-daerah lain yang lebih memerlukan.

Perkara di atas dapat kita bincangkan pelaksanaanya dengan lembaga-lembaga sosial keagamaan yang boleh dipercaya di negara kita.

Demikianlah, dapatkah anda menerima perhitungan bisnes ini dan tertarik untuk menjalankannya?

3. Mendidik Anak Soleh

Anak soleh merupakan penambah umur dan dapat memperbanyakkan pahala kita sampai di alam kubur nanti. Maka, berusahalah memperoleh anak dari isteri yang solehah dan didiklah mereka menjadi anak-anak yang taat kepada Allah! Merekalah yang akan mengalirkan pahala kepada kita, mendoakan kita dan menjadikan kita selalu dikenang semasa telah berbaring di alam kubur.

---

[1] Rujuk buku saya *Kaifa Tabni Laka Qashran fi al-Jannah*?

Nabi (s.a.w) telah mengatakan bahawa apabila manusia meninggal dunia, pahala amalnya akan terputus kecuali tiga perkara, yang antara lain adalah anak soleh yang selalu mendoakannya. Bahkan, seperti dikatakan Rasulullah (s.a.w), doanya itu dapat menaikkan darjat kita di dalam syurga. Baginda bersabda:

ِنَّ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ لَيَرْفَعُ الدَّرَجَةَ لِلْعَبْدِ الصَّالِحِ فِي الْجَنَّةِ، فَيَقُولُ: يَا رَبِّ أَنَّى لِي هَذِهِ؟ فَيَقُولُ: بِاسْتِغْفَارِ وَلَدِكَ لَكَ.

"*Sesungguhnya Allah akan menaikkan darjat hamba-Nya yang soleh di dalam syurga. Lalu ada seseorang berkata: 'Ya Rabbi, dari mana aku akan mendapatkan itu?' Maka Allah menjawab: 'Dari istighfar anakmu untukmu'.*"[1]

Sesiapa pun patut bergembira apabila memiliki anak-anak yang soleh, kerana selain tabungan bagi kedua-dua ibu bapa di akhirat, mereka juga merupakan pelindung masyarakat daripada ditimpa bencana. Sebaliknya, ibu bapa patut bersedih apabila tidak mendidik anak-anaknya menjadi anak soleh. Sebab, mereka ini tidak lain hanya akan menjadi beban masyarakat dan tidak mungkin menaikkan darjat kedua-dua ibu bapanya di dalam syurga kelak.

Kita mengetahui betapa penting anak soleh tatkala sudah terbaring di dalam kubur. Hadiah demi hadiah, sama ada berupa pahala istighfar, sedekah, doa, atau

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad (9/205); al-Baihaqi, *al-Sunan al-Kubra* (1617).

haji dari anak-anak soleh kita akan terus mengalir tiada henti. Mereka akan terus berbakti dan mengingati kita dalam setiap ibadah dan doa mereka, meskipun kita telah meninggal dunia.

Itulah manfaat anak soleh. Sebaliknya anak nakal umumnya tidak akan pernah ingat sedikitpun dengan kedua ibu bapanya setelah keduanya meninggal dunia. Ia hanya ingat dengan kebaikan kita kerana harta yang kita wariskan. Selebihnya, mereka lupa dan boleh jadi tidak pernah terfikir langsung untuk mendoakan kita.

4. Mengajarkan Ilmu

Antara amal yang pahalanya mengalir meskipun kita telah meninggal dunia adalah mengajarkan kebaikan kepada orang lain. Hal ini dapat ditempuh dengan dua cara:

a. Mengajar dengan Tulisan

Selain ibadah-ibadah yang wajib, ada beberapa amal an yang juga memiliki keutamaan besar. Di antaranya adalah mempelajari dan mengajarkan agama Allah. Islam menganjurkan umatnya untuk selalu mengajarkan ilmu. Bahkan, Islam mengancam orang-orang yang sengaja menyembunyikannya dengan tali kekang yang terbuat daripada api neraka pada hari kiamat kelak.[1]

[1] Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w)



Ulama kita dahulu dikenali tekun mengajar dan menuliskan ilmu-ilmu agama yang mereka kuasai untuk umatnya. Hal itu kerana mereka sedar bahawa hanya ilmulah yang dapat menjadi warisan abadi mereka untuk para generasi penerusnya. Dan itu mereka lakukan bagi memperoleh pahala yang akan terus mengalir meskipun mereka sudah berpindah ke alam akhirat sebagaimana yang mereka ketahui daripada hadis Rasulullah (s.a.w):

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلاَّ مِنْ ثَلاثٍ؛ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ.

"*Apabila seseorang meninggal dunia maka pahala amalnya terputus, kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat, dan anak soleh yang sentiasa mendoakannya.*"[1]

Hadis di atas juga menyedarkan kita tentang keutamaan ilmu dan betapa penting mengajarkannya

---

bersabda: "*Barangsiapa ditanya tentang suatu ilmu lalu dia menyembunyikannya, maka orang itu akan diikat pada hari kiamat kelak dengan tali kekang yang terbuat daripada api neraka.*" Diriwayatkan oleh Abu Dawud (10/91).

Dalam riwayat lain, Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Tidaklah seseorang menghafal suatu ilmu, lalu dia menyembunyikannya kecuali dia datang pada hari kiamat kelak dalam keadaan dikekang dengan kekangan yang terbuat daripada api neraka.*" Diriwayatikan oleh Ibn Majah (1/114).

[1] Diriwayatkan oleh Muslim (11/85); Abu Dawud (8/86); al-Tirmidzi (6/144); al-Nasa'i (6/251).



kepada orang lain, sama ada melalui tulisan ataupun secara langsung.

Abu Hurairah (r.a) meriwayatkan sekitar lima ribu hadis yang masih dapat dibaca oleh umat Islam sampai ke hari ini. Jika dihitung, betapa banyak pahala yang terus mengalir kepadanya sejak 14 abad lalu hingga sekarang dan sampai hari kiamat kelak?

Demikian halnya dengan pahala ulama-ulama kita dahulu: seperti empat imam mazhab fiqh, tauhid dan lain-lain sebagainya. Meskipun mereka telah meninggal dunia ratusan tahun silam, tulisan atau karya mereka hingga saat ini masih dibaca, dipelajari dan dimanfaatkan oleh jutaan umat manusia.

Lain halnya dengan orang-orang sezaman mereka yang pada masanya dikenali sebagai orang kaya raya, berkedudukan tinggi, atau sebagai saudagar berjaya. Saat ini, nama-nama mereka hanya sedikit sekali yang masih dikenali. Bahkan, boleh jadi amal-amal mereka pun banyak yang putus pahalanya. Berbeza dengan mereka yang senang memberi sedekah jariah, selain memiliki nama baik yang tetap dikenang, mereka terus memperoleh aliran pahala sampai hari kiamat tiba.

Adalah tidak salah apabila Ibn al-Jauzi mengatakan bahawa karya seorang alim merupakan anaknya yang abadi.[1] Sedangkan cara mengabadikan ilmu adalah dengan cara menuliskannya untuk generasi yang akan

---

[1] *Nilai Waktu Bagi Para Ulama* oleh Abdul Fattah Abu Ghuddah, hal. 45.

datang. Namun, meskipun tidak memiliki kemampuan menulis buku, kita tetap memiliki kesempatan dengan membantu biaya penerbitannya dan membahagikannya secara percuma kepada orang ramai.[1] Dapat pula kita membiayai pembuatan kaset atau CD Islami yang peredarannya hari ini sudah menyaingi buku.

b. Berdakwah

Cara lain menyebarkan ilmu adalah dengan berdakwah atau memberi khutbah-khutbah di majlis ta'lim dengan tujuan menyerukan ketaatan kepada Allah. Cara ini termasuk ibadah yang tidak kalah keutamaan dan pahalanya di sisi Allah. Sebab, berdakwah tidak lain merupakan tugas para nabi dan rasul. Allah (s.w.t) berfirman:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّن دَعَآ إِلَى ٱللَّهِ وَعَمِلَ صَٰلِحًا وَقَالَ إِنَّنِى مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾

---

[1] Ada sesetengah keluarga yang memiliki kebiasaan menghadiahkan perabot rumah tangga atau barang antik kepada saudara mara dan kawan mereka ketika menempati rumah baru. Tidakkah lebih baik kalau kebiasaan ini diganti dengan yang lebih bermanfaat untuk anda dan orang yang tinggal di rumah baru itu? Misalnya, menghadiahkan buku-buku tentang keagamaan, di mana manfaatnya akan mengalir bagi anda selama buku tersebut dimanfaatkan. Selain itu, barangkali dengan cara ini anda mampu membuka pintu hidayah kepada keluarga tersebut.

"*Siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah, mengerjakan amal soleh dan berkata: 'Sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang berserah diri'*." (Surah Fushshilat: 33)

Dakwah atau menyerukan ketaatan kepada Allah, selain termasuk salah satu cara menyebarkan ilmu, orang sering lupa bahawa ia memiliki erti penting bagi seorang da'i dan pendengarnya. Salah satunya adalah seorang penunjuk kebaikan akan mendapatkan pahala sebagaimana pelakunya. Ringkasnya, apabila kita telah mengajak seseorang untuk taat kepada Allah dan akhirnya dia menjalankannya dengan baik, maka kita pun akan mendapat pahala dari solatnya, tasbihnya dan semua amal soleh yang dia lakukan tanpa mengurangi sedikitpun pahalanya. Kemudian apabila dia juga mendakwahkannya kepada yang lain dan mereka bertaubat, maka kita akan mendapatkan pahala seperti yang mereka terima, meskipun kita sudah berada di dalam kubur. Demikianlah pahala itu akan terus mengalir seolah-olah kita mendapatkan umur yang panjang sebagaimana yang disebutkan dalam hadis Nabi (s.a.w). Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَنْ دَعَا إِلَى هُدًى كَانَ لَهُ مِنْ ٱلْأَجْرِ مِثْلُ أُجُورِ مَنْ تَبِعَهُ لاَ يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ أُجُورِهِمْ شَيْئًا، وَمَنْ دَعَا إِلَى ضَلاَلَةٍ كَانَ عَلَيْهِ مِنْ ٱلإِثْمِ مِثْلُ آثَامِ مَنْ تَبِعَهُ لاَ يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ آثَامِهِمْ شَيْئًا.

"Barangsiapa menyeru kepada petunjuk Allah, nescaya dia akan memperolehi pahala sebesar pahala orang-orang yang mengikuti seruan itu tanpa mengurangi pahala mereka sedikitpun. Barang siapa mengajak kepada kesesatan, maka dia akan mendapat dosa seperti dosa orang yang mengikutinya tanpa mengurangi dosa mereka sedikitpun."[1]

Kita tentu ingin mendapatkan kebaikan sebanyak-banyaknya dari beberapa amalan yang disebutkan dalam buku ini dan juga buku-buku yang lain. Dan sudah tentu kita juga ingin berumur panjang dan memanfaatkan umur kita untuk menjalankan ketaatan kepada Allah (s.w.t).

Seruan atau dakwah kita kepada orang lain untuk taat kepada Allah merupakan tambahan umur bagi kita. Ketika kita menyampaikan kepada seseorang tentang bagaimana cara memanjangkan umur produktifnya yang dapat menghasilkan pahala ribuan tahun beribadah, maka kita pun akan mendapat pahala yang sama sepertinya. Dengan erti kata lain, seandainya kita menyampaikan kepada seratus orang, maka kita akan memperoleh pahala sejumlah pahala yang diterima seratus orang tersebut. Dengan begitu, seolah-olah kita hidup seratus kali ganda atau seakan-akan umur kita bertambah seratus kali ganda jumlah umur mereka.

[1] Diriwayatkan oleh Muslim (16/227); Abu Dawud (12/362); al-Tirmidzi (10/142).

Ada perumpamaan bahawa seseorang diajak ke kebun untuk memetik buah sebanyak-banyaknya dalam waktu tiga menit. Jika dia hanya menggunakan kemampuan tenaganya sendiri, dia tidak akan dapat mengumpulkan buah sebanyak-banyaknya dalam waktu sesingkat itu. Namun, apabila dia cerdas dan mengajak seratus orang untuk membantunya, pastilah dia berjaya mengumpulkan buah sebanyak yang mungkin.

Demikian pula berdakwah kepada agama Allah. Kebunnya adalah dunia, dan buahnya adalah pahala. Lalu, Allah menyeru kita agar memperbanyakkan kebaikan sebelum meninggal dunia. Kalau kita cerdas, maka ajaklah orang lain untuk berpegang pula kepada hidayah-Nya dan mentaati-Nya. Dengan begitu insya Allah kita akan memperolehi pahala sebesar pahala orang yang kita ajak dan seru. Dengan erti kata lain, selain mengumpulkan pahala untuk dirinya sendiri, orang itu juga akan mendatangkan pahala untuk kita.

Kesimpulannya, dakwah di jalan Allah ibarat tanah yag subur dan strategik untuk memanjangkan umur produktif kita. Bahkan, dapat dikatakan sebagai kaedah yang pahalanya melebihi sarana-kaedah yang disebutkan pada bab sebelum ini. Sebagai contoh, apabila kita memberitahu seseorang tentang pahala jihad, lalu dia berjihad dengan harta dan jiwanya, maka kita akan mendapatkan pula pahala seperti yang dia terima. Lebih daripada itu, apabila dia mati syahid, insya Allah pahala syahidnya itu turut kita perolehi. Oleh itu, hendaklah kita rajin berdakwah, jadilah pelopor kebaikan dan ketaatan kepada Allah dalam masyarakat kita, dan

jangalah ragu-ragu mengambil peranan sebagai salah satu pembangkit Islam yang ajarannya telah menyebar ke seantero dunia ini. Semoga Allah menjadikan kita sebagai da'i-da'i yang menyeru manusia ke jalan Allah.

Orang-orang kaya yang soleh tentunya akan berusaha mencari peluang untuk bersedekah atau berwakaf yang menjanjikan atau yang dapat bermanfaat hingga ratusan tahun, sehingga pahala mereka tidak terputus setelah mereka mati. Namun, perlu diketahui pula bahawa berdakwah kepada kebaikan juga merupakan salah satu bentuk wakaf yang tidak kalah pentingnya. Ketika kita mengajarkan ilmu yang bermanfaat kepada sekumpulan orang misalnya, maka kita akan mendapatkan pahala sebagaimana pahala mereka yang mengamalkan ilmu tersebut. Oleh itu, janganlah kita mengira bahawa apa yang disebut wakaf hanya dengan membina masjid, mewakafkan sawah, membahagikan al-Qur'an dan lain-lain sebagainya.

D. Memanfaatkan Waktu

Tiga kaedah memanjangkan umur: berakhlak mulia, beramal yang pahalanya berlipat kali ganda, dan melakukan amal jariah, telah selesai kita bahas. Namun, masih ada satu kaedah lagi yang tidak kurang pentingnya iaitu memanfaatkan waktu dengan baik untuk melakukan amal soleh.

1. Kepentingan Memanfaatkan Waktu

Waktu adalah hidup dan modal kita. Dengan kata lain, waktu adalah umur kita. Maka jangan sesekali anda mensia-siakannya, meskipun hanya satu detik untuk berbuat maksiat.

Kalau kita melihat, misalnya seseorang yang setiap harinya membakar wang meski sedikit, tentu kita akan mengangapnya sebagai orang bodoh yang tidak layak memiliki harta. Adapun orang yang mensia-siakan sebahagian umurnya untuk melakukan perkara yang tidak bermanfaat adalah lebih bodoh daripada orang tersebut, kerana harta dapat diganti, sedangkan umur apabila sudah berlalu tidak mungkin kembali lagi. Adalah benar kata-kata penyair ini:

Hari kemarin, yang baru sahaja berlalu, tidak ada orang yang dapat mengembalikannya.

Seorang mukmin sejati pasti sedar bahawa dia sentiasa berpacu dengan waktu. Apabila dia melalui sebuah waktu tanpa memanfaatkannya untuk mendulang pahala, bererti dia telah lalai dan terpedaya. Atas dasar itulah, Ibn Mas'ud (r.a) berkata: "Aku tidak pernah menyesali sesuatu seperti aku menyesali hari di mana matahari pada hari itu sudah terbenam, sedangkan umurku terus berkurang dan amalanku tidak pernah bertambah."[1] Ketika seorang muslim duduk di suatu

---

[1] *"Nilai Waktu Bagi Para Ulama*", hal 27, dan "*Waktu Dalam Kehidupan Seorang Muslim*," hal. 13.



majlis atau berjalan dalam suatu perjalanan tidak ingat sedikitpun kepada Tuhannya, pada hari kiamat kelak (iaitu ketika melihat kenikmatan syurga), dia akan menyesal kerana waktunya itu dia lalui bukan untuk suatu ibadah yang dapat menaikkan darjatnya kepada satu tingkatan yang lebih tinggi di dalam syurga. Hal ini bersesuaian dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَا جَلَسَ قَوْمٌ مَجْلِسًا فَلَمْ يَذْكُرُوا اللهَ فِيهِ إِلاَّ كَانَ عَلَيْهِمْ تِرَةً، وَمَا مِنْ رَجُلٍ مَشَى طَرِيقًا فَلَمْ يَذْكُرْ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ إِلاَّ كَانَ عَلَيْهِ تِرَةً، وَمَا مِنْ رَجُلٍ أَوَى إِلَى فِرَاشِهِ فَلَمْ يَذْكُرْ اللهَ إِلاَّ كَانَ عَلَيْهِ تِرَةً.

"*Ketika suatu kaum duduk dalam suatu majlis dan tidak berzikir kepada Allah, maka kelak mereka akan menyesal. Ketika seseorang berjalan pada suatu perjalanan tidak juga berzikir (ingat) kepada Allah, mereka pun kelak akan menyesal (kerugian). Ketika seseorang berbaring di atas katilnya dan tidak berzikir kepada Allah, dia pasti akan menyesal.*"[1]

Perhatikan beberapa karya tulis ulama kita dahulu yang sebahagiannya memerlukan waktu yang melebihi jumlah umur mereka untuk menyelesaikan karya itu! Bagaimana dan bilakah mereka menulisnya? Bukankah

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad.

pada zaman itu belum ada alat percetakan dan komputer yang dapat mempercepatkan proses tersebut? Mengapa hal itu terjadi? Jawapannya boleh jadi kerana mereka selalu memanfaatkan umur mereka detik demi detik dengan baik, sehingga umur mereka dipenuhi oleh keberkatan.

Kadang kala cara sebahagian mereka memanfaatkan waktu untuk ketaatan kepada Allah boleh dikategorikan sebagai keajaiban menurut pemikiran kita hari ini. Seperti diceritakan oleh Abu Nu'aim dalam Hilyah al-Auliya' misalnya, kononnya Dawud al-Tha'i lebih suka minum "*fatit*" (sup roti) daripada makan roti. Ketika ditanya alasannya melakukan itu, dia menjawab: "Perbezaan waktu untuk mengunyah roti dan minum sup roti itu cukup untuk membaca lima puluh ayat."[1]

Cuba fikirkan perilaku mereka itu! Betapa penting erti waktu bagi mereka, sehingga mereka menggnakan waktu sebaik mungkin untuk melakukan sesuatu yang bermanfaat.[2]

Kalau kita membaca kisah beberapa tokoh pendahulu kita dalam memanfaatkan waktu dan kewaspadaan mereka agar tidak kehilangan waktu sedikitpun untuk menjalankan kebaikan, kita akan menyedari betapa rugi cara hidup kita selama ini. Bahkan, boleh jadi kehausan mereka terhadap waktu yang bermanfaat lebih besar daripada kehausan kita terhadap wang.

---

[1] *Da'ul Qulub wa Shalab al-Nufus*, hal. 91.

[2] Rujuk *Qimah al-Zaman* karya Abdul Fattah Abu Ghuddah.



Salah satu contoh cara ulama salaf memanfaatkan waktu adalah mereka rajin membaca al-Qur'an ketika dalam perjalanan. Bahkan, mereka sering kali mengukur jarak dan waktu perjalanan mereka dengan jumlah ayat al-Qur'an yang mereka baca.

Majdudin Abu al-Barakat, datuk Ibn Taimiyah, apabila hendak masuk tandas, dia menyuruh seseorang untuk membacakannya sebuah buku dengan suara yang keras. Dengan begitu, waktunya tidak terbuang begitu sahaja tanpa faedah.[1] Dapatkah kita berbuat sepertinya?

Sedangkan al-Hasan al-Basri, tokoh yang dikenali dengan pejuang yang gigih beribadah ini tidak pernah membiarkan satu minit pun dari umurnya hilang sia-sia. Setiap ada waktu kosong dan tidak ada yang perlu dikerjakan, beliau menggerakkan lidahnya dengan bacaan tasbih.[2]

Kisah-kisah di atas semoga mampu membuatkan orang malu untuk bertanya tentang hukum bermain domino atau menonton berbagai filem romantik, filem seram ataupun komedi. Paling tidak, dengan membaca kisah-kisah para ulama itu, mereka menyedari betapa penting memanfaatkan waktu dengan baik.

Ada banyak cara memanfaatkan waktu yang dapat kita lakukan pada zaman moden ini. Misalnya, mendengarkan kaset ceramah ketika sedang menaiki

---

[1] Ibid. hal. 67.

[2] Al-Zuhd oleh Imam Ahmad bin Hanbal, hal. 282. *Jami' al-'Ulum wa al-Hikam* (2/517).



kereta. Dalam setahun misalnya, apabila kita dapat mendengarkan dua ratus kaset, bererti kita telah memanfaatkan dua ratus jam dari umur kita untuk suatu kebaikan. Kita dapat juga meniru apa yang dilakukan Majdudin Abul Barakat: menyalakan tape recorder untuk mendengarkan ceramah-ceramah agama. Dengan begitu, iman dan ilmu kita akan bertambah pada waktu dan tempat di mana kebanyakan orang lalai memanfaatkannya.[1]

Mengapa kita tidak mula memanfaatkan waktu untuk perkara-perkara yang bermanfaat sama ada untuk dunia mahupun akhirat sejak sekarang? Bilakah lagi kita akan sedar dari kelalaian kita ini? Bukankah kita tidak tahu berapa lama lagi kita akan hidup di dunia ini?

Di antara kita ada yang apabila kehilangan wang sedikit saja, biasanya merasa sedih sekali. Tapi ironinya, hal itu tidak terjadi tatkala waktu dan umurnya hilang sia-sia. Abu al-Darda' (r.a) berkata: "Seseorang dinilai berpengetahuan rendah adalah apabila mendapat nikmat dunia berupa limpahan harta, dia bersuka cita dan menyia-nyiakan umurnya siang malam tanpa merasa sedih sedikitpun. Itu merupakan kesesatan yang sia-sia: wang bertambah, tetapi umur berkurangan."[2]

Sementara, Sarri al-Saqathiy pernah berkata: "Jika kamu gusar kerana harta berkurangan, maka tangisi

[1] *Al-Mughni* oleh Ibn Qudamah (1/226).

[2] *Shifah al-Shafwah* (1/269).



pula umur kamu yang berkurang tanpa manfaat!"[1]

Abu Bakar bin 'Ayyasy pernah berkata: "Ada manusia yang apabila wangnya hilang satu dirham, sepanjang hari dia memaki hamun seraya mengucapkan, 'Aduh… wangku hilang,' tetapi dia tidak pernah berkata, 'Aduh…, umurku telah hilang satu hari secara sia-sia'."[2]

Gunakanlah waktu dengan baik: jangan biarkan telinga atau lidah kita terlepas daripada mengerjakan kebaikan selama masih hidup! Sebab kita tidak pernah tahu bila jantung kita berhenti berdegup.

Setiap kali selesai mengerjakan tugas kita mencari kehidupan, gunakan sisa waktu kita untuk menambah pahala dengan melakukan kebaikan dengan zikir, membaca al-Qur'an atau membaca buku-buku yang bermanfaat, bersilaturahim, berdakwah di jalan Allah dan lain-lain sebagainya.

Mungkin pada suatu hari kita merasa bosan. Oleh itu, sesekali kita dapat menghibur diri dengan sesuatu yang dibolehkan agama. Dan niatkan itu untuk memotivasi diri agar terus sentiasa dalam ketaatan. Dengan begitu, meskipun bertujuan menghibur diri, namun apa yang kita lakukan insya Allah akan dicatat sebagai amal kebaikan pula.

---

[1] Ibid. (1/559).

[2] *Hilyah al-Auliya'*, (8/203).



2. Manfaatkan Hidup Sebelum Tibanya Ajal!

Panjang atau pendeknya umur manusia merupakan rahsia Allah. Kita dapat melihat sendiri si fulan mati dalam umur hampir 60 tahun, si fulanah umur 30 tahun, dan bahkan ada pula yang mati ketika masih kecil. Begitulah semua diberi kesempatan dalam hidup ini agar Allah melihat bagaimana mereka beramal. Hidup merupakan nikmat dan kurnia Allah apabila digunakan untuk mencari keredhaan-Nya. Nah, apakah kita sedia akan memanfaatkan kesempatan hidup ini sebelum ia berakhir?

Ketika mengkebumikan jenazah saudara atau kawan, seseorang hendaklah membayangkan bagaimana seandainya yang dikubur itu adalah dirinya sendiri. Akhir dan kehidupan yang dialami oleh sahabatnya itu pun bakal terjadi pada dirinya sendiri pada suatu hari nanti. Dengan begitu, dia akan menyedari betapa besar nikmat Allah kepadanya ketika Allah memberinya umur yang lebih panjang daripada umur saudara atau kawan yang mati tadi. Dia juga sedar bahawa dirinya harus segera bertaubat dan meminta ampun kepada Allah di atas segala kelalaiannya terhadap perintah Allah selama ini. Setelah itu, hendaklah dia memanfaatkan sisa umurnya yang akan semakin berkurangan untuk melakukan amal-amal soleh.

Jika kita sedar bahawa pada hakikatnya umur kita semakin berkurangan dan bukannya bertambah, maka gunakanlah cara hitungan bertambah untuk mengumpulkan kebaikan sebanyak-banyaknya. Dan itu

dapat dilakukan dengan memanjangkan umur produktif kita. Umar bin Abdul Aziz berkata: "Siang dan malam selalu bekerja kepada dirimu. Maka bekerjalah engkau di dalam kedua-duanya!"[1]

Darjat manusia di dalam syurga kelak berbeza-beza. Mengapa demikian? Ada kisah menarik yang dapat menjelaskannya, iaitu kisah tentang perbezaan darjat dua orang yang mati pada masa Nabi (s.a.w) yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah (r.a). Setelah mendengar riwayat ini, kita tahu betapa penting nikmat umur, sehingga kita akan memanfaatkannya untuk menjalankan ketaatan kepada Allah.

Abu Hurairah (r.a) menceritakan bahawa ada dua orang dari Bala, suatu daerah di Qudha'ah, masuk Islam. Salah seorang daripadanya bersyahadat di hadapan Rasulullah (s.a.w) terlebih dahulu dan seorang lagi setahun setelahnya baru masuk Islam. Beberapa waktu kemudian, Talhah bin 'Ubaidillah (r.a) berkata: "Aku bermimpi melihat orang yang kedua itu dimasukkan ke dalam syurga terlebih dahulu sebelum yang pertama. Jadi aku hairan dan pada keesokan harinya aku menceritakannya kepada Rasulullah (s.a.w). Baginda lalu bersabda: 'Bukankah setelah masuk Islam dia berpuasa Ramadan, solat 6,000 rakaat, dan solat sunat ini dan itu sekian rakaat?"[2]

---

[1] *Al-Waqt fi Hayah* al-Muslim oleh Dr. Yusuf al-Qaradhawi hal. 13.

[2] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad (2/333); Ibn Majah (2/456). Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Targhib* no. 368.

Tambahan umur merupakan kurniaan ilahi yang diberikan Allah kepada hamba-Nya agar dia bertambah taat kepada-Nya. Hidup adalah nikmat ilahi. Oleh itu, gunakanlah untuk menjalankan ketaatan kepada Allah sebelum ajal tiba, sehingga kita mendapat redha Allah dan kelak mendapatkan darjat yang tinggi di dalam syurga! Jangan sesekali menangguhkan taubat dari apa sahaja maksiat yang kita lakukan! Hal ini kerana akan memendekkan umur produktif kita. Ketahuilah bahawa syurga Allah itu mahal dan dunia bukan tempat untuk berfoya-foya dan beristirehat. Dunia merupakan tempat ujian dan beramal. Maka, tangguhkan istirehat kita sampai ke alam kubur nanti, dan kurangkan permainan dan tidur kita, kerana nanti akan ada waktu tidur panjang yang waktu paginya itu adalah hari kiamat.

3. Segera Bertaubat

Allah tentu akan membezakan darjat hamba yang bersegera mematuhi perintah-Nya dengan orang yang selalu menangguhkannya. Darjat orang yang sudah menjalankan ibadah kepada Allah sejak berumur dua puluh tahun dengan orang yang menangguhkan taubatnya kerana lalai dan sengaja mengabaikan perintah Allah, hingga umurnya sudah menghampiri enam puluh tahun, tentu berbeza. Bagaimanapun, orang yang kedua ini telah mensia-siakan usia muda yang oleh orang yang pertama tadi dimanfaatkan dengan baik untuk menjalankan ketaatan kepada Allah.

Sebagaimana dalam kisah tadi, orang yang menangguhkan taubat dan tidak segera melaksanakan perintah-Nya bererti telah kehilangan umur produktif-nya atau memendekkan umurnya yang produktif untuk menjalankan ketaatan kepada Allah. Oleh itu, segeralah bertaubat dan beribadah kepada Allah! Sebab Allah (s.w.t) berfirman:

۞ وَسَارِعُوٓاْ إِلَىٰ مَغۡفِرَةٖ مِّن رَّبِّكُمۡ وَجَنَّةٍ عَرۡضُهَا ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلۡأَرۡضُ أُعِدَّتۡ لِلۡمُتَّقِينَ ١٣٣

"*Dan bersegeralah kamu kepada ampunan dari Rabbmu dan kepada syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertaqwa.*" (Surah Ali Imran: 133).

Sibukkan diri kita dengan amalan-amalan soleh, terutama yang dapat memanjangkan umur produktif! Dengan begitu, nescaya kita akan mendapatkan pahala yang banyak. Al-Hasan al-Basri berkata: "Allah membezakan antara hamba-Nya yang bersegera kepada-Nya dengan yang sering menundanya."[1]

4. Taubat "Orang-orang Khusus"

Seorang muslim yang benar-benar ingin memanjangkan umurnya berpandangan bahawa menghabiskan waktu

[1] *Shifah al-Shafwah* oleh Ibn al-Jauzi (1/316).

untuk perkara-perkara yang mubah dan main-main merupakan satu kezaliman ke atas dirinya sendiri dan dia mesti segera bertaubat daripadanya.

Ibn al-Qayyim al-Jauziyah berkata: “Orang-orang khusus bertaubat kerana waktunya terbuang sia-sia untuk bermaksiat atau bermain-main. Perbuatan maksiat dan permainan itu telah menjadikannya lalai dan hina di mata Allah. Dan orang yang sentiasa memanfaatkan waktunya dengan baik akan meraih kesempurnaan hidup dan darjat yang tinggi di sisi Allah. Meskipun demikian, apabila kemudian dia mensia-siakan waktunya, dia tidak mampu mempertahankan darjatnya yang mulia itu. Begitulah manusia, kalau tidak berusaha secara berterusan memacu diri untuk beribadah, maka dia menjadi manusia yang ketinggalan.”

Manusia ini makhluk yang bergerak: ke atas atau ke bawah, ke depan atau ke belakang, kerana alam dan syariat tidak pernah mengenal henti walau sejenak pun. Semua itu merupakan tahapan-tahapan menuju akhirat: syurga atau neraka, yang itu boleh jadi dilalui dengan cepat atau lambat. Cepat atau lambat manusia akan mati, dan tidak ada yang dapat berhenti di tengah jalan walau pun sejenak. Semuanya akan mendapat giliran untuk mati. Apa yang berbeza adalah arah dan kecepatan dari sebuah perjalanan itu. Allah (s.w.t) berfirman:

إِنَّهَا لَإِحْدَى ٱلْكُبَرِ ﴿٣٥﴾ نَذِيرًا لِّلْبَشَرِ ﴿٣٦﴾ لِمَن شَآءَ مِنكُمْ أَن يَتَقَدَّمَ أَوْ يَتَأَخَّرَ ﴿٣٧﴾

"*Sesungguhnya Saqar itu salah satu bencana yang amat besar, sebagai ancaman bagi manusia, iaitu bagi siapa di antaramu yang berkehendak akan maju atau mundur*." (Surah al-Muddatstsir: 35-37)

Pada ayat tersebut tidak disebut kata "yang berhenti", kerana memang tidak ada tempat antara syurga dan neraka, dan tidak ada jalan sama sekali kecuali kedua-dua jalan tersebut. Jadi barangsiapa yang tidak bersegera (maju) menjalankan amal soleh, maka dia akan mundur dan terus berada dalam amal-amalnya yang buruk.[1]

5. Menuai Pahala daripada Amalan yang Mubah

Antara cara memanfaatkan waktu adalah dengan menuai pahala dari pelbagai amal yang dimubahkan, iaitu amalan-amalan yang pelakunya tidak mendapat pahala dan yang meninggalkannya tidak mendapat dosa. Perkara yang mubah ini antara lain makan, minum, tidur, rekreasi, mempelajari ilmu-ilmu umum, atau permainan yang bersifat menghiburkan.

Setiap manusia memerlukan amalan-amalan mubah di atas yang mahu tidak mahu juga akan menyita sebahagian waktunya. Tidur misalnya, keperluan ini dapat mencapai lebih kurang sepertiga daripada umur manusia. Dengan meniatkan beberapa perkara di atas untuk menambah semangat dalam ketaatan kepada Allah dan mencegah diri daripada berbuat maksiat, menurut

[1] *Tahdzib Madarij al-Salikin*, hal. 154-155.



kebanyakan ulama akan dapat mendatangkan pahala. Jika demikian, ini bererti kita telah memanfaatkan bahagian terbesar daripada umur kita untuk mengumpulkan kebaikan. Dengan kata lain, kita telah melakukan sesuatu untuk memanjangkan umur produktif kita.

Ibn Rajab berkata: "Ketika seorang mukmin meniatkan nafsu manusiawinya yang mubah untuk menambah semangat ketaatannya kepada Allah, maka memenuhi nafsunya itu akan mendatangkan pahala. Niat seperti ini pernah dicontohkan oleh Mu'adz bin Jabal (r.a). Beliau berkata: 'Aku meniatkan tidurku sebagaimana niatku ketika solat.' Beliau meniatkan tidurnya agar dapat bangun tengah malam untuk mengerjakan solat."[1]

Ibn Syatth berkata: "Apabila amalan-amalan yang mubah seperti makan, minum, atau mencari harta diniatkan untuk menambah atau memperkuatkan lagi ketaatan, maka amalan-amalan itu termasuk ibadah pula."[2]

Dalam pada itu, Dr. al-Asyqar berkata: "Jika seorang muslim meniatkan tidur dan makannya untuk menambah ketaatan kepada Allah, supaya dapat bangun tengah malam dan mampu berjihad di jalan Allah, nescaya dia akan memperoleh pahala di atas perbuatan-perbuatan itu kerana niatnya."[3]

---

[1] *Jami,ul Ulum wal Hikam* (2/192).

[2] *Maqashidul Mukallafin*, hal. 495.

[3] Ibid.

Begitulah, meniatkan amalan-amalan mubah kita untuk tujuan memperkuatkan ketaatan dan ketakwaan termasuk salah satu cara memanjangkan umur yang produktif untuk menghasilkan tambahan kebaikan.

Seorang muslim yang "dahaga" terhadap waktu atau yang ingin harinya lebih daripada 24 jam, maka hendaklah memanfaatkan waktu-waktunya hanya untuk menjalankan kebaikan dan ibadah. Sebab dengan meniatkan tidurnya untuk mendapat redha Allah sahaja, maka waktu tidurnya itu menjadi tidak sia-sia dan bermanfaat, kerana Allah memberinya pahala di atas niatnya tadi. Demikian pula amalan-amalan mubah yang lain, seperti makan atau minum.



BAB KETIGA
PETUAH MEMELIHARA UMUR YANG PRODUKTIF

Saudaraku…

Setelah melakukan suatu kebaikan yang pahalanya sama dengan amalan-amalan yang dilakukan selama ribuan tahun meskipun sebenarnya kita tidak hidup sepanjang tempoh itu atau sama dengan jutaan amalan kebaikan, masihkah kita akan berfikiran untuk berbuat maksiat dan menyia-nyiakan umur dengan melakukan perkara-perkara yang tidak bermanfaat?

Tidakkah sebaiknya apabila sejak hari ini kita berusaha untuk terus memelihara amalan-amalan tersebut dengan disertai keikhlasan sampai kita menghadap Allah pada hari kiamat kelak? Manusia tidak tahu bilakah ajalnya datang. Oleh itu, segeralah meraih kurnia Allah dan kerjakanlah amalan-amalan yang pahalanya berlipat ganda! Setelah itu, kita perlu memelihara amalan-amalan itu dari empat perkara berikut:

A. Perkara-Perkara yang Merosakkan Kebaikan

Ada beberapa perbuatan maksiat yang termasuk dosa besar dan dapat menghapuskan kebaikan serta menambah beratnya dosa. Kita harus segera mengetahuinya, sehingga dapat berhati-hati supaya tidak sampai melakukan satu pun daripadanya. Sebab satu dosa daripadanya boleh merosakkan kebaikan-kebaikan kita yang meskipun sudah bertimbun banyaknya.

Thauban (r.a) meriwayatkan satu hadis yang dapat membuatkan orang-orang soleh tidak dapat tidur dan khuatir amalan mereka menjadi sia-sia. Beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: '*Aku benar-benar melihat di antara umatku pada hari kiamat nanti ada yang datang dengan membawa kebaikan sebesar gunung-gunung di Tihamah yang berwarana putih, lalu Allah menjadikannya seperti kapas berterbangan*'."

Thauban (r.a) bertanya: "Wahai Rasulullah, jelaskan kepada kami, siapakah mereka itu? Agar kami tidak termasuk golongan mereka, kerana kami tidak tahu!"


Baginda bersabda: "*Mereka adalah saudara-saudara kamu dan sebangsa dengan kamu. Mereka juga bangun malam seperti kamu, akan tetapi apabila mendapat kesempatan untuk berbuat maksiat, mereka melakukannya*."[1]

[1] Diriwayatkan oleh Ibn Majah (2/561). Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Silsilah al-Abadits al-Shahihah* no. 505.



B. 'Ujub[1] dan Berbangga dengan Amalannya

Beberapa amal kebaikan yang dijelaskan dalam buku ini tidak akan banyak bermanfaat apabila tidak kita amalkan. Dengan mengamalkannya, semoga kita kelak berbahagia dengan pahala yang akan kita perolehi. Akan tetapi berwaspadalah, jangan sampai kita berlaku 'ujub, membanggakan dan mempamerkan amal-amal soleh kita yang banyak itu! Jangan pula membanggakannya di hadapan Allah untuk menuntut pahala yang lebih banyak, kerana kita akan celaka! Allah telah melarang nya melalui firman-Nya:



"*Dan janganlah kamu memberi (dengan maksud) memperoleh (balasan) yang lebih banyak.*" (Surah al-Muddatsir: 6)

Saya khuatir, kita terkena penyakit 'ujub, sehingga berani meremehkan dosa-dosa kecil yang pernah kita lakukan. Maksudnya, kerana terlampau bangga dengan kebaikan-kebaikan yang pernah kita lakukan, syaitan mudah menipu kita dengan mengatakan bahawa kesalahan kecil "ini" akan tenggelam dalam lautan

---

[1] Menurut Bisyr al-Harits, 'ujub adalah membanggakan amalnya sendiri dan meremehkan amal orang lain (*Hilyah al-Auliya* 8/348). Sementara, ketika Ibn al-Mubarak ditanya tentang 'ujub, beliau menjawab: "Apabila engkau merasa memiliki sesuatu yang tidak dimiliki orang lain." (*Nuzhah al-Fudhala'* 2/657).

kebaikan kita. Jika bisikan ini merasuk pada diri kita, syaitan pasti akan mula meyakinkan kita bahawa dosa kecil tidak bererti apa-apa dan mudah diampuni Allah. Syaitan juga akan mengatakan bahawa kebaikan kita sudah sangat berlimpah untuk memasukkan kita ke dalam perangkap 'ujub' dan berbangga diri. Jika ini terjadi, kita akan menjadi yakin bahawa kita pasti masuk syurga dengan amal kita. Keyakinan inilah yang membuat kita merasa memiliki hak di sisi Allah.

Abu Hurairah (r.a) meriwayatkan bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda:

لَنْ يُدْخِلَ أَحَدًا عَمَلُهُ الْجَنَّةَ، قَالُوا: وَلاَ أَنْتَ يَا رَسُولَ اللهِ، قَالَ: وَلاَ أَنَا إِلاَّ أَنْ يَتَغَمَّدَنِي اللهُ مِنْهُ بِفَضْلٍ وَرَحْمَةٍ.

"*Tidak seorang pun di antara kamu yang masuk syurga kerana amalnya." Para sahabat bertanya: "Apakah engkau termasuk juga di dalamnya, wahai Rasulullah?" Baginda menjawab: "Benar, aku juga termasuk di dalamnya, kecuali jika Allah melimpahkan rahmat dan kurnia-Nya dari amal itu kepadaku*."[1]

Oleh itu, para ulama terdahulu sentiasa mengingatkan akan bahaya 'ujub'. Abdullah bin Mas'ud misalnya berkata: "Keselamatan itu ada dalam dua perkara; takwa dan niat. Sedangkan celaka ada dua perkara juga; putus asa dan 'ujub."[2]

---

[1] Diriwayatkan oleh al-Bukhari (2/300); Muslim (17/160).

[2] *Tanbih al-Ghafilin* (2/351).

Mutharrif bin Abdullah berkata: "Aku lebih senang tidur semalam tanpa mengerjakan solat malam, lalu paginya menyesal daripada aku melakukan solat malam, tapi paginya 'ujub."[1]

Sementara, Sufyan al-Thauri berkata: "Peniaga yang mengharap rahmat Allah lebih dekat kepada-Nya daripada seorang ahli ibadah yang merasa dirinya yakin tidak akan mendapat kurnia Allah kecuali dengan amalannya."[2]

Ada banyak bentuk 'ujub dalam mengerjakan amal soleh ini. Misalnya, mengingat kebaikan-kebaikan yang telah dilakukan dan merasa yakin bahawa dirinya berhak memperolehi pahala dari Allah atau dengan amalnya itu merasa berhak masuk syurga, sementara dia lalai dan sengaja melupakan dosa-dosanya tanpa perasaan takut.

Salamah bin Dinar berkata: "Seorang hamba akan mengerjakan suatu kebaikan yang membuatkannya senang ketika melakukannya, pada hal Allah tidak pernah menciptakan suatu keburukan yang lebih membahayakan daripada hal itu untuknya. Dan seorang hamba akan melakukan keburukan sampai dia merasa resah ketika melakukannya, dan Allah tidak pernah menciptakan sesuatu lebih bermanfaat daripada itu baginya. Hal itu, kerana ketika seorang hamba me-

[1] *Ihya' Ulum al-Din* (3/345). Al-Zuhd, hal. 241. *Nuzhah al-Fudhala'* (2/241).

[2] *Hilyah al-Auliya'* (7/38).



rasa senang di atas kebaikan yang dilakukannya, lalu membanggakannya dan merasa dirinya lebih baik daripada orang lain. Dan seorang hamba ketika merasa resah saat melakukan keburukan, Allah akan menjadikannya takut kepada-Nya sehingga dia akan segera kembali kepada-Nya dengan hati yang diliputi oleh perasaan takut."[1]

Cara Mengelakkan Diri daripada 'Ujub

Pertama, menyedari bahawa amal soleh yang dapat kita lakukan adalah berkat kurnia Allah. Hal ini ditegaskan Allah dalam firman-Nya:

وَمَا بِكُم مِّن نِّعۡمَةٖ فَمِنَ ٱللَّهِۖ ..... ﴿٥٣﴾

"*Dan apa saja nikmat yang ada pada kamu , maka itu dari Allah.*" (Surah al-Nahl: 53)

Kedua, menyedari bahawa ada orang lain yang memiliki pahala lebih banyak. Perlu diketahui bahawa beberapa amalan yang telah dipaparkan dalam buku ini, sebahagian besarnya merupakan bentuk-bentuk amalan utama yang besar pahalanya telah diketahui oleh ramai orang. Sementara di sebelah kanan-kiri ini terdapat banyak orang yang mengalami ujian, tetapi mereka sabar menghadapinya tersebut. Mereka ini sebagaimana dikatakan Allah akan diberi pahala yang tidak terhitung

[1] *Hilyah al-Auliya'* (3/242).

jumlahnya. Allah (s.w.t) berfirman:

..... إِنَّمَا يُوَفَّى ٱلصَّـٰبِرُونَ أَجْرَهُم بِغَيْرِ حِسَابٍ ۝١٠

"... *sesungguhnya hanya orang-orang yang sabarlah yang dicukupkan pahala mereka tanpa batas*." (Surah al-Zumar: 10)

Atas dasar ini, bererti kita harus berusaha menahan diri daripada menyombongkan pelbagai amal soleh yang telah kita lakukan. Apa yang perlu adalah bagaimana kita selalu bersyukur kepada Allah, kerana berkat limpahan taufik-Nya kita dapat selamat daripada godaan nafsu, sehingga kita tetap dapat melakukan amal-amal soleh tersebut dan termasuk orang-orang yang mendapat petunjuk.

Ketiga, menyedari bahawa sebesar apa pun pahala yang kita dapatkan, di akhirat kelak kita akan melihatnya sangat kecil lantaran suasana hari itu yang amat menggerunkan dan kita menjadi sedar bahawa kita belum beribadah kepada Allah dengan sungguh-sungguh. Muhammad bin Abu Umairah (r.a), salah seorang sahabat Nabi (s.a.w) berkata: "Sekiranya diperlihatkan kepada seorang hamba segala apa yang dia lakukan sejak lahir sehingga mati dalam ketaatan kepada Allah, hari kiamat akan membuat amal-amalnya kelihatan kecil. Dia pasti ingin dikembalikan ke dunia agar dapat menambah pahala dan kebaikannya."[1]

---

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, *al-Fath al-Rabbani* (24/146).

Diriwayatkan oleh 'Utbah bin 'Abd bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

لَوْ أَنَّ رَجُلاً يُجَرُّ عَلَى وَجْهِهِ مِنْ يَوْمِ وُلِدَ إِلَى يَوْمِ يَمُوتُ هَرَمًا فِي مَرْضَاةِ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ لَحَقَّرَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

"*Sekiranya diperlihatkan kepada seorang hamba apa yang dia lakukan sejak lahir hingga mati dalam keredhaan Allah, maka pada hari kiamat tetap akan membuat amal-amalnya itu kelihatan kecil.*"[1]

Ibn al-Qayyim al-Jauziyah berkata: "Barangsiapa mengenali Allah, hak-hak-Nya dan pelbagai ibadah yang perlu dilakukan untuk mengagungkan-Nya, maka pahalanya yang terhimpun itu tetap kelihatan sangat kecil di matanya. Hal itu kerana dia sedar bahawa pahala-pahalanya itu tidak akan menyelamatkan dirinya daripada azab Allah. Oleh itu, semakin banyak kebaikan yang dia lakukan, maka dia justeru merasakannya semakin sedikit dan kecil. Hal itu kerana semakin banyak amalan baiknya, pintu-pintu makrifat terbuka untuknya dan dia semakin dekat dengan-Nya, sehingga hatinya dapat menyaksikan keagungan Allah yang menyebabkan dirinya memandang kecil semua amalannya. Jika dia merasa bahawa amal-amalnya

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad (24/146); al-Thabarani (19/249). Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Silsilah al-Abadits al-Shahihah* no. 446.

itu besar dan banyak, maka itu pertanda bahawa dia terhalang daripada mengenali Allah dan tidak ada yang apa dia lakukan untuk-Nya."[1]

Keempat, jangan terlampau percaya bahawa amalan-amalan kita sudah banyak! Ini kerana pada hakikatnya kita tidak pernah tahu sama ada amal-amal kita itu diterima di sisi Allah ataupun tidak. Ibn 'Aun berkata: "Jangan meyakini bahawa amal kita sudah banyak, kerana kita tidak tahu sama ada amal-amal itu diterima di sisi Allah atau pun tidak! Sesungguhnya semua amal kita itu masih misteri."[2]

Apa yang paling penting, berusahalah untuk selalu merasa takut kalau-kalau amal kita ditolak. Aisyah (r.a) mengatakan dirinya pernah bertanya kepada Rasulullah (s.a.w) tentang makna ayat:

وَٱلَّذِينَ يُؤْتُونَ مَآ ءَاتَوا۟ وَّقُلُوبُهُمْ وَجِلَةٌ ..... ﴿٦٠﴾

"*Dan orang-orang yang memberikan apa yang telah mereka berikan dengan hati yang takut*." (Surah al-Mu'minun: 60)

Aisyah (r.a) bertanya: "Apakah mereka itu orang-orang yang minum minuman keras dan mencuri?" Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Bukan, wahai puteri al-Shiddiq, akan tetapi mereka adalah orang-orang yang berpuasa, bersolat, bersedekah, tetapi mereka takut

---

[1] *Tahdzib Madarij al-Salikin*, hal. 154.

[2] *Jami' al-Ulum wa al-Hikam* (1/438).

kalau-kalau amal mereka tidak diterima (di sisi Allah). Mereka itulah orang-orang yang bersegera melakukan kebaikan."[1]

Para ulama mentafsirkan mereka adalah orang-orang yang melakukan amal soleh dan khuatir tidak diterima oleh Allah kerana takut amal-amal itu tidak mereka kerjakan dengan sebaik-baiknya.

C. Merampas Hak Orang Lain

Jangan sekali-kali menyakiti saudara kita sesama muslim dengan salah satu anggota badannya, sama ada dengan cara mengumpat, mengadu domba, maki hamun dan lain-lain sebagainya! Elakkan perbuatan merampas hak orang lain! Ini kerana jika kita melakukannya, maka pada hari kiamat kelak mereka akan mengambil kebaikan yang telah kita kumpulkan untuk mengganti hak-hak mereka yang telah kita langgar. Bahkan, apabila kebaikan kita tidak cukup untuk membayarnya, maka dosa-dosa mereka akan dibebankan kepada kita, sehingga timbangan amal baik kita menjadi ringan. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tahukah kamu siapakah orang yang bankrap?"

Para sahabat menjawab: "Menurut kami, dia adalah orang yang tidak memiliki wang dan harta."

Lalu baginda bersabda: "Orang bankrap di kalangan

---

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad (18/216).

umatku adalah orang yang datang pada hari kiamat kelak dengan membawa solat, puasa, zakat, tapi ternyata dia pernah mencaci si "ini", menuduh si "ini", memakan harta si "ini", membunuh si "ini", dan memukul "ini", sehingga kerananya pahala diambil untuk si "ini" dan si "ini" (sebagai tebusan di atas perbuatannya selama dilakukan di alam dunia). Kemudian apabila pahala kebaikannya habis sebelum habis menebus semua amal kejahatannya, maka dosa-dosa mereka dikurangi dan dibebankan kepadanya, lalu dia dihumban ke dalam api neraka."[1]

Demikianlah, maka hendaklah kita bergaul dengan akhlak yang baik! Sesungguhnya akhlak yang mulia itu membuat kita disenangi orang lain dan aman daripada gangguan mereka di samping akan menjaga tabungan kebaikan kita.

D. Dosa yang Mengalir

Jika ingin mendapatkan pahala yang terus mengalir sampai ketika kita mati, maka elakkan melakukan perkara-perkara yang boleh mendatangkan dosa-dosa yang terus mengalir sampai ketika kita mati. Di antaranya adalah menegah seorang muslim menjalankan perintah agama, berfatwa tanpa ilmu, menyebarkan kaset-kaset lagu-lagu atau filem-filem lucah dan banyak

[1] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad (24/150); Muslim (16/135); al-Tirmidzi (9/253).

lagi. Ingatlah, apabila anjuran kita itu dikerjakan oleh orang lain, maka kita ikut berdosa. Ini dijelaskan oleh Nabi (s.a.w) dalam sabdanya:

مَنْ سَنَّ فِي ٱلإِسْلاَمِ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرُهَا وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أُجُورِهِمْ شَيْءٌ، وَمَنْ سَنَّ فِي ٱلإِسْلاَمِ سُنَّةً سَيِّئَةً كَانَ عَلَيْهِ وِزْرُهَا وَوِزْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا مِنْ بَعْدِهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ.

"*Barangsiapa melakukan suatu kebaikan dalam Islam, maka dia akan memperoleh pahala di atas perbuatannya itu dan juga pahala orang yang mengikutinya tanpa mengurangi pahala orang itu sedikitpun. Barangsiapa menciptakan satu keburukan dalam Islam, maka dia akan mendapat dosa dari perbuatannya itu dan juga dosa orang yang mengikutinya tanpa mengurangi dosa orang itu sedikitpun.*"[1]

Tidakkah anda tahu bahawa anak Adam yang pertama sentiasa mendapat dosa dari setiap kejahatan pembunuhan yang terjadi di muka bumi ini, kerana dialah orang yang pertama melakukan pembunuhan?

Daripada Abdullah bin Mas'ud (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) bersabda:

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim (16/226); al-Tirmidzi (10/143); al-Nasa'i (5/75).

لاَ تُقْتَلُ نَفْسٌ ظُلْمًا إِلاَّ كَانَ عَلَى ابْنِ آدَمَ الْأَوَّلِ كِفْلٌ مِنْ
دَمِهَا، وَذَلِكَ لِأَنَّهُ أَوَّلُ مَنْ سَنَّ الْقَتْلَ.

"*Tidak satu pun pembunuhan jiwa secara zalim, melainkan anak Adam yang pertama turut mendapat bahagian dosanya. Sebab, dialah yang pertama melakukan pembunuhan*."[1]

Oleh itu, janganlah mewariskan dosa kepada sesiapa pun setelah kita meninggal dunia dan jadilah orang yang ketika mati, mati pula dosanya!

Al-Syatibi berkata: "Berbahagialah orang yang mati dan dosanya ikut mati bersamanya. Dan celakalah orang yang mati, tetapi dosanya tetap hidup hingga seratus atau dua ratus tahun, sehingga dia diseksa di dalam kubur dan terus dimintai pertanggung jawapannya atas perbuatan dosa yang dia wariskan itu."[2]

Habib Abu Muhammad berkata: "Antara kebahagiaan seseorang adalah tatkala dia mati, dosanya ikut mati bersamanya."[3]

Ada sebahagian orang yang menjadikan dirinya seperti harta yang diwakafkan, di mana dosa demi dosa terus mengalir kepadanya sampai setelah dia meninggal dunia. Misalnya, para bintang filem lucah dan juru

---

[1] Diriwayatkan oleh al-Bukhari (6/419); Muslim (2/166).

[2] *Al-Muwafaqat* (1/229).

[3] *Hilyah al-Auliya'* (8/296).



kameranya. Mereka ini akan menanggung dosa di atas perbuatannya itu sekaligus dosa-dosa jutaan manusia yang dia racuni dengan perbuatan kotornya itu selama bertahun-tahun. Demikian pula dengan ibu bapa yang membeli dan memasang TV kabel di rumahnya tanpa pernah mengawalnya. Ini kerana apabila TV kabel itu digunakan untuk menyaksikan pelbagai tayangan yang diharamkan Allah, setelah mereka mati kelak, maka anak-anaknya tentu akan mewarisi keburukan yang dia tinggalkan itu. Jika demikian, anak-anak itu tanpa sedar telah membuka saluran yang mengalirkan dosa untuk kedua-dua ibu bapa mereka. Dan "paip" itu akan terus mengalirkan dosa selama TV kabel itu mereka gunakan untuk menonton perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah.

Atas dasar itu, sebaiknya kedua-dua ibu bapa tidak membeli sesuatu yang dapat menghalangi dirinya dan keluarganya daripada beribadah kepada Allah. Dengan erti kata lain, hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan berhati-hati dengan amal buruk yang dosanya akan terus mengalir tersebut. Wariskanlah akhlak dan amal yang terpuji kepada anak-anak dan masyarakat, dan jadilah orang yang apabila mati, dosanya pun turut mati bersamanya.

KESIMPULAN

Sudah tentu tujuan hidup seorang muslim berbeza dengan umat lain. Hidup seorang muslim hanyalah untuk beribadah kepada Allah dan memanfaatkan waktunya untuk meningkatkan darjatnya di sisi Allah dengan melakukan amal-amal soleh.

Namun, ada persoalan yang sering dihadapi seorang muslim untuk mewujudkan tujuannya itu, iaitu pendeknya umur produktif di dunia yang biasanya tidak lebih daripada dua puluh tahun. Persoalan ini menuntutnya untuk mencari kaedah yang sesuai dengan ajaran agama untuk memanjangkan umurnya yang produktif dalam menambah pahala.

Memang ada perbezaan pendapat antara para ulama tentang pengertian memanjangkan umur ini. Sebahagian berpendapat bahawa maksud memanjangkan umur adalah membuatnya berkat. Ada pula yang mengatakan bahawa maksudnya adalah benar-benar memanjangkan umur secara fizikal.

Dari pendapat yang kedua ini, dapat disimpulkan bahawa umur dapat dipanjangkan dengan melakukan beberapa perkara yang antara lain bersilaturahim, berakhlak mulia dan berjiran tetangga dengan baik.

Sedangkan mengikut pendapat yang pertama bahawa panjangnya umur bererti berkatnya umur, cara memanjangkannya dapat ditempuh dengan mengerjakan beberapa amalan yang pahalanya berlipat ganda.

Tidak lupa pula setelah menghuraikan bentuk-bentuk amal soleh dan pahalanya, saya paparkan pula beberapa nasihat dan perhatian sebagai penutup. Hal itu bagi memelihara kelangsungan umur yang produktif tersebut. Secara umumnya ada empat jenis dosa yang dapat memendekkan umur, iaitu perkara-perkara yang menghapuskan pahala, 'ujub dengan amal, merampas hak orang lain, dan kejahatan yang dosanya berlipat ganda. Semoga Allah melindungi kita daripadanya.



PENUTUP

Pada penutup buku ini, saya hanya ingin kembali mengajak anda untuk selalu bertakwa kepada Allah, sama ada secara sembunyi-sembunyi atau terang-terangan. Hendaklah kita terus menjaga diri agar tetap taat kepada Allah, memanfaatkan peluang hidup ini dengan mengerjakan amal kebaikan dan hanya untuk mencari redha Allah.

Saya yakin, sebahagian besar yang dipaparkan dalam buku ini sudah kita ketahui sebelumnya. Hanya faedah dan manfaatnya mungkin belum pernah kita pelajari dengan cermat dan lengkap. Semoga, dengan buku ini kita makin bersemangat untuk mengerjakan dan melaksanakan amal-amal kebaikan yang telah dipaparkan dengan baik dan tahu akan dasar dan dalilnya.

Abdullah al-Baratsi berkata: “Barangsiapa tidak mengetahui pahala suatu amal, maka akan terasa berat baginya untuk mengerjakannya.”[1]

---

[1] *Shifah al-Shafwah* (1/566).

Saya sedar, apa yang saya paparkan dalam buku ini belum sempurna dan masih banyak kekurangan. Tambahan, cadangan dan kritikan tetap saya harapkan untuk menyempurnakan perbahasan buku ini.

Setelah membaca buku ini dengan cermat, kita akan dapat menyimpulkan bahawa semua amalan yang saya huraikan tadi sangat berkait rapat dengan persoalan waktu. Sebagaimana dikatakan oleh Ibn Taimiyah, semua amalan tadi dapat dilakukan dalam waktu yang singkat, tetapi pahalanya menyamai amal yang dikerjakan orang lain dalam waktu yang panjang. Dengan erti kata lain, amalan-amalan tersebut akan menambahkan umur kita yang produktif untuk melakukan pelbagai kebaikan. Oleh itu, jangan dicampur adukkan antara keutamaan-keutamaan amal ini dengan keutamaan-keutamaan amal-amal lain yang tidak disebutkan. Kalau belum jelas, kita dapat mengulang kembali membaca buku ini dengan saksama sehingga jelas.

Akhir sekali, saya memohon kepada Allah agar memudahkan kita berkata-kata dan beramal dengan ikhlas, serta menghindarkan kita daripada segala perkara yang dapat menghapuskan amal kebaikan yang telah kita lakukan. Tak lupa, saya juga memohon agar Allah memudahkan kita melakukan amal soleh yang pahalanya mengalir sampai hari kiamat.

Semoga Allah memberi ganjaran kepada semua pihak yang telah membantu proses pencetakan dan penerbitan buku ini sehingga sampai ke tangan pembaca. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, Memakbulkan doa lagi Maha Pemurah. Selawat dan salam semoga



dicurahkan kepada makhluk paling mulia dan pembimbing manusia, tuan dan nabi kita Muhammad (s.a.w) kepada keluarga dan para sahabatnya, serta sesiapa yang mengikuti ajarannya hingga ke hari kiamat. Amin.



